132

JILID IV
BIL: 3

HARI RABU
18 DISEMBER, 1985

LAPORAN PERSIDANGAN

OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG

YANG KEENAM

SIXTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

PENGGAL YANG KEEMPAT

FOURTH SESSION

MESYUARAT YANG KETIGA

THIRD MEETING

ISSN 0304-1697

JILID IV

BIL: 3

HARI RABU

18 DISEMBER, 1985

LAPORAN PERSIDANGAN

OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEENAM

SIXTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

PENGGAL YANG KEEMPAT
FOURTH SESSION

MESYUARAT YANG KETIGA
THIRD MEETING

KANDUNGAN | MUKA SURAT

PERBAHASAN DI ATAS ANGGARAN PEMBANGUNAN 1986 (samb.) 2

PENANGGUHAN 55

LAPORAN PERSIDANGAN YANG KETIGA BAGI PENGGAL YANG KEEMPAT DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KEENAM

RABU, 18 DISEMBER, 1985

HADIR:

Yang Berhormat Tuan Speaker (Tan Sri Datuk Teh Ewe Lim, P.S.M., D.M.P.N., J.M.N.)
Yang Amat Berhormat Ketua Menteri (Dr. Lim Chong Eu)
Yang Berhormat Pegawai Undang-undang Negeri (Encik Mohd. Saari bin Yusuff)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, D.M.P.N., D.J.N.)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Tanjong Bungah (Datuk Khor Ngak Seng @ Khor Gark Kim, D.M.P.N.)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Penaga (Datuk Haji Hassan bin Haji Md. Noh @ Mat Noor, D.M.P.N., P.J.K.)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., P.J.K.)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Hj. Omar, P.P.T.)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Pinang (Dr. Ong Hean Tee)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Lee Jong Ki, K.M.N.)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Mohd. Zain bin Hj. Omar, P.J.K., P.J.M.)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee, J.P.)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Acheh (Datuk Haji Ahmad bin Saleh, D.S.P.N., P.K.T., A.M.N.)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Tasek Gelugor (Tuan Haji Samsuddin @ Md. Noor bin Ahmad, A.M.N., P.K.T., P.J.K.)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik Teoh Chung Hor @ Teoh Kooi Sneah, A.M.N., J.P.)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Liang Thau Sang, P.J.M., J.P.)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Ajam (Encik Md. Yusof bin Salleh, A.M.N., P.K.T., P.P.N., P.J.M.)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Nibong (Dr. Tan Chong Teik, P.J.K.)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad, P.P.N., P.J.K., P.J.M., J.P.)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Wong Hoong Keat)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Penanti (Tuan Haji Jusoh @ Yusoff Hilmi b. Hj. Shafie, A.M.N., P.K.T., P.J.K., P.J.M.)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Song Ban Kheng, P.J.K.)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Hj. Md. Isa bin Hj. Ramli. P.J.K.)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Tambun (Dr. Khoo Soo Kheng)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat)

TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh) – digantung di bawah Peraturan Mesyuarat 51(1).

TURUT HADIR:

Setiausaha Dewan Undangan Negeri (Encik Wong Hin Fatt, P.J.K., P.J.M.)

Dewan bersidang semula pada jam 9.40 pagi.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum):

Tuan Speaker, saya bangun sekali lagi untuk menyokong usul yang dibentangkan pada hari kelmarin oleh Y.A.B. Ketua Menteri berkenaan Anggaran Pembangunan bagi tahun 1986 dan seterusnya saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasannya.

Tuan Speaker, dari Anggaran Pembangunan yang telah dicadangkan bagi tahun 1986, kita boleh nampak dengan seterusnya hasrat Kerajaan untuk mengekalkan pembangunan di Negeri kita walaupun Negeri kita menghadapi kesesakan kewangan ekoran dari keadaan kemelesetan ekonomi. Seperti ditunjukkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dalam ucapannya kebanyakan jabatan-jabatan telah pada hakikatnya menerima peruntukan-peruntukan yang lebih besar jikalau dibandingkan dengan tahun 1985. Ini saya rasa, Tuan Speaker, adalah polisi yang arif dan yang teguh oleh sebab usaha Kerajaan untuk mengekalkan atau meneruskan pembangunan boleh juga menolong menyiapkan ekonomi kita untuk menambahkan keyakinan atas ekonomi kita dan juga membantu mengujudkan atau memberi lebih peluang-peluang pekerjaan dalam masa kita menghadapi masalah *retrenchment* atau pengenepian kerja dalam sektor swasta.

Di sini, Tuan Speaker, saya ingin mengambil kesempatan untuk menyentuh atas beberapa perkara dan perkara pertama yang saya ingin menyentuh ialah di atas perkara perumahan.

Tuan Speaker, kekurangan perlindungan perumahan atau *housing shelters* khususnya bagi golongan berpendapatan rendah seterusnya menjadi satu isu sosial dan politik yang besar yang dihadapi oleh Negeri Pulau Pinang hari ini. Oleh sebab Kerajaan Negeri sedar atas masalah ini Kerajaan Negeri telah, dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun depan, lagi sekali seperti di tahun-tahun yang lalu memberikan peruntukan yang terbesar kepada sektor pembangunan perumahan kos rendah. Barangkali, Tuan Speaker, adalah tepat dengan masa ini yangmana kita telah sampai ke hujung Rancangan Malaysia Keempat dan kita mesti mengkaji semula *(review)* prestasi Bahagian Perumahan Negeri. Tuan Speaker, sejak tahun 1961 iaitu masa yangmana Bahagian Perumahan Negeri telah melaksanakan rancangan rumah kos rendah yang pertama bagi Negeri Pulau Pinang sehingga hujung tahun ini, iaitu tahun 1985, termasuk keempat-empat Rancangan Malaysia, Bahagian Perumahan telah mencapai pembinaan sejumlah 12,737 unit rumah kos rendah.

Di bawah Rancangan Malaysia Keempat sahaja sebilangan 21,000 unit telah dirancangkan. Kerajaan Pusat hanya meluluskan peruntukan bagi membina lebih kurang 4,000 unit dan sehingga akhir Rancangan Malaysia Keempat hanya 2,594 unit dapat dibina. Oleh yang demikian, Tuan Speaker, kita boleh nampak bahawa prestasi Bahagian Perumahan Negeri tidak *impressive* sangat. Jikalau kita melihat prestasi ini dan juga membandingkan apa yang telah dicapai dengan keperluan atau *demand* yangmana pada masa sekarang masih ada 50,757 pemohon-pemohon yang layak dalam senarai menunggu, kita boleh sedar bagaimana seriousnya masalah perumahan khususnya perumahan kos rendah di dalam Negeri Pulau Pinang kita.

Telah ditentukan, Tuan Speaker, bahawa banyak telah dibuat dan banyak juga akan dibuat tetapi pada hakikatnya selepas beberapa tahun bergiat Kerajaan Negeri belum lagi mematah tulang belakang masalah perumahan rumah kos rendah dalam Negeri iaitu menyelesaikan *backlog* keperluan rumah kos rendah di Negeri kita dan di samping itu juga akan menemui keperluan-keperluan pada masa-masa yang akan datang.

Oleh yang demikian, saya sokong dengan sepenuhnya usaha-usaha Kerajaan Negeri untuk memohon sejumlah $174.5 juta untuk membina sebilangan 7,000 unit di bawah Rancangan Malaysia Kelima dan saya menyeru Kerajaan untuk berusaha dengan tidak ragu-ragu lagi untuk mendapatkan peruntukan-peruntukan seperti yang disebut oleh Kerajaan Pusat oleh sebab kita sedar bahawa baru-baru ini Kerajaan Pusat telah juga mengumumkan hasratnya untuk membelanjakan sejumlah $2 billion untuk membina rumah kos rendah di seluruh Negara kita.

Walau bagaimanapun, Tuan Speaker, dalam masa yangmana kita masih menunggu kedatangan peruntukan dari Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri haruslah meneruskan dengan rancangan perumahan kos rendah secara pengswastaan untuk membina seperti dirancangkan sejumlah 6,000 unit. Seperti diberitahu oleh Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Negeri, unit-unit perumahan kos rendah akan dibina di bawah rancangan-rancangan pengswastaan. Walaupun harga penjualannya dihadkan kepada $20,000.00 seunit, akan tetapi

bayaran ansurannya akan meningkat dari apa yang dibayar sekarang kepada $250.00 sebulan. Bayaran ansuran ini, Tuan Speaker, adalah sangat tinggi. Jadi, Kerajaan Negeri haruslah sedar bahawa ini tentulah akan menyusahkan golongan yang berpendapatan rendah yangmana saya rasa, jikalau bayaran ansuran ini dinaikkan sehingga $250.00 sebulan, kebanyakan antara mereka ini tidak akan mampu dan tidak akan boleh membeli atau mempunyai sebarang unit rumah kos rendah yang akan dibina mengikut rancangan-rancangan pengswastaan.

Pada masa sekarang, definisi yang diikuti oleh Bahagian Perumahan Negeri bagi menentukan golongan yang berpendapatan rendah ialah pendapatan persendirian sebanyak $600.00 sebulan langsung tidak boleh mengeluarkan sebanyak $250.00 sebulan hanya untuk menampung perbelanjaan kepada sebuah rumah kos rendah. Jadi di sini, saya ingin bertanya pihak Kerajaan, adakah rancangan-rancangan pengswastaan yang dijalankan oleh Kerajaan ini benar-benar akan membantu mereka dari golongan berpendapatan rendah? Jikalau tidak, apakah Kerajaan harus buat untuk membantu mereka yang terdiri dari golongan yang berpendapatan rendah dari segi membeli rumah-rumah kos rendah?

Tuan Speaker, pada masa dahulu, walaupun beberapa rancangan perumahan telah dijalankan, oleh sebab kesesakan kewangan, kebanyakan di antara rancangan-rancangan atau kompleks-kompleks yang telah dibina tidak dilengkapkan dengan beberapa kemudahan yang perlu seperti dewan-dewan orangramai di mana penghuni-penghuni boleh mendapat peluang untuk bercampur gaul (termasuk rumah-rumah mayat) dan selepas diibina baru kemudahan-kemudahan ini ditambah dengan kos tambahan dan juga selepas penghuni-penghuni di situ menunggu sekian lama. Jadi di bawah rancangan-rancangan pengswastaan ada kemungkinan kemudahan-kemudahan seperti yang disebutkan tadi dapat diberi dari permulaan pembinaan projek-projek itu. Saya menyeru Kerajaan untuk menimbangkan dengan serious supaya kemudahan-kemudahan ini dapat diberikan dari permohonan projek-projek yang akan dibina melalui rancangan pengswastaan dan bukan hanya ditambah selepas rancangan-rancangan itu telah diselesaikan.

Tuan Speaker, beberapa bulan yang lepas, satu kebakaran yang besar telah berlaku di kawasan Rumah Hijau Mak Mandin, iaitu di kawasan saya. Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak Kerajaan dan kepada Bahagian Perumahan Negeri yang telah dengan tindakan secepat mungkin mengatasi atau membantu mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh mangsa-mangsa yang terlibat dalam kebakaran-kebakaran itu, termasuk masalah menempatkan semula mangsa-mangsa itu. Jadi di sini saya ingin merayu kepada pihak Kerajaan bahawa kawasan Rumah Hijau ini, sama ada yang terlibat atau yang tidak terlibat dalam kebakaran itu, boleh dipertimbangkan untuk dibina atau dibangunkan semula oleh pihak Kerajaan dalam rancangan-rancangan rumah kos rendah yang Kerajaan akan menjalankan.

Dalam masa itu, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri sendiri dan juga Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Negeri telah melawat ke tempat itu dan telah juga memberi perjanjian bahawa Kerajaan akan menimbangkan dengan seriousnya masalah membangunkan semula kawasan Rumah Hijau di Mak Mandin. Di sini saya harap pihak Kerajaan akan terus berusaha dan bergiat supaya kawasan yang tertinggal yang menghadapi banyak kesulitan dan masalah ini dapat dibangunkan dengan segera demi kepentingan penghuni-penghuni yang masih tinggal di kawasan Rumah Hijau itu.

Tuan Speaker, satu masalah yang saya akan timbulkan di sini ialah berkaitan dengan tapak-tapak penjaja. Pada masa sekarang kita menghadapi kemelesetan ekonomi. Kebanyakan pekerja-pekerja kita menghadapi pengenepian kerja. Kebanyakan mereka yang telah menjadi penganggur telah pada masa sekarang mencuba nasib mereka dalam menjalankan perniagaan-perniagaan kecil dan juga menjadi penjaja-penjaja untuk menampung tanggungjawab keluarga mereka. Saya sendiri rasa bahawa agensi Kerajaan yang berkenaan iaitu pihak Kerajaan Tempatan mestilah pada masa sekarang dalam konteks kemelesetan ekonomi ini, menggalakkan usaha-usaha penjaja dan mesti menerima bahawa menjaja adalah satu kegiatan yang sihat, satu kegiatan yang halal dan kedua-dua pihak Majlis ini haruslah mengeluarkan lebih lesen-lesen kepada mereka yang ingin menjalankan perniagaan penjaja dan juga mempercepatkan kelulusan permohonan lesen-lesen ini.

Di samping itu juga adalah tanggungjawab pihak kedua-dua Majlis untuk menambahkan kawasan-kawasan atau kompleks-kompleks bagi mereka yang ingin menjalankan perniagaan-perniagaan kecil dan menjaja. Rakan saya, Yang Berhormat dari Bagan Ajam telah berulang kali

menyentuh atas masalah pasar harian di Sungai Puyu, Butterworth. Di sini juga saya ingin menyeru pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai (M.P.S.P.) untuk mempercepatkan usahanya untuk membina sebuah kompleks penjaja di kawasan rumah pangsa Mak Mandin di Butterworth dan juga menambahkan petak-petak penjaja di Kompleks Taman Bunga Raya, Butterworth.

Berkenaan Kompleks Penjaja di Taman Bunga Raya, Tuan Speaker, beberapa lawatan telah dibuat oleh saya dengan wakil-wakil dari pihak M.P.S.P. dan adalah difahamkan bahawa pihak M.P.S.P. telah mengadakan rancangan untuk menambahkan petak-petak atau meluaskan kawasan kompleks itu. Akan tetapi malangnya, sehingga hari ini tidak nampak sebarang tindakan untuk melaksanakan segala rancangan yang telah disusun oleh pihak M.P.S.P. Jadi di sini haruslah saya merayu kepada pihak M.P.S.P. dan Kerajaan untuk mempercepatkan perlaksanaan rancangan atau pelan untuk menambahkan bilangan tapak-tapak atau petak-petak penjaja di Taman Bunga Raya, Butterworth, supaya masalah kesesakan dan masalah penjaja-penjaja haram di sini dapat diselesaikan.

Mengenai masalah banjir, saya rasa segan, Tuan Speaker, jikalau hendak bangkitkan lagi sekali masalah banjir ini yang telah banyak kali dicakapkan bukan hanya pada hari yang lepas dalam persidangan Dewan yang mulia penggal ini tetapi juga telah banyak kali disentuh dalam persidangan-persidangan Dewan yang mulia ini beberapa tahun dahulu, akan tetapi jikalau dipandang kepada begitu seriousnya masalah ini, khususnya di Butterworth, Tuan Speaker, haruslah saya bangkitkan masalah ini hari ini lagi sekali.

Di sini pada mulanya saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pihak Kerajaan yang baru-baru ini telah meluluskan peruntukan yang besar untuk menjalankan kerja-kerja membersih longkang-longkang dan parit-parit di dalam kawasan saya sebagai langkah sementara atau langkah jangkamasa pendek untuk mencegah masalah banjir. Walau bagaimanapun, saya ada penuh keyakinan dan berharap bahawa di bawah Rancangan Malaysia Kelima, peruntukan boleh didapati untuk melaksanakan Pelan Induk Pemaritan bagi kawasan Butterworth supaya masalah banjir ini dapat diselesaikan sekali gus. Walaupun jumlah peruntukan yang terbesar itu tidak boleh didapati, saya harap juga barangkali bahagian-bahagian pelan yang mustahak dan perlu dapat dilaksanakan.

Dalam konteks ini saya menyeru pihak-pihak yang berkenaan untuk mengkaji semula Pelan Induk Pemaritan itu supaya pelan itu boleh dipecahkan kepada beberapa bahagian atau "packages" yang kecil supaya jikalau Pelan Induk itu tidak boleh dilaksanakan dengan sekali gus, barangkali bahagian-bahagian yang telah dikenalpasti sebagai mustahak dapat dijalankan secara ansuran. Jadi di sini saya rasa Kerajaan Negeri haruslah membantu pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai, bukan sahaja membantu dengan cara tidak langsung memohon peruntukan dari Kerajaan Pusat akan tetapi saya rasa Kerajaan Negeri harus juga memberi geran secara langsung kepada pihak M.P.S.P. untuk melaksanakan sebahagian atau bahagian-bahagian yang perlu dalam Pelan Induk Pemaritan itu.

Tuan Speaker, dari masalah banjir saya ingin mengulang kepada masalah jalan. Jadi masalah jalan juga adalah masalah yang selalu ditimbulkan tetapi malangnya walaupun telah ditimbulkan banyak kali tetapi masalah-masalah masih lagi wujud. Jadi saya kena juga menyentuh sedikit sebanyak atas masalah jalan.

Dalam masalah penyelenggaraan jalan, saya juga ingin berterima kasih kepada pihak Kerajaan yang telah menunaikan janjinya untuk memberi geran tahunan atau peruntukan tahunan supaya jalan-jalan lama yang tidak bertaraf atau *sub-standard* dapat di *upgrade* dan seterusnya diambil-alih oleh pihak yang berkenaan iaitu pihak Jabatan Kerja Raya. Jikalau kita menyentuh kepada keadaan di Seberang Perai, bagi tahun hadapan sebanyak empat kawasan di dalam Kawasan Pilihanraya saya telah dikenalpasti untuk kerja-kerja menaikkan tarafnya. Kawasan ini ialah Taman Lucky Park di kawasan Raja Uda, Jalan Kampong Gajah, Taman Candy di Jalan Raja Uda dan juga Jalan Kampong Paya. Di sini saya merayu oleh sebab peruntukan telah diberi dan kerja-kerja menaikkan taraf kawasan-kawasan itu dapat dijalankan dengan secepat mungkin dan oleh sebab jalan-jalan ini pada masa sekarang adalah dalam keadaan yang teruk. Dan selain dari itu fahamlah, Tuan Speaker, bahawa barangkali pilihanraya akan datang, jadi jalan-jalan yang rosak ini harus diperbaiki dengan cepatnya.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Just for election only, is it?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum):

Bukan, bukan. Tahun lepas sudahpun berjalan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

You do all this for the election only.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Dr. Ong Hean Tee):

Including Pengkalan Kota.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum):

Tuan Speaker, Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Kota telah menyentuh sedikit di atas perkara yang di luar dari perbahasan atau ucapan saya, oleh itu saya ingin mengambil kesempatan untuk menarik perhatian Dewan ini atas satu laporan dalam surat-khabar hari yang telah menunjukkan bahawa Mahaguru beliau, iaitu Yang Berhormat Ahli dari Bukit Glugor ..... (gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, *Standing Order 46: Relevancy.* Tuan Speaker, *you are bound by the Standing Orders.*

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum):

Habis! Habis! Duduk!

Tuan Speaker, kalau saya tidak dikacau saya akan teruskan dengan ucapan dan perbahasan saya. Kalau hendak kata ada berkaitan atau tidak, saya rasa ada berkaitan dengan apa yang diucapkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri yangmana beliau telah menyentuh dengan tepatnya bahawa pekerja-pekerja kita mesti meningkatkan daya pengeluaran *(productivity)* mereka. Jadi kalau Yang Berhormat dari Bukit Glugor dalam tugasnya tidak hendak datang ke sini untuk menjalankan tugas beliau sebagai wakil tetapi menurut laporan dalam suratkhabar, beliau ada menjalankan tugas persendirian di Mahkamah di Kuala Lumpur, ini telah menunjukkan bagaimana sikap beliau.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Mana Ahli Exco itu? Mana dia? Pagi kelmarin pun tidak ada, pagi ini pun tidak ada!

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum):

Dia ada datang, dia ada datang.

Jadi, Yang Berhormat Pengkalan Kota sokonglah cadangan saya kelmarin, iaitu potonglah gaji Mahaguru.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

There is no provision here. You have no power here.

Tuan Speaker:

Tidak payah buat gangguan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum):

Tuan Speaker, sebatang jalan dalam kawasan saya yang sangat perlu diperbaiki dengan segera dan ditarkan semula ialah Jalan Raja Uda. Keadaan di Jalan Raja Uda ini adalah luarbiasa oleh sebab jalanraya ini tidak mempunyai sistem pemaritan di kedua-dua belah jalan itu dan ini mengakibatkan bahu-bahu jalan dan jalan itu sendiri selalu rosak apabila hujan lebat. Air bertakung di beberapa tempat di sepanjang jalan itu, khususnya di hadapan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Kwang Hwa. Ini telah menimbulkan kesusahan kepada murid-murid di sekolah itu dan juga menjadikan bahagian jalan di hadapan sekolah merbahaya kepada motosikal dan basikal. Kerja-kerja mengorek jalan di Jalan Raja Uda itu di dalam perlaksanaan projek pembetongan dan telah menjadikan keadaan di jalan itu bertambah teruk. Jalan itu sekarang tidak rata dan berlopak-lopak. Seperti dimaklumkan oleh Yang Berhormat dari Kawasan Tanjung Bungah selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, beberapa perundingan telah diadakan di antara pihak-pihak berkenaan dengan kontraktor swasta dan kemudian selepas perundingan kerja-kerja akan dilaksanakan. Akan tetapi malangnya, Tuan Speaker, perundingan-perundingan ini nampaknya telah memakan masa yang terlalu panjang dan sehingga hari ini tidak mencapai sebarang penyelesaian, dan orang-orang awam di situ masih terus menghadapi kesusahan dan kejadian kemalangan di jalan itu kian meningkat. Saya menyeru pihak Kerajaan untuk menjalankan kerja-kerja mengetar semula jalanraya Jalan Raja Uda itu dengan secepat mungkin.

Tuan Speaker, pada akhirnya adalah menjadi perasaan beberapa orang rakan-rakan saya dan juga saya sendiri bahawa kebanyakan masalah yang kami bangkitkan di dalam Dewan ini atau yang kami menarik perhatian Kerajaan melalui Dewan yang mulia ini ada banyak kalinya tidak mendapat penyelesaian, atau jikalau dapat diselesaikan akan mengambil masa yang terlalu panjang dan

diselesaikan hanya selepas masalah itu dibangkitkan berulang-ulang kali. Jadi saya rasa sesungguhnya bahawa masalah-masalah yang kami sebagai wakil rakyat bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini dapat diberi perhatian yang berat oleh pihak-pihak yang berkenaan supaya masalah-masalah yang kami bangkitkan dapat diselesaikan dalam masa yang pendek sekali.

Sekian ucapan saya dalam perbahasan ini, Tuan Speaker, dan lagi sekali saya menyokong Usul yang berkaitan dengan Anggaran Pembangunan.

Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan atas usul Pembangunan 1986.

Tuan Speaker, dari ucapan Ahli dari Bagan Jermal tadi, boleh difahamkan bahawa pembangunan Barisan Nasional adalah untuk menutup lubang untuk pilihanraya.

Tuan Speaker, Anggaran Pembangunan yang dibuat tiap-tiap tahun oleh Kerajaan Negeri dan dikemukakan kepada Dewan ini untuk perbahasan dan persetujuan adalah merupakan satu alat dan panduan yang penting di mana projek-projek pembangunan yang telah dilaksanakan boleh dikawal dan diawasi. Anggaran Pembangunan yang dibuat tiap-tiap tahun harus *realistic* dan membayangkan kemampuan kewangan Negeri yang sebenar dan kebolehannya dalam pembangunan. Apa yang diramalkan dianggarkan dicapai berdasarkan prestasi pembangunan Negeri dari masa yang lampau. Kerajaan tidak perlu membuat sebarang Anggaran Pembangunan oleh kerana kesemua Anggaran Pembangunan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri di bawah pemerintahan Y.A.B. Ketua Menteri selama 16 tahun yang lalu tidak pernah dicapai dan terlalu jauh berbeza dengan apa yang dianggarkan.

Tuan Speaker, prestasi Kerajaan Negeri sedemikian dari 16 tahun yang lalu boleh disifatkan dengan salah satu dari 3 sebab berikut:-

(i) bahawa Kerajaan Negeri merancangkan sesuatu yang tidak dapat dicapai bagi tujuan *mislead* rakyat;

(ii) ianya sungguh tidak cekap ataupun ianya tidak mempunyai kemampuan kewangan melaksanakan apa yang dianggarkan; dan

(iii) biar sebab apapun Kerajaan Negeri telah gagal dalam kewajipannya bagi memastikan bahawa Anggaran Pembangunan yang dibuat dapat dicapai.

Tuan Speaker, kebolehan dan kemampuan perlaksanaan Kerajaan Negeri begitu buruk di bawah pemerintahan Y.A.B. Ketua Menteri selama 16 tahun yang lalu iaitu dari tahun 1969 hingga 1984 sehinggakan dari jumlah yang besar sebanyak $970.7 juta yang diperuntukkan bagi Anggaran Pembangunan hanya sebanyak $529 juta dibelanjakan sebenarnya oleh Kerajaan Negeri. Ini merupakan hanya 54% dari apa yang diperuntukkan bagi projek-projek pembangunan dalam 16 tahun yang lepas.

Tuan Speaker, prestasi tahun ini tidak akan berbeza dari tahun-tahun yang dahulu. Satu kajian separuh tahun bagi Anggaran Pembangunan 1985 mengesahkan bahawa Kerajaan Negeri tidak berdaya mencapai apa yang dianggarkan.

Tuan Speaker, dari jumlah peruntukan sebanyak $62,372,020.00 bagi Anggaran Pembangunan tahun 1985, Kerajaan Negeri bagi tempoh 6 bulan yang pertama tahun 1985 hanya mampu membelanjakan sebanyak $8,848,029.00 atau 14.2% dari peruntukan Anggaran Pembangunan. Sekiranya *trend* ini diikuti bagi 6 bulan yang kedua tahun ini hanya 30% dari apa yang dianggarkan dalam anggaran perbelanjaan tahun ini akan dapat dibelanjakan.

Tuan Speaker, dari jawapan yang telah diberikan oleh Ketua Menteri pada hari Isnin, jelas menunjukkan Anggaran Pembangunan tahun ini tidak boleh dicapai. Setakat 30 November tahun ini jumlah wang sebenar dan peratus yang digunakan dari peruntukan Anggaran Pembangunan yang diperuntukkan dalam belanjawan tahun 1984 bagi kepala berikut ialah: Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan, peruntukan ialah: Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan, peruntukan ialah $40,864,270.00, perbelanjaan sebenar setakat 30 November ialah $9,014,525.00 (21.1% sahaja); Pejabat Pertanian, peruntukan ialah $2,386,810.00, hanya 66.9% boleh dibelanjakan; Jabatan Parit dan Taliair, Kerja Raya, Haiwan, Hutan, Hal Ehwal Ugama dan Kebun Bunga kesemuanya peruntukan $62 juta, hanya $16 juta dibelanjakan setakat November (26.3% sahaja). Ini menunjukkan prestasi Kerajaan Negeri untuk pembangunan.

Tuan Speaker, dari angka-angka yang diberikan itu, adalah jelas bahawa tentu ada sesuatu yang salah dalam cara Kerajaan membuat Anggaran Pembangunan yang tidak *realistic* telah dibangkitkan beberapa kali oleh saya dalam Dewan ini tapi malangnya tidak sebarang tindakan diambil ataupun adakah Kerajaan Negeri tidak berupaya berbuat apa-apa terhadap masalah ini?

Tuan Speaker, memang ada kesilapan dan kekurangan dalam pengurusan dan pentadbiran Kerajaan Negeri. Kedudukan perlaksanaan pembangunan yang buruk ini telah menyebabkan Pulau Pinang ketinggalan jauh dari kebolehan pertumbuhan ekonomi sebenarnya. Sebagai contoh kebolehan melaksanakan pembangunan yang buruk ini telah menyebabkan kekurangan pembinaan unit-unit rumah kos rendah dan keadaan banjir bertambah buruk tidak diatasi. Ini telah menyebabkan rakyat telah kehilangan faedah-faedah yang mereka harus menerima, tapi telah kehilangan faedah-faedah yang mereka harus menerima, tapi telah dinafikan atas sebab kesilapan-kesilapan Kerajaan Negeri.

Tuan Speaker, bila kita membincangkan hal pembangunan Kerajaan Negeri harus dikutuk kerana tidak berkebolehan dan gagal memperuntukkan unit-unit rumah kos rendah yang mencukupi untuk keperluan khasnya untuk golongan berpendapatan rendah. Saya telah banyak kali bercakap berkenaan masalah kekurangan rumah di Negeri ini tapi malangnya tidak sebarang tindakan yang positif diambil setakat ini. Usaha yang tidak bersungguh untuk mengatasi masalah perumahan kos rendah di Negeri ini tidak mempunyai tempat. Kekurangan perumahan kos rendah di Negeri ini telah bertambah buruk sehingga rancangan-rancangan mengatasi masalah kekurangan perumahan ini perlu dibuat dengan segera dan serta-merta dan diberi keutamaan.

Tuan Speaker, masalah untuk mendapat unit-unit perumahan kos rendah oleh rakyat telah sampai ke peringkat yang penting, sehingga rakyat mampu membayar wang berlebihan untuk mendapat unit-unit rumah kos rendah. Dari laporan akhbar baru-baru ini adalah dipercayai bahawa lebih dari 100 orang telah tertipu wang sebanyak di antara $300,000.00 hingga $400,000.00 oleh 2 orang yang menyamar diri sebagai pegawai-pegawai dari Jabatan Perumahan Negeri. Sebenarnya orang-ramai telah berkata secara terbuka bahawa tanpa pertalian yang tepat dan pembayaran duit kopi mendapat sebuah unit rumah kos rendah adalah seperti kena pertaruhan Empat Nombor Ekor.

Tuan Speaker, adanya kekeciwaan yang meluas di antara pemohon-pemohon tulin bagi perumahan kos rendah yang benar-benar memerlukan rumah tapi tidak diperuntukkan mana-mana unit sedangkan adanya dakwaan am bahawa mereka yang mempunyai rumah dan harta telah diperuntukkan rumah-rumah pangsa kos rendah oleh Kerajaan Negeri. Ada juga sendirian tentang amalan rasuah oleh pegawai Kerajaan Negeri dan ahli politik Barisan Nasional dalam peruntukan rumah pangsa kos rendah. Sebenarnya, Tuan Speaker, saya telah menerima sepucuk surat daripada seorang rakyat bahawa seorang pengurus di sebuah cawangan Ko-operasi Belia Bersatu yang juga adalah seorang ahli Parti Gerakan dan menerima gaji sebanyak $1,000.00 sebulan diberi sebuah unit kos rendah di Seberang Perai. Bagaimanakah ini boleh berlaku?

Tuan Speaker, satu penyiasatan penuh mesti dijalankan oleh Kerajaan Negeri untuk menyiasat dakwaan ini dan juga untuk membuktikan kepada rakyat bahawa Kerajaan Negeri serta pegawai-pegawainya adalah bersih dan tidak *corrupt* supaya dapat memulihkan kepercayaan rakyat terhadap Kerajaan Negeri. Jikalau perlu saya sanggup memberi bantuan dalam penyiasatan tersebut.

Tuan Speaker, selama 16 tahun Y.A.B. Ketua Menteri memerintah Negeri ini beliau kerap kali membuat kenyataan-kenyataan dan janji-janji kosong kepada rakyat menyatakan Kerajaan Negeri mempunyai rancangan-rancangan dan akan membina perumahan kos rendah yang mencukupi untuk mengatasi masalah perumahan di Negeri ini yang kian bertambah terok tapi sepertimana yang boleh disahkan dari angka-angka dan faktor benar prestasi Kerajaan Negeri terhadap pembinaan unit kos rendah yang cukup bagi keperluan rakyat adalah kegagalan semata-mata yang amat mengeciwakan.

Tuan Speaker, tindakan terbaru oleh Kerajaan Negeri untuk mengswastakan perumahan kos rendah adalah merupakan satu tanda dan pengakuan terbuka terhadap kegagalan Kerajaan Negeri atas rancangan dahulu di mana pembinaan unit perumahan kos rendah adalah bergantung semata-mata kepada peruntukan Kerajaan Pusat. Sebenarnya di bawah Rancangan Malaysia Keempat Kerajaan Negeri telah mengumumkan bahawa ia akan membina 2,569 unit pada akhir tempoh Rancangan Malaysia Keempat kerana peruntukan kecil yang diberi oleh Kerajaan Pusat. Berdasarkan prestasi tersebut kenyataan oleh Pengerusi Jawatankuasa Perumahan yang juga Ahli Kawasan

Sungai Pinang bahawa Kerajaan Negeri yakin keperluan perumahan rakyat boleh dipenuhi dalam tahun 1970 adalah mustahil.

Tuan Speaker, apakah asasnya yang menyebabkan Kerajaan Negeri yakin mengatasi keperluan perumahan dalam tahun 1990 iaitu 5 tahun dari sekarang bilamana dari ketiga-tiga Rancangan Malaysia kebelakangan ini yang meliputi satu tempoh sebanyak 15 tahun Kerajaan Negeri hanya dapat membina 6,000 unit sahaja? 3,385 unit telah dibina di bawah Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga dan 2,594 unit di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Mungkin Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Negeri dapat memberitahu rakyat dan Dewan ini *formula* ajaibnya yang boleh mengatasi keperluan rakyat ini dalam tahun 1990.

Tuan Speaker, berdasarkan angka-angka yang diberi dan prestasi Kerajaan Negeri saya kira Kerajaan Negeri akan mengambil masa 100 tahun dan bukan 5 tahun seperti yang dinyatakan oleh Ahli Sungai Pinang sebelum Kerajaan Negeri boleh berharap untuk menyelesaikan 50,757 permohonan bagi perumahan kos rendah yang didaftarkan di Pejabat Perumahan setakat 30 September, 1985. Saya menyeru Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Negeri supaya jangan membuat dakwaan *ridiculous* dan kenyataan-kenyataan mustahil tapi sebaliknya menumpukan perhatian atas pembinaan lebih unit perumahan kos rendah bagi memenuhi kehendak orangramai.

Pengerusi Perumahan Negeri harus berhenti bercakap besar bilamana Kerajaan Negeri tidak dapat membantu mangsa-mangsa Jalan Victoria di mana rumah mereka runtuh dan mereka memerlukan rumah-rumah kos rendah. Dalam masalah ini saya menyeru Y.A.B. Ketua Menteri supaya bercampurtangan dan memberi perhatian terhadap masalah mangsa-mangsa Jalan Victoria itu dengan tujuan membantu mereka memperolehi rumah-rumah kos rendah oleh kerana adalah jelas yang Ahli dari Sungai Pinang tidak dapat menyelesaikan masalah ini.

Tuan Speaker, mangsa-mangsa bencana ini telah mengalami penderitaan yang cukup dengan menduduki sebuah Dewan Masyarakat di Jalan Acheen selama 20 bulan yang lalu. Tentulah mereka ini telah memohon rumah kos rendah dan perlu diberi perhatian serious. Mereka layak mendapat rumah kos rendah. Apakah lagi kriteria yang lebih tepat dari penderitaan mangsa-mangsa ini yang telah kehilangan rumah-rumah mereka untuk diperuntukkan rumah-rumah kos rendah? Apakah kriteria yang lebih tepat yang diperlukan oleh Kerajaan Negeri selain dari penderitaan dan kesusahan yang dialami oleh mangsa-mangsa ini yang terpaksa tinggal di Dewan Masyarakat Pusat Belia Pulau Pinang selama 20 bulan yang lalu? Sebelum mereka ini diperuntukkan rumah-rumah kos rendah adalah jelas terbukti bahawa mereka ini tidak dapat memperolehi untuk diri mereka sendiri serta keluarga mereka kediaman lain.

Tuan Speaker, tidak seorang pun yang boleh mendapat kediaman lain akan membenarkan diri mereka dan keluarga mereka termasuk kanak-kanak dan orang-orang tua yang sakit menderita menerima layanan kasar di Dewan Masyarakat tersebut. Mangsa-mangsa ini juga telah memberi mandat kepada Barisan Nasional untuk mentadbir Negeri ini dan oleh yang demikian Kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab untuk menolong mereka.

Tuan Speaker, apakah gunanya pembangunan yang dipuji-puji sendiri oleh Y.A.B. Ketua Menteri bila mereka tidak berdaya membantu rakyat mendapat rumah terutama mereka dari golongan berpendapatan rendah? Apakah faedah yang akan diberi oleh KOMTAR dan Jambatan Pulau Pinang kepada mereka yang menderita dan menerima layanan kasar yang perlu tinggal di Dewan Masyarakat?

Y.A.B. Ketua Menteri harus menerima permintaan mangsa-mangsa bencana ini dan dengan secara segera menamatkan penderitaan dan kesusahan mereka dengan memperuntukkan rumah-rumah kos rendah kepada mereka tanpa membuang masa lagi.

Tuan Speaker, Pengerusi Perumahan Negeri sekali lagi menggunakan taktik lama yang sama dengan memberi janji-janji yang tidak dapat ditunaikan. Pengumuman bahawa Kerajaan Negeri di bawah Rancangan Malaysia Kelima akan membina 14,000 unit perumahan kos rendah adalah mengelirukan. Apa sepatutnya diberitahu kepada orangramai ialah bahawa Kerajaan Negeri telah membuat permintaan sebanyak $555.8 juta di bawah Rancangan Malaysia Kelima untuk membina 14,000 unit rumah kos rendah. Sama ada jumlah ini akan diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri belum lagi diumumkan. Tapi jika kita menyaksikan peruntukan Rancangan-rancangan Malaysia yang lalu tidak ada kemungkinan bahawa Kerajaan Negeri akan mendapat jumlah penuh sebanyak $555.8 juta yang dipohon itu.

Tuan Speaker, di bawah Rancangan Malaysia

Kedua Kerajaan Negeri memohon wang sebanyak $11,395,000.00 untuk perumahan kos rendah tapi hanya sejumlah kecil sebanyak $600,000.00 atau 5% dari apa yang dipohon diberikan. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dari jumlah sebanyak $45 juta yang diminta hanya $39 juta diberikan; dan di bawah Rancangan Malaysia Keempat dari jumlah sebanyak $404,575,500.00 yang diminta hanya $68 juta ataupun 21.2% dari apa yang dipohon diperuntukkan.

Tuan Speaker, oleh yang demikian berdasarkan kepada ini tentulah sukar bagi Kerajaan Negeri mendapat apa yang diminta di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Oleh yang demikian dengan memberitahu rakyat bahawa Kerajaan Negeri akan membina 14,000 unit rumah kos rendah di bawah Rancangan Malaysia Kelima adalah terlalu mengelirukan kerana tanpa mendapat jumlah penuh yang diminta daripada Kerajaan Pusat pembinaan 14,000 unit perumahan kos rendah tidak akan dicapai.

Tuan Speaker, semalam Ketua Menteri dalam ucapannya memberitahu hanya $174.5 juta dipohon berbanding dengan apa yang disebut oleh Ahli dari Sungai Pinang. Tuan Speaker, Kerajaan Negeri belum lagi mempelajari dari kesilapan-kesilapannya yang lalu. Dengan bergantung langsung kepada Tabung Kewangan Kerajaan Pusat bagi projek-projek perumahan kos rendah tanpa mendapat sepenuhnya wang yang diminta oleh Kerajaan Negeri dari Kerajaan Pusat ianya akan akhirnya menjadi seperti dalam Rancangan-rancangan Malaysia Kedua, Ketiga dan Keempat, iaitu bilangan jumlah unit rumah-rumah kos rendah yang dibina akan tergantung kepada jumlah wang diperuntukkan kepada Kerajaan Negeri oleh Kerajaan Pusat.

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri harus mencari punca kewangan sendiri dan tidak harus bergantung kepada peruntukan Kerajaan Pusat oleh kerana dengan bergantung langsung kepada Kerajaan Pusat kita tidak akan mencapai matlamat-matlamat perumahan kos rendah. Jika Y.A.B. Ketua Menteri boleh mengutip wang sebanyak $1.2 billion untuk membeli Jambatan Pulau Pinang, mengapakah Y.A.B. Ketua Menteri tidak membuat sedemikian juga untuk mengutip wang bagi tujuan pembinaan rumah kos rendah?

Tuan Speaker, walaupun peruntukan bagi tujuan pembinaan rumah-rumah kos rendah adalah tinggi sekali dalam Anggaran Perbelanjaan di bawah Jabatan Ketua Menteri dan Setiausaha Kerajaan berupa $100 juta bagi 5 tahun akan datang tetapi peruntukan ini tidak mencukupi bagi tujuan mengatasi kekurangan rumah-rumah kos rendah yang dihausi oleh rakyat Negeri ini. Saya dengan ini menyeru dan mendesak Y.A.B. Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri memandang berat terhadap masalah kekurangan rumah kos rendah dan mengaku kepada rakyat bahawa Kerajaan Negeri telah gagal mengutamakan kehendak dan keperluan rakyat. Sebaliknya, Kerajaan Negeri harus memandang berat dalam hal ini dan jangan memperdayakan rakyat dengan janji-janji kosong. Kerajaan Negeri harus mencari lebih banyak wang peruntukan untuk melancarkan rancangan-rancangan rumah kos rendah secara besar-besaran untuk rakyat dan memperbaiki ekonomi supaya dapat mengatasi pengangguran dan membantu para pekerja kilang yang telah diberhentikan kerja dalam Negeri Pulau Pinang.

Tuan Speaker, satu masalah yang saya suka bangkitkan di Dewan ini ialah kita pihak DAP memandang berat pembuangan pekerja-pekerja oleh kilang-kilang secara besar-besaran dalam Negeri. Pembuangan pekerja-pekerja secara besar-besaran dalam Negeri harus diberhentikan dan masalah ini tidak patut dilakukan pada masa-masa akan datang. Kerajaan harus bertanggungjawab terhadap pekerja-pekerja ini. Kerajaan Negeri tidak boleh menggunakan keadaan kemelesetan ekonomi sebagai satu alasan yang utama untuk tujuan menyebelahi pihak pengurusan kilang dan kemelesetan ekonomi adalah punca pembuangan para pekerja kilang di Negeri ini.

Tuan Speaker, keadaan kemelesetan ekonomi tidak harus digunakan oleh pihak majikan sebagai alasan untuk memberhentikan pekerja-pekerja mereka. Adalah tidak adil memberhentikan pekerja dengan hanya menggunakan helah kemelesetan ekonomi dan alasan itu tidak dapat diterima. Pihak pekilang-pekilang yang memberhentikan pekerja-pekerja secara besar-besaran semasa mereka mengalami kerugian bukanlah sikap yang patut diambil oleh majikan.

Tuan Speaker, adalah menjadi kenyataan keadaan pekerjaan dalam Negeri ini adalah berpunca dari langkah-langkah Y.A.B. Ketua Menteri merancang perindustrian secara tergesa-gesa bagi tujuan menarik pelaburan asing dan mendirikan kilang-kilang bagi tujuan mengujudkan pekerjaan. Dalam keadaan tergesa-gesa dan keinginan untuk menarik pelabur-pelabur Kerajaan Negeri telah mengabaikan kebajikan pekerja-pekerja sehingga pekerja-pekerja ini dieksploitasikan dengan se-

wenang-wenangnya oleh pelabur-pelabur asing yang tamak dan mencari keuntungan cepat.

Masalah pembuangan kerja dalam Negeri ini menunjukkan Kerajaan Negeri mempunyai pandangan jangka pendek dalam mengujudkan pekerjaan. Keadaan kesusahan dan masa depan tidak tentu yang dihadapi oleh pekerja-pekerja semasa ini adalah berpunca dari kegagalan Y.A.B. Ketua Menteri dan Kerajaannya untuk mempelbagaikan kepada lain industri dari industri-industri sempit yang berdasarkan buruh intensif dalam perkilangan tekstil dan elektronik yang sangat bergantung kepada kuasa pasaran luar yang tidak dapat dikawal. Kedua-dua industri yang saya sebutkan mempunyai kemampuan yang akan ditutup selepas mengeksploitasikan keistimewaan hak lepasan cukai dan menggunakan buruh murah dan dipindahkan ke Negeri lain jika syarat dan keadaan kita tidak mengikuti kehendak mereka. Pelabur-pelabur ini hanya mendirikan industri-industri di sini oleh sebab keistimewaan membayar gaji murah dan bukan untuk memindahkan teknologi dan melatih pekerja-pekerja kilang kita.

Tuan Speaker, Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri tidak harus menarik pelabur-pelabur asing untuk mendirikan kilang dalam Negeri hanya untuk setakat memberi pekerjaan bagi rakyat kita tapi apa yang lebih mustahak adalah Kerajaan Negeri harus memberi jaminan bahawa pekerja-pekerja kita tidak dieksploitasi oleh pelabur-pelabur ini.

Tuan Speaker, pada masa ini Kerajaan Negeri kurang sangat memberi pandangan yang cukup kepada masalah-masalah ini. Tindakan menyeru pekerja-pekerja yang telah diberhentikan kerja untuk mendaftarkan diri dengan Pejabat Buruh dan hanya mengasihani tidak mencukupi. Pada bulan Jun tahun ini bila masa pekerja-pekerja dibuang kerja secara besar-besaran-besaran Kerajaan Negeri telah berjanji untuk membantu mereka dan telah seterusnya menubuhkan sebuah Pasukan Petugas atau *Task Force* untuk mengesah pembuangan pekerja-pekerja. Malangnya hingga hari ini janji-janji Kerajaan Negeri tidak ditunaikan dan tidak kedengaran tugas-tugas yang dijalankan oleh Pasukan Petugas yang dimaksudkan itu.

Saya menyeru kepada Y.A.B. Ketua Menteri melaporkan atas kemajuan Pasukan Petugas dan memberitahu Dewan ini segala rancangan untuk membantu pekerja-pekerja oleh sebab mereka mempunyai hak mengetahui keadaan mereka.

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat, adakah ucapan anda panjang lagi?

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Panjang lagi.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan selama setengah jam.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.30 pagi.

Dewan bersidang semula pada jam 12.00 tengahari.

Tuan Speaker:

Dewan bersidang semula.

Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Pengkalan Kota.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Terima kasih, Tuan Speaker. Saya sambung perbahasan saya.

Tuan Speaker, dari peningkatan bilangan pekerja-pekerja yang diberhentikan, Kerajaan Negeri harus mengkaji semula dasar dan rancangan industri-industri supaya menjamin masalah dan keadaan buruk tidak timbul pada masa-masa akan datang.

Tuan Speaker, lagi satu perkara yang saya ingin bangkitkan di Dewan ini adalah mengenai industri pelancongan Pulau Pinang. Saya lihat Kerajaan Negeri telah memberi perhatian terhadap desakan saya dalam ucapan belanjawan tahun lepas dan saya merasa gembira mencatatkan bahawa peruntukan sebanyak $390,000.00 telah disediakan bagi tempoh 5 tahun akan datang khasnya untuk pembangunan pelancongan dalam Negeri. Walaupun peruntukan ini adalah sangat kecil tetapi langkah sedemikian adalah tahap ke arahnya.

Tuan Speaker, pelancongan boleh menjadi sumber pendapatan yang besar kepada rakyat. Kita mempunyai potensi yang agak besar dan potensi ini harus digunakan dengan cara yang betul supaya menjadi sumber kewangan kepada Negeri Pulau Pinang. Malangnya, sektor ini telah diabaikan oleh Kerajaan Negeri. Negeri Pulau Pinang telah hilang keindahannya kepada tempat-tempat keindahan

lain di dalam dan di luar Negeri. Rancangan perkembangan pelancongan, jika ada, adalah kurang bagi pasaran pelancongan. Sebagaimana yang saya ketahui, Kerajaan Negeri kita mempunyai rancangan-rancangan kekal untuk perkembangan pelancongan dalam Negeri. Sektor swasta juga tidak mempunyai sebarang garis-panduan dan Kerajaan tidak berdaya memainkan peranan dalam hal pelancongan. Pulau Pinang menghadapi tentangan sengit dari segi menarik pelancong-pelancong walaupun mempunyai potensi yang baik.

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri tidak harus bergantung kepada Perbadanan Pembangunan Pelancongan untuk meningkatkan pasar pelancongan Negeri. Dalam hal ini Kerajaan Pusat telah menganaktirikan Negeri Pulau Pinang. Dengan hanya satu langkah sahaja Kerajaan Pusat telah memberi jalan bagi membukakan Kedai Tanpa Cukai di Bukit Kayu Hitam, Perlis, dan secara tidak langsung mengakibatkan pelancong-pelancong Negeri Thai yang biasa melawat ke Pulau Pinang untuk tujuan membelibelah dihalang melancong ke Negeri Pulau Pinang. Ini telah merugikan rakyat Pulau Pinang secara langsung.

Langkah Kerajaan Pusat untuk membangunkan Pulau Langkawi sebagai satu destinasi pelancongan dengan bantuan peruntukan besar juga telah menjadi satu tentangan atau halangan secara terus kepada Pulau Pinang. Kerajaan Pusat tidak langsung memberi peruntukan untuk membangunkan pelancongan dalam Negeri Pulau Pinang. Hal ini telah disebut oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian bahawa Kerajaan Pusat tidak mempunyai sebarang rancangan bagi tujuan pelancongan buat masa sementara ini.

Tuan Speaker, jika Kerajaan Pusat tidak menganggap Pulau Pinang sebagai anak tiri dan jujur untuk membantu Negeri ini, Kerajaan Pusat harus mengambil satu langkah yang sangat mustahak yang boleh membantu Pulau Pinang dan ini sebagai yang saya sebutkan boleh menarik ramai orang ke Pulau Pinang. Langkah kembalikan status pelabuhan bebas cukai dan menjadikan Pulau Pinang tempat membelibelah akan menguntungkan rakyat Negeri. Saya tidak nampak sebarang alasan apa sebab Kerajaan Pusat tidak boleh kembalikan status pelabuhan bebas kepada Pulau Pinang manakala status pelabuhan bebas diberi kepada Labuan. Jadi nampaknya, sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi, Pulau Pinang dianaktirikan oleh Kerajaan Pusat yang tidak menghiraukan hasrat rakyat Negeri ini.

Tuan Speaker, dalam hal ini saya dengan ikhlas hati menyeru Y.A.B. Ketua Menteri untuk melancarkan satu rayuan aggresif terhadap Kerajaan Pusat untuk kembalikan status pelabuhan bebas kepada Pulau Pinang. Sebagaimana yang saya telah menyentuh tadi, Pulau Pinang harus memajukan rancangan-rancangan tersendiri untuk menjual Pulau Pinang dan bukan hanya bergantung kepada Perbadanan Pmbangunan Pelancongan.

Tuan Speaker, dalam zaman terdapat persaingan hebat ini satu pelan induk pelancongan jangka panjang hendaklah digubal yang perlu menyatakan perkara-perkara di bawah ini:-

1. meningkatkan kemudahan-kemudahan yang sedia ada dengan mengujudkan dan membangunkan daya menarik pelancong;
2. mengadakan satu rancangan galakan aggresif baik di luar dan di dalam Malaysia;
3. merayu bagi dikembalikan status pelabuhan bebas kepada Negeri Pulau Pinang;
4. mendesak Kerajaan Pusat untuk membenarkan penerbangan antarabangsa yang lebih banyak lagi secara terus-menerus ke Pulau Pinang;
5. ko-ordinasi dan kerjasama semua organisasi sektor awam dan swasta mengenai pelancongan;
6. mengadakan lebih banyak rancangan latihan vokesyenal bagi kakitangan-kakitangan yang mengendalikan pelancongan; dan
7. mengawal pencemaran alam sekitar khasnya pantai-pantai Pulau Pinang yang kini menjadi teruk.

Tuan Speaker, saya rasa Ketua Menteri harus berterus terang untuk menimbang secara serious pandangan dan cadangan saya dan mengambil tindakan sewajarnya untuk memperkuatkan industri pelancongan di Negeri ini.

Tuan Speaker, semalam dan pagi ini ada beberapa Ahli telah membangkitkan mengenai masalah banjir yang menjadi lebih buruk di Negeri ini. Saya akan tambah sedikit mengenai masalah banjir ini.

Tuan Speaker, adalah sangat mendukacitakan bahawa tidak ada peruntukan dalam Anggaran Belanjawan tahun 1986 untuk jangkamasa panjang

bagi mengatasi masalah banjir dalam Negeri kecuali peruntukan yang sangat kecil berupa sebanyak $1 juta bagi tujuan mencegah masalah banjir di bawah Kepala B.103 Jabatan Parit dan Taliair.

Tuan Speaker, peruntukan sebanyak $5,710,000.00 dalam Anggaran Belanjawan bagi 5 tahun akan datang (tahun 1986 – 1990) untuk tujuan mencegah banjir dalam Negeri adalah sangat kurang dan tidak mencukupi. Tuan Speaker, keadaan masalah banjir dalam Negeri ini telah sampai ke satu tahap yang genting dan satu sistem mengawal yang lengkap harus diambil untuk mengatasi masalah banjir yang kerap kali melanda beberapa tempat dalam Negeri. Apa sahaja peruntukan diberi adalah hanya untuk jangkamasa pendek bagi mengatasi masalah banjir. Langkah-langkah yang sedemikan hanya merugikan wang rakyat.

Hujan lebat mengakibatkan kerapkali banjir kilat. Nampaknya langkah-langkah jangkamasa pendek merugikan dan menggagalkan sama sekali untuk mengatasi masalah ini. Seruan rakyat atas Kerajaan Negeri dalam masalah ini selalu tidak diterima. Kawasan saya, Pengkalan Kota, adalah tempat terutama yang mengalami banjir. Di kawasan Leboh McNair, Weld Quay dan Leboh Carnarvon banjir berlaku bukan sahaja pada masa hujan lebat ..... (gangguan).

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat, bukan di kawasan anda sahaja di kawasan saya juga lagi teruk. (ketawa).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker mesti menyuruh Kerajaan menjalankan tugasnya.

Di kawasan saya bukan sahaja pada masa hujan lebat tetapi juga semasa air pasang. Ini telah menyebabkan kesusahan dan penderitaan di mana harta-benda penduduk-penduduk musnah dan rakyat di kawasan ini telah mengalami kerugian besar. Saya telah pun membangkitkan masalah ini di Dewan yang mulia ini beberapa kali tetapi walaupun saya telah diberitahu dan jaminan diberi oleh pihak Kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut malangnya hingga hari ini belum lagi kelihatan sebarang tindakan positif.

Tuan Speaker, mangsa akibat banjir adalah rakyat Negeri. Untuk mengatasi masalah rakyat yang selalunya dilanda oleh banjir, saya skali lagi menyeru dan mendesak Y.A.B. Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri supaya mengambil tindakan yang segera dan memberi keutamaan kepada masalah yang rumit ini.

Tuan Speaker, seperti yang saya cakapkan apakah gunanya Bangunan KOMTAR yang tinggi sekali di rantau Asia Tenggara dan Jambatan Pulau Pinang yang ketiga panjang dalam dunia? Bangunan dan Jambatan Pulau Pinang tidak memberi manfaat kepada rakyat yang kerapkali menderita akibat dari landaan banjir. Jika Y.A.B. Ketua Menteri dapat berusaha mengumpulkan $1.2 billion untuk membeli Jambatan Pulau Pinang dan $200 juta lebih untuk membina KOMTAR, apa sebab Y.A.B. Ketua Menteri tidak dapat mengumpulkan $150 juta sahaja bagi mengatasi masalah banjir dalam Negeri ini?

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Dr. Ong Hean Tee):

Beli *rocket* pun tidak guna.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri harus memberi perhatian yang serious kepada projek-projek yang mendatangkan faedah kepada rakyat jelata. Rakyat sangat menderita akibat berlakunya banjir dan masalah ini adalah lebih penting dari projek-projek mewah seperti yang saya sebut itu.

Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik Teoh Kooi Sneah):

Tuan Speaker, saya mohon kebenaran untuk bersama-sama menyokong Anggaran Pembangunan bagi tahun 1986 yang berjumlah $62,439,430.00 yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri di Dewan yang mulia ini.

Setelah diteliti saya berpendapat Y.A.B. Ketua Menteri dengan penuh perasaan tanggungjawab sebagai pemimpin Kerajaan Negeri yang beramanah telah dapat membentangkan satu anggaran yang dikira tidak membangkang mana-mana pihak di samping mengambil kira tentang perkembangan serta pertumbuhan ekonomi yang akan terus dihadapi oleh Kerajaan pada tahun hadapan. Saya yakin kita semua faham bahawa sejak kebelakangan ini pertumbuhan ekonomi amnya dan Negeri khasnya adalah lemah ekoran dari kemelesetan ekonomi dunia dan ini secara

langsung akan menjejaskan perlaksanaan pembangunan di Negeri ini.

Tuan Speaker, dari perkembangan ekonomi yang sedang dialami sekarang, berikutan kejatuhan harga bahan-bahan mentah keluaran negara serta penutupan beberapa buah kilang industri yang secara langsung menjejaskan pula pendapatan hasil bagi Kerajaan, maka dikira sudah menjadi tugas kita sekalian untuk bersama-sama Kerajaan Negeri bagi mengawal kemelesetan ekonomi dari terus menjejas perkembangan dan pertumbuhan ekonomi di Negeri ini. Di samping itu amatlah wajar bagi seluruh Negeri ini untuk bersama-sama berwaspada terhadap perkembangan ekonomi di tahun hadapan.

Sementara itu apa yang ditetapkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri bolehlah dianggap tepat pada waktunya di mana seluruh rakyat jelata tanpa mengira kedudukan hendaklah sama-sama memainkan peranan bagi mengurangkan perbelanjaan yang membazir serta dapat berusaha dengan lebih rajin lagi di bidang-bidang yang dapat meringankan bebanan hidup mereka. Bukan sekadar itu sahaja malah yang lebih mustahak bagi saya ialah kakitangan Kerajaan di semua peringkat juga haruslah sedar dengan keadaan yang wujud sekarang. Dalam keadaan ini kakitangan dari semua peringkat adalah diharap akan bersama-sama turut terlibat dengan rakyat jelata yang lainnya untuk memainkan peranan serta bertanggungjawab dalam masalah yang sedang dihadapi sekarang ini.

Tuan Speaker, saya berasa gembira dengan cadangan Y.A.B. Ketua Menteri dalam ucapan beliau ketika membentangkan Anggaran Pembangunan bagi tahun 1986 di mana untuk sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kelima pihak Kerajaan bercadang membina sebanyak 7,000 rumah kos rendah di samping sebanyak 6,000 pula akan dibina melalui pengswastaan. Dengan ini bermakna sebanyak jumlah 13,000 unit akan dibina dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima di seluruh Negeri Pulau Pinang. Matlamat utama Kerajaan ialah untuk memenuhi kehendak lebih 50,000 pemohon bagi memiliki unit-unit rumah kos rendah yang bakal dibina. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Y.A.B. Ketua Menteri atas cadangan ini serta menaruh harapan agar pembinaannya akan dapat dilaksanakan mengikut program yang disusun.

Satu perkara yang ingin saya menarik perhatian Y.A.B. Ketua Menteri semoga pembinaan rumah kos pangsa seperti di Jawi dan di Pekan Nibong Tebal dengan bayaran bulanan yang begitu tinggi dikira tidak perlu dilaksanakan di Seberang Perai Selatan. Memandangkan kepada keluasan kawasan tanah yang ada maka keutamaan dalam pembinaan rumah teres dua tingkat patut diberikan kerana ianya lebih sesuai dengan kehendak masyarakat di sini. Sementara itu bayaran bulanannya juga tidaklah begitu tinggi dan tidak membebankan para penghuni.

Tuan Speaker, bayaran bulanan yang dikenakan oleh Jawatankuasa Perumahan Negeri kepada penghuni-penghuni baru rumah kos rendah Kerajaan jenis rumah pangsa di Jawi dan Pekan Nibong Tebal sebanyak $171.00 sebulan dan tidak termasuk bayaran perkhidmatan dan lain-lain bayaran didapati terlalu tinggi serta tempoh bayarannya sudah tentu 25 tahun. Jika begitu berapakah pula harganya bagi satu unit rumah pangsa di Jawi dan Pekan Nibong Tebal yang mesti dibayar oleh penghuninya? Mungkin dalam jumlah $50,000.00 atau lebih, kalaulah begini keadaannya sudah pasti penghuni-penghuni yang berpendapatan rendah atau kurang dari $100.00 sebulan akan terus menghadapi berbagai kesulitan untuk tinggal di rumah-rumah pangsa. Diharapkan pihak Kerajaan Negeri dapat menimbang semula dan mengurangkan keadaan bayaran bulanan supaya tidaklah begitu membebankan penghuni-penghuni rumah pangsa Kerajaan di Jawi dan Pekan Nibong Tebal.

Tuan Speaker, dari apa yang saya difahamkan terdapat ramai penghuni-penghuni rumah awam kos rendah Kerajaan sama ada jenis teres satu tingkat atau dua tingkat ataupun rumah pangsa yang berhutang dengan Kerajaan kerana tidak membayar bayaran bulanan sepertimana yang ditetapkan. Dengan ini bermakna banyaklah tunggakan yang perlu dibayar oleh para penghuni kepada Kerajaan Negeri.

Sementara itu, apakah pula langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Perumahan Negeri dalam mendapatkan balik bayaran hutang daripada penghuni-penghuni yang sedang mendiami unit-unit rumah kos rendah Kerajaan di seluruh Negeri ini? Saya berharap persoalan ini patut diambil perhatian serious oleh Jabatan Perumahan Negeri sebagai usaha mengelakkan hutang para penghuni dari terus meningkat di samping meringankan bebanan ekonomi yang dihadapi oleh Kerajaan.

Tuan Speaker, saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Y.A.B. Ketua Menteri di atas perhatian Kerajaan dalam mengadakan satu peruntukan

pembangunan sejumlah $2,889,900.00 kepada Jabatan Pertanian sebagai usaha pemulihan dan penyesuaian kawasan perindustrian dan pertanian. Memandangkan kepada kemelesetan ekonomi dunia sudah tentu sektor pertanian dapat memainkan peranan yang penting dalam pemulihan serta mengstabilkan suasana ekonomi Negara dari terus terjejas. Di samping itu pula secara langsung akan melibatkan para petani untuk menumpukan usaha yang lebih dan membanyakkan pengelolaan usaha perusahaan mereka. Untuk lebih mendorongkan para petani dalam menjayakan perusahaan, pihak Kerajaan Negeri hendaklah menyediakan kemudahan serta bantuan-bantuan seperti pemberian benih-benih dari baka baik untuk padi, pokok buah-buahan, durian, rambutan, jambu *(guava)*, mempelam dan lain-lain, juga benih sayor-sayoran di samping membekalkan baja bahan kimia yang boleh membantu para petani menjaga musuh-musuh tanaman.

Tuan Speaker, demikian juga dengan kaum nelayan. Kemudahan serta bantuan secukupnya perlu diadakan ke arah memodenkan cara pengusahaan tangkapan ikan dengan teknik yang baik. Untuk tujuan ini cara pengusahaan berkelompok patut diberi galakan kepada nelayan sebab penyatuan tangan dalam sesuatu perusahaan akan mendatangkan hasil yang banyak. Di samping itu, pihak Kerajaan hnendaklah sentiasa mengelakkan para nelayan menjalankan perusahaan ternakan ikan, ketam, siput, kerang dan udang galah.

Pembaikan udang galah dikira lebih mudah. Pihak Kerajaan boleh melepaskan anak-anak udang galah di Sungai Krian dan Sungai Jejawi. Dengan cara ini udang galah akan terus hidup subur dan akan memberi sumber pendapatan kepada ramai nelayan. Jika hasil hidupan laut terlalu banyak sudah tentu dapat dihantar keluar dan akan membolehkan Kerajaan menambahkan sumber pendapatan ekonomi Negeri.

Tuan Speaker, dengan peruntukan sebanyak $2,030,000.00 kepada Jabatan Parit dan Taliair di bawah Anggaran Pembangunan 1986, adalah diharap kepada pihak Kerajaan Negeri supaya dapat memberi perhatian yang lebih dalam melaksanakan program-program mencegah banjir di Daerah Seberang Perai Selatan seperti di Pekan Sungai Bakap di sekitar Pekan Nibong Tebal, Jalan Tasek dapat pengkalan U.K.K. dan di kawasan Pekan Simpang Empat.

Berikutan dari itu, semua parit *monsoon* dan sungai di bawah pengawasan Jabatan Parit dan Taliair hendaklah sentiasa dibersihkan serta didalami supaya dapat memudahkan pengaliran air. Jika tindakan dalam perkara ini dapat dilaksanakan sudah pastilah masalah banjir di Seberang Perai Selatan boleh diatasi. Parit-parit *monsoon* dan sungai yang dimaksudkan ialah parit di hujung Taman Sentosa Nibong Tebal, parit atau sungai di tepi pengkalan Unit Kawalan Keselamatan Sungai Bakap dan sungai di Simpang Empat.

Tuan Speaker, ucapan terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Datuk Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Negeri kerana telah memberikan jawapan dengan memuaskan terhadap soalan-soalan saya yang ada kaitangan dengan Jawatankuasa Kerajaan Negeri. Jawapan yang menyatakan bahawa jalan-jalan tanah yang dibina dalam Rancangan Malaysia Keempat akan ditarkan dalam Rancangan Malaysia Kelima dikira satu pengakuan yang dapat memuaskan hati sebahagian besar penduduk serta rakyat Seberang Perai Selatan yang secara langsung akan mendapat kemudahan menggunakan jalan-jalan tersebut. Cuma yang menjadi harapan saya agar tindakan segera dapat diambil apabila tiba masa perlaksanaannya.

Rakyat di sekitar kawasan jalan-jalan yang dimaksudkan dalam soalan saya tempoh hari menaruh harapan agar Kerajaan Negeri dapat menunaikan janji yang pernah dibuat dahulu untuk mengetarkan jalan-jalan tersebut bagi mengelakkan kesulitan yang dihadapi oleh para pengguna termasuk murid-murid sekolah, oleh sebab di musim hujan jalan akan menjadi licin dan berlopak serta berlumpur, manakala di musim panas pula jalan akan berhabuk dan menyulitkan perjalanan para pengguna.

Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini bagi mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Kerja Raya atas tindakan segera membaiki kerosakan jalan-jalan di sekitar Kawasan Seberang Perai Selatan.

Akhirnya, Tuan Speaker, saya mohon menyokong Anggaran Pembangunan 1986 yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri.

Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Hj. Adnan @ Md. Isa bin Hj. Ramli):

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya bangun di sini untuk mengambil bahagian menyokong usul Anggaran Pembangunan yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang pada petang

semalam yang dianggarkan sebanyak $62,439,430.00 untuk tahun 1986.

Tuan Speaker, kenyataan yang benar dan kemajuan dan pembangunan yang telah diusahakan oleh Kerajaan Negeri tidak dapat kita nafikan. Kenyataan hendaklah kita akui bahawa Kerajaan Negeri pada hari ini telah berusaha dan bersusah payah untuk meningkatkan kemajuan pembangunan kepada rakyat di Negeri ini tidak kira tempat, tidak kira bangsa dan tidak kira kaum. Khususnya Kerajaan membangunkan kawasan-kawasan luarbandar terutama sekali untuk membasmi kemiskinan, untuk mengubah taraf hidup dan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat di luarbandar dengan dengan tidak kira keturunan, sama ada Cina, Melayu atau Hindu.

Inilah yang kita ucapkan syabas kepada Kerajaan Negeri yang telah membanyakkan peruntukan walaupun sekarang ini adalah keadaan meleset dan juga keadaan yang tidak mengizinkan penggunaan wang begitu banyak, tetapi pada hari ini Kerajaan Negeri terpaksa gunakan untuk kepentingan rakyat kita. Sebab apa? Kerajaan Barisan Nasional ini adalah Kerajaan yang dipilih oleh rakyat. Usaha-usaha dibuat untuk mendapat faedah kesemua kaum. Inilah harapan dan hasrat Kerajaan yang ada pada hari ini.

Kerajaan Negeri memandang jauh dalam perancangan untuk membangunkan dan membawa kemajuan untuk rakyat di masa ini dan di masa akan datang. Saya berharap kepada pihak yang berkenaan supaya semua peruntukan dan usaha-usaha yang dijalankan hendaklah sampai kepada matlamat dan sasarannya. Itu yang saya harap-harapkan.

Jadi, Tuan Speaker, saya Ahli Dewan Kawasan Kubang Semang mengharapkan kepada Kerajaan supaya dapat membanyakkan lagi dan memberi perhatian yang lebih kepada kawasan saya, Kubang Semang, yangmana Kawasan Kubang yang saya wakili ini banyak lagi usaha-usaha pembangunan yang patut dan boleh dijalankan.

Tuan Speaker, masalah industri pelancongan boleh meningkatkan ekonomi Negeri ini. Kita juga mengawasi dan meneliti supaya pelancongan ini benar-benar memberi faedah dan juga memberi munafaat kepada rakyat Negeri ini. Seperti kita ketahui, projek-projek pelancongan boleh membawa keuntungan ataupun menjejaskan penghidupan mereka yang tinggal berhampiran dengan pembangunan pelancongan. Oleh itu, saya berharap pihak yang berkuasa hendaklah berusaha dan memastikan supaya pembinaan tempat-tempat pelancongan tidak menyusahkan rakyat dan membebankan penduduk-penduduk yang berhampiran.

Kerajaan juga hendaklah memastikan dan mengawasi agar pelancong-pelancong yang datang ke Negeri ini tidak mengancam kebudayaan dan cara hidup masyarakat kita. Kerajaan juga, saya hendak menekankan, hendaklah memastikan dan mengawasi agar pelancong-pelancong yang datang ke Negeri ini tidak mengancam kebudayaan dan cara hidup masyarakat kita. Di samping itu juga kita mesti memperkenalkan Negeri kita kepada pelancong-pelancong di luar Negeri. Mereka patut diberitahu tentang kebudayaan kita khususnya perbuatan yang dilarang dan amalan yang dianggap kurang sopan. Pihak Kerajaan hendaklah berusaha mengadakan kemudahan-kemudahan yang boleh mencerminkan kebudayaan Negara kita kepada pelancong-pelancong bukan sahaja merupakan persembahan-persembahan kebudayaan, dan hasil-hasil kraftangan tetapi juga semua bentuk lain seperti tempat penginapan, jenis-jenis makanan dan pakaian.

Tuan Speaker, di bidang pertanian, saya suka memohon kepada Kerajaan Negeri supaya berusaha dan meningkatkan lagi pengeluaran hasil-hasil pertanian di Negeri ini dan menyiasat kesesuaian tanah untuk diusahakan tanam-tanaman gantian yang lebih ekonomik dari padi di kawasan padi. Galakan tanaman koko iaitu tanaman jenis baru di Negeri ini yangmana tanaman koko ini amat berkurangan di Negeri Pulau Pinang. Saya rasa tanaman koko ini akan membawa kebaikan dan faedah kepada rakyat kerana di Pulau Pinang ini khususnya di sebelah Seberang Perai ada banyak pokok kelapa dan tanaman koko ini boleh menjadi tanaman selingan. Ini mungkin mendapat hasil yang baik dan saya harap akan mendapat galakan daripada Kerajaan Negeri.

Di samping itu, adakan siasatan tanah-tanah rang dan tanah-tanah yang kosong sama ada sesuai untuk menanam tanaman kobis ataupun asparagus di tanah-tanah rang tersebut. Kalau berjaya kita boleh menyelamatkan berjuta-juta ringgit tukaran wang asing kerana pada masa ini kita terpaksa mengimport kobis-kobis dari Indonesia dan Cina. Ini adalah menjadi satu pertukaran matawang kita ke luar negeri dan jika kita boleh menanam kobis-kobis jenis tanah rendah di kawasan tanah rang ataupun tanah-tanah yang kosong di Negeri Pulau Pinang ini akan menyelamatkan lagi matawang Negeri kita.

Dan juga, Tuan Speaker, saya berharap kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang ini, jadikanlah Negeri Pulau Pinang ini negeri buah-buahan tempatan kerana buah-buahan tempatan ini banyak khasiatnya kalau dibandingkan dengan buah-buahan yang diimport dari luar negeri.

Tanaman buah-buahan bermusim dan tidak bermusim perlu digalakkan. Buah-buahan bermusim seperti buah durian, cempedak, rambutan, langsat, manggis dan sebagainya hendaklah ditanam dengan tanaman baru dan pokok-pokok lama yang sedia ada hendaklah dijaga dan diberi bantuan dan sebagainya supaya pokok-pokok itu tahan lama sebab ada pokok-pokok yang tua telah mati dengan berpenyakit dan sebagainya. Saya berharap Kerajaan Negeri dapat memberi perhatian terhadap tanaman pokok-pokok ini.

Tanaman pokok-pokok yang tidak bermusim sepanjang tahun juga kita mesti mengambil berat, seperti belimbing, nangka, ciku, jambu dan lain-lain lagi. Tanamkan pokok-pokok yang baru dan juga pulihkan pokok-pokok yang sedia ada. Didapati pokok-pokok yang sedia ada pada masa ini kebanyakannya tua-tua dan mati dan ada yang diserang penyakit sepertimana yang saya dapati penyakit ulat batang, batang berair dan mati pucuk. Inilah yang menyebabkan pokok-pokok ini mati dan saya harap pihak pertanian akan mengambil perhatian atas perkara ini.

Saya berharaplah dengan adanya buah-buahan tempatan ini dan Kerajaan Negeri menjadikan Negeri Pulau Pinang ini negeri buah-buahan Malaysia, maka banyaklah lagi pelancong-pelancong akan datang menikmati buah-buahan tempatan di Negeri ini. Adakah hidangan buah-buahan tempatan di upacara-upacara rasmi dan juga hidangan-hidangan untuk sahabat-sahabat kita yang datang ke rumah. Ini hendaklah diamalkan oleh pihak Kerajaan.

Juga kita dapati pada hari ini orang-orang kita kalau hendak menziarahi orang-orang sakit atau bertandang ke rumah kawan-kawan, mereka lebih suka membawa buah anggor dan buah epal. Mereka tidak membawa buah-buah tempatan seperti buah pisang dan sebagainya. Ini kita patut ubah supaya menggalakkan pembelian buah-buahan tempatan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, mengenai masalah taliair, saya mengharapkan pihak yang berkenaan dapat memperbaiki lagi taliair yang sedia ada dan perlu diusahakan dengan segera, terutama sekali taliair di Kawasan Sungai Kulim. Taliair di Kawasan Sungai Kulim ini telah dibuat atau dikorek sebelum perang lagi, mungkin taliair yang tertua di Negeri ini.

Jadi saya berharap pada pihak yang berkenaan dapat berusaha supaya taliair itu dapat digunakan dengan baik untuk tanaman padi di kawasan itu dan juga di kawasan itu ada kawasan yang airnya terlalu banyak masuk dalam bendang hingga menjadi paya dan di kawasan itu juga ada air yang tidak sampai. Saya berharap pihak yang berkenaan dapat menyiasat dan dapat mengadakan parit-parit baru serta memperbaiki parit-parit lama.

Kawasan-kawasan yang perlu diambil perhatian segera ialah di Mukim 4, 5 dan 6, Seberang Perai Tengah. Di kawasan ini air terlalu banyak hingga menjadi paya dan kalaulah perkara ini dapat dilaksanakan mungkin tanah rang kita akan berkurangan.

Tuan Speaker, saya juga berharap pada P.B.A. supaya kolam air di Mengkuang (Mengkuang Dam) dapat dijadikan salah satu dari tempat pelancongan Negeri. Tempat ini boleh diperelokkan lagi dan dijadikan kawasan untuk makan angin dan sebagainya demi untuk kebaikan pelancongan. Janganlah kita tumpukan pelancongan di sebelah Pulau Pinang sahaja. Di Seberang Perai juga hendaklah kita adakan tempat pelancongan kerana Seberang Perai adalah sebahagian dari Pulau Pinang.

Apa yang kita perhatikan pada hari ini ialah pelancong-pelancong yang datang ke Pulau Pinang tidak tahu yang Seberang Perai ini sebahagian dari Pulau Pinang kerana gambar-gambar Pulau Pinang hanya menunjukkan Pulau Pinang sahaja, tidak termasuk Seberang Perai. Jelas sekali kalau kita tengok di baju-baju *"T-shirts"*, Pulau Pinang ada tetapi Seberang Perai tidak ada. Ini sungguh mendukacitakan. Kalau boleh kita masukkanlah Seberang Perai. Kalau Seberang Perai masuk balik ke Kedah, Pulau Pinang jadi Wilayah, kacau. Ini yang terjadi. Kita harap janganlah lupa.

Begitu juga dengan pembangunan-pembangunan, kita janganlah tumpukan di sebelah Pulau Pinang, pantai-pantai di sebelah Seberang Perai pun cantik tapi hanya ditumpukan di sebelah Tanjung Bungah dan Batu Feringghi sahaja. Di Seberang Perai ada tempat-tempat yang istimewa. Janganlah jadikan Seberang Perai sebagai tempat tumpuan dan tempat berhimpun orang-orang kilang yang berhenti kerja. Kebanyakan orang-

orang kilang yang berhenti kerja bertumpu di kawasan Chai Leng Park. Jadi perkara ini hendaklah diambil perhatian.

Tuan Speaker, jadi saya berharap juga kepada P.B.A. supaya memasang bekalan-bekalan air di kawasan saya dan percepatkan kerana telah lama saya meminta. Saya harap dapat disegerakan seperti di Padang Buluh (Mukim 21), Seberang Perai, Kampong Belah Dua, Seberang Perai Tengah, Kampong Petani (Mukim 3), Bukit Indera Muda (Mukim 5) serta Simpang Tiga Permatang Pauh dan Permatang Tengah Permatang Pauh yangmana permohonan telah lamat dibuat.

Saya berharap usaha-usaha dan tindakan segera akan diambil kerana kita tahu dan kita faham bahawa air paip di Pulau Pinang boleh dikatakan telah dapat disalurkan kepada 90% penduduk-penduduk. Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri yang telah berusaha menyalurkan air paip kepada lebih dari 90% penduduk-penduduk, tetapi sekarang ini masih ada lagi ketinggalan di kawasan saya. Saya harap bekalan air paip dapat disalurkan dengan segera supaya mereka-mereka yang kurang bernasib baik dan yang lambat mendapat bekalan air ini dapat menikmati bekalan air sepertimana yang kita sekarang menikmati ini.

Tambah lagi di musim kemarau, ini yang menjadi masalah. Di musim kemarau air kering, di musim hujan air penuh di telaga. Jadi kedua-duanya pun susah. Kalau penuh sangat air lain masuk, kalau kering hendak cedok air susah sebab masuk pasir. Jadi kita perlu minum. Oleh itu saya minta jasa baik P.B.A. mempercepatkan bekalan air di kawasan-kawasan ini.

Kepada J.K.R. saya dapati di kawasan saya – di kawasan Tanjung Bungah saya tidak tahulah – jalan-jalanraya tersangat buruk. Kalau kita naik kereta atau naik motor, kita rasa macam naik feri kena ribut. Dia naik-turun-naik-turun, terumbang-ambing dan jalan-jalannya pula berlubang, di tepi berlubang di tengahpun berlubang, lari tepipun jatuh, pergi ke tengahpun jatuh. Ini amat merbahaya dan saya harap pihak J.K.R. dapat mengambil tindakan.

Kadang-kadang – ini saya hendak bercerita – maaflah kalau saya bercakap, tapi kalau pegawai-pegawai J.K.R. nampak jalan mereka buat tidak tahu sahaja. Sepatutnya mereka kena ambil tindakan segera dan juga saya berharap pihak yang berkenaan akan mengambil perhatian mengenai masalah bahu-bahu jalan yang tidak sama, berlopak, tinggi-rendah, amat merbahaya kepada orang-orang susah, kepada orang-orang kampung, orang-orang miskin dan kanak-kanak sekolah yang menggunakan basikal dan berjalan kaki. Bahu-bahu jalan ini juga berlopak dan kalau yang tidak berlopak penuh dengan rumput-rampai, rumput lalang dan pokok-pokok sebesar lengan. Saya berharap perkara ini akan mendapat perhatian dari J.K.R. kerana pokok-pokok dan lopak-lopak ini merbahaya. Pokok lalang juga merbahaya kerana mungkin ada ular dalam semak-semak itu. Perkara-perkara yang saya cakapkan ini ialah di kawasan saya, di kawasan lain saya tidak tahulah.

Juga, parit-parit tanah di tepi jalan. Parit-parit tanah di tepi jalan, masa dulu saya tengok ada, tetapi telah berubah sekarang. Saya tengok tidak ada, hilang ke mana saya tidak tahu dan saya mintalah kepada J.K.R. supaya mengorek balik parit-parit tanah yang ada di tepi jalan ini. Disebabkan parit ini tidak ada, maka bila hujan lebat, air melimpah, mengalir dan menjangkau di seberang jalan dan bertakung di atas jalan. Ini boleh merosakkan jalan-jalan tar dan inilah sebabnya selalu kita dapati jalan-jalanraya di Seberang Perai di tempat saya ini berlubang dan bertampung. Jadi bila bertampung ianya jadi semacam baju batik. Kalau boleh kita hindarkan perkara ini kita boleh elakkan jalan-jalan menjadi rosak.

Pada masa dulu kita tengok buruh-buruh J.K.R. selalu ada di tepi-tepi jalan, menebas dan mengorek parit-parit yang sedia ada, tetapi sekarang ini mungkin tidak ada diperuntukkan, saya pun tidak tahu, tetapi saya tengok peruntukan yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri tiap-tiap tahun untuk J.K.R. adalah lebih. Janganlah tumpu di satu kawasan, tumpulah di kawasan-kawasan luarbandar seperti kawasan saya ini.

Jadi, Tuan Speaker, di zaman kebangkitan Islam ini kita perlu mengambil berat dan berusaha lebih dan saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yangmana telah memberi perhatian untuk meningkatkan syiar Islam di Negeri ini dengan mengadakan peruntukan-peruntukan setakat yang ada dan saya berharap juga kita tambahkan lagi peruntukan untuk meningkatkan lagi syiar Islam di Negeri ini.

Di Mesjid Negeri umpamanya, kita boleh mengadakan satu rancangan. Adakanlah sebuah khutub-khanah yang termoden supaya orangramai dapat membuat rujukan, dapat membaca hal-hal Islam, hal-hal kemajuan Islam dan hal-hal kebang-

kitan Islam sesudah sembahyang ataupun bagi rujukan pelancong-pelancong di dalam dan di luar negeri. Saya rasa ada tempat yang lapang, ada tempat yang boleh kita adakan khutub-khanah yang moden di kawasan Mesjid Negeri kita ini dan adakan banyak buku-buku, gambar-gambar dan sebagainya berkenaan dengan Islam. Di Mesjid Negeri juga boleh diadakan pamiran pemimpin-pemimpin serta pejuang-pejuang Islam dan kegiatan-kegiatan Islam di dalam dan di luar negeri.

Ini juga boleh meningkatkan lagi pelancong-pelancong yang datang dari negara-negara Islam. Kita tidak semestinya mengharapkan pelancong-pelancong dari barat yang pakai seluar sekerat yang pakai baju sekerat. Kita haraplah pelancong-pelancong Islam dari Timur Tengah yang datang ke Negeri kita dapat melihat kebangkitkan Islam, selain dari pemandangan-pemandangan di Negeri ini yang disediakan oleh Kerajaan. Pada hari ini saya tengok ramai pelancong-pelancong kita dibawa melawat ke tempat-tempat lain dari tempat Islam, iaitu ke *temple* dan kuil. Di samping itu boleh juga kita bawa mereka ke mesjid-mesjid.

Tuan Speaker, mengenai perumahan, saya berharap pihak Perumahan Negeri Pulau Pinang dapat membina dengan segera rancangan perumahan di Kawasan Kubang Semang. Setakat ini belum ada lagi rancangan perumahan di Kubang Semang, walaupun telah dijanjikan dari tahun 1982, sejak saya mula-mula menjadi Wakil Rakyat, saya mula-mula masuk dalam Dewan ini, tahun demi tahun sehingga hendak menghadapi pilihanraya yang baru pula, tidak nampak. Tapaknya ada tapi penuh hutan dan semak. Mungkin hutan itu harimau pun ada sekarang. Orang-orang kampung sekitar tempat itu mengadu *(complain)* bahawa tapak yang disediakan untuk perumahan telah menjadi hutan. Ini menyusahkan dan merbahaya kepada penduduk-penduduk di kawasan itu dan saya harap peruntukan yang diberi pada tahun ini disegerakan di kawasan saya.

Tuan Speaker, pengagihan pemberian rumah murah yang dikatakan 45:45:10 itu, saya mengucapkan terima kasih. Ini peruntukan yang adil dan saksama, tetapi cara pengagihan itu, ada orang yang sesuai dan layak tidak dapat, bahkan telah meminta bertahun-tahun. Dia terpaksa menyewa rumah lain dengan harga lebih dari yang hendak dibayar jika membeli rumah murah itu. Ada dua-tiga orang kawan yang datang berjumpa saya menceritakan bahawa mereka terpaksa keluar dari rumah Kerajaan sebab sudah pencen ataupun berhenti kerja. Mereka terpaksa menyewa rumah di luar kerana tidak mendapat rumah murah. Saya tidak tahu fasal apa tidak dapat. Mungkin kata dia tidak ada duit tetapi dia boleh menyewa dengan harga yang lebih dari rumah murah. Saya minta perhatian Yang Berhormat Pengerusi Perumahan.

Saya suka hendak menyebutkan salah seorang yang datang berjumpa saya itu ialah Ariffin bin Ahmad. Dulu dia biasa bekerja dengan J.K.R. dan saya tengok surat rekomen itu lebih tinggi dari laporan tahunan. Ada yang datangnya daripada Senator, Wakil Rakyat, Penghulu, J.K.K.K., semuanya ada, tetapi terpaksa menyewa rumah luar yang lebih mahal dari tinggal di rumah Kerajaan yang disediakan. Di sini kita tidaklah boleh menganggapkan bahawa usaha-usaha kita ialah untuk menyenangkan rakyat, bahkan menyusahkan pula kerana dia mempunyai anak yang banyak. Saya mintalah kalau boleh tolong kirakan dan bagi padanya.

Begitu juga dengan P.D.C., saya berharap kepada P.D.C. dapat membina rumah-rumah yang sesuai dan berharga murah. Sekarang ini P.D.C. membuat rumah yang tidak dapat dicapai oleh orang-orang kampung. Mereka hanya dapat berangan-angan sahaja, mereka boleh tengok pembangunan tetapi tidak boleh menyertai oleh sebab mereka tidak boleh membeli rumah itu dengan harga yang begitu mahal. Pendapatan rakyat Malaysia hitung panjang bagi Pulau Pinang yang dikatakan beribu-ribu ringgit itu saya ingat bagi penduduk-penduduk yang tinggal di kampung atau di luar bandar yang dahagakan rumah P.D.C. itu tidak sebanyak itu. Inilah saya berharap supaya P.D.C. dapat mengkaji semula membina rumah-rumah yang sesuai yang patut dan padan untuk diduduki oleh rakyat Pulau Pinang. Kita tidak mahu mereka membeli rumah yang mahal, bayar banyak, tapi perut lapar, catu dan ikat perut kerana hendak membayar duit rumah. Ini yang menjadi masalah rakyat pada hari ini. Kita melaung-laungkan Negeri kita membangun, Negeri kita mendapat kemajuan di semua aspek dan bidang tetapi rakyat ikat perut kita tidak tahu. Kita hendak biarlah sama-sama dapat. Di samping membina rumah mewah untuk orang-orang kaya, janganlah lupa membina rumah untuk orang-orang miskin, pegawai-pegawai sederhana dan juga pegawai-pegawai rendah kerana pegawai pegawai sederhana dan rendah ini juga berbakti kepada kita, berkhidmat kepada kita. Kita mesti bagi peluang kepada pegawai-pegawai yang rendah dan pegawai-pegawai yang sederhana untuk memiliki dan menikmati hasil pembangunan di Negeri kita ini.

Jadi, Tuan Speaker, di akhir ucapan saya ini saya suka hendak menanyakan Ahli Pengkalan Kota yang tidak ada di sini, beliau telah membangkitkan dan menuduh Kerajaan tidak mengambil usaha yang lebih berkenaan dengan pekerja-pekerja kilang diberhentikan. Saya ingin bertanya kepada wakil dari Pengkalan Kota, selama ini apakah sumbangan, usaha-usaha dan kerjasama DAP terhadap pembuangan pekerja-pekerja kilang di Negeri ini? Mungkin beliau ada di dalam bilik sebelah. Saya ulang lagi sekali, selama ini apakah sumbangan, usaha-usaha dan kerjasama parti DAP terhadap pembuangan pekerja-pekerja kilang di Negeri ini? Mereka hanya berkokok di dalam Dewan, pura-pura bersimpati dengan pekerja-pekerja yang telah dibuangkan itu, tetapi kerjasama tidak pernah diberi.

Saya berharaplah kepada DAP supaya memahami hasrat Kerajaan Negeri ini untuk menolong semua rakyat di Negeri ini, tidak kira bangsa dan kaum walaupun termasuk kawasan Pengkalan Kota dan Bukit Glugor. Walaupun wakil-wakil kawasan tersebut tidak pernah menyokong peruntukan kemajuan dan pembangunan dan tidak pernah mengambil pusing masalah rakyat tetapi peruntukan kita tetap bagi. Ini menunjukkan Kerajaan Barisan Nasional ini sungguh adil dan saksama sepertimana yang dikehendaki oleh pemimpin-pemimpin kita Datuk Sri Dr. Mahathir dan Dato' Musa dan juga Y.A.B. Dr. Lim Chong Eu.

Oleh itu, saya lagi sekali menyokong Anggaran Belanjawan Pembangunan yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri diluluskan. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Datuk Haji Ahmad bin Saleh):

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya lagi sekali bangun untuk mengambil bahagian bersama dengan rakan-rakan saya yang telah bercakap bagi menyokong usul yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri iaitu mengenai Anggaran Pembangunan bagi tahun 1986.

Saya mengambil kesempatan di dalam Dewan yang bahagia ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan yang telah berusaha bersungguh-sungguh bagi menjayakan pembangunan Negeri Pulau Pinang yangmana anggarannya adalah berjumlah $62 juta lebih walaupun dengan angka $62 juta lebih yang diperuntukkan untuk rancangan pembangunan bagi tahun 1986 ini. Kerajaan menghadapi kekurangan $1.9 juta. Ini merupakan satu langkah yang sangat menggalakkan dan membuktikan bahawa Kerajaan memang berazam bersungguh-sungguh untuk membangunkan Negeri dan juga kawasan-kawasan luarbandar untuk faedah rakyat di Negeri Pulau Pinang.

Namun demikian, ada juga perkara-perkara yang perlu diperingatkan ataupun diperbetulkan di Dewan ini mengenai rancangan-rancangan pembangunan di Negeri Pulau Pinang walaupun kita tidak dapat menafikan bahawa Negeri Pulau Pinang adalah salah sebuah negeri yang pesat membangun jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain dalam negara kita pada masa ini. Apa yang menarik perhatian saya, Tuan Speaker, ialah untuk membentangkan sedikit sebanyak masalah-masalah yang sedang dan akan dihadapi berikutan dengan perancangan-perancangan pembangunan yang begitu pesat sedang berjalan di dalam Negeri kita ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mengambil kesempatan dalam Dewan ini untuk mengucapkan terima kasih di atas peruntukan yang begitu besar yang telah diberikan kepada J.K.R. dengan tujuan untuk membangun dan memperbaiki jalan-jalan yang sedia ada dan atau membina jalan-jalan yang baru terutama sekali di kawasan-kawasan luarbandar untuk faedah rakyat, bukan sahaja di kawasan saya, malah boleh jadi di kawasan-kawasan yang lain. Tetapi apa yang saya hendak tumpukan ialah di kawasan Seberang Perai Selatan khususnya di kawasan Sungai Acheh.

Sebelum saya sampai di Sungai Acheh, saya suka menarik perhatian supaya jabatan yang berkenaan dapat memperbaiki keadaan jalan-jalan. Jika sekiranya kita dari Butterworth ke sempadan Perak, kita dapati bahawa jalan-jalan Persekutuan ini amat buruk dan di kiri-kanan jalan didapati banyak lubang, sama dengan apa yang disebutkan oleh ADUN Kubang Semang tadi, tetapi tidak banyak berlopak di tengah, ada sedikit-sedikit yakni kadangkala mengakibatkan tradisi yang amat menyedihkan.

Baru-baru ini seorang pekerja dari kawasan saya, kawasan Sungai Chenaam, keluar dari rumah untuk bekerja di Perai, bila sampai di Bukit Tengah beliau telah mendapat kemalangan. Ini adalah akibat keadaan jalan yang tidak begitu baik. Beliau meninggal di tepi jalan dan tidak dapat ditentukan wajah orang yang ditimpa ke-

malangan itu. Inilah yang selalu berlaku dan kita berharap supaya pihak jabatan berkenaan dapat memperbaiki keadaan jalan-jalan yang saya sebutkan tadi.

Apabila kita masuk ke kawasan Nibong Tebal, kita lihat kadangkala lebih dahsyat dari kalau kita pergi ke Kuala Lumpur. Kita kena *queue* satu jam lebih untuk melintas lebihkurang tidak sampai setengah batu. Ini adalah akibat jalan-jalan yang tidak begitu baik. Barangkali Pengerusi yang berkenaan tidak sampai lagi di kawasan Sungai Acheh, mungkin sampai di kawasan Nibong Tebal sahaja. Jadi kita harap akan dapat melihat keadaan dan masalah yang sedang kita hadapi ini.

Walaupun masalah ini bukanlah masalah J.K.R. tetapi apa yang saya perlu tekankan di sini ialah sepatutnya jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan perlu mengadakan kerjasama yang lebih erat, misalnya J.K.R. dengan Talikom, Talikom dengan L.L.N., dan L.L.N. dengan P.B.A. Jika sekiranya empat jabatan ini dapat diselaraskan, saya percaya keadaan yang sedang berlaku ini dapat kita atasi.

Perkara yang selalu berlaku ialah bila J.K.R. tutup, kambus atau membaiki jalan, baru tidak sampai lebih kurang satu minggu, datanglah pula Talikom ataupun P.B.A. korek, selepas itu tunggu, sehingga berbulan-bulan dan barulah tindakan-tindakan diambil. Kalau tidak silap jalan yang disebut bagi kawasan saya lebih dari tiga bulan. Ini adalah amat mendukacitakan. Sekiranya dapat kita adakan satu perundingan dan membuat satu perancangan, bila Talikom hendak memasang kabel, bila L.L.N. hendak memasang kabel, bila P.B.A. hendak memasang paip, tentukan satu masa selepas itu J.K.R. masuk, selepas selesai, tutup jalan, elok. Saya percaya ini adalah satu perkara yang patut diambil perhatian supaya semua masalah ini boleh kita sama-sama menghadapi, dan bukan sahaja kita dapat mengatasi masalah itu tetapi kita dapat menjimatkan wang.

Walaupun peruntukan lebih dari $19 juta dianggarkan kepada J.K.R. tetapi saya rasa $19 juta ini tidak sampai ke mana. Misalnya sekarang musim hujan, tender ataupun kontrak bagi menambak bahu-bahu jalan telah dikeluarkan. Bila bahu-bahu jalan ini ditambak, lebih kurang tidak sampai seminggu tanah yang ditambak itu hilang begitu sahaja sebab hujan telah membawa tanah itu ke dalam parit. Ini juga merugikan kita. Kalau kita kira dan kita selidik dengan teliti berpuluh-puluh ribu dan boleh jadi berjuta-juta ringgit telah kita buang dengan tidak tentu arah, oleh kerana perancangan kita tidak begitu teliti.

Yang Berhormat Tuan Speaker, selain dari perkara yang telah kita sentuh mengenai jalan-jalan yang kurang baik, tadi, saya juga ingin menarik perhatian supaya pihak yang berkenaan dapat bersimpati dengan saya. Saya telah suarakan dalam Anggaran Pembangunan pada tahun yang lalu iaitu pada tahun 1982 apabila kita hendak menghadapi pilihanraya bahawa beberapa batang jalan baru telahpun dimasuk dalam rancangan pembinaan jalan-jalan dan papan tanda telah diletakkan iaitu di Jalan Batas Pinang, Jalan Sungai Udang, Jalan Tanjong Berembang, Parit Kasa Tiga dan Telok Ipeh iaitu Jalan Victoria. Tetapi malangnya sehingga hari ini jalan-jalan itu belum lagi ditarkan, belum lagi dibuat dan saya lihat sekarang papan-papan tanda itu telahpun jatuh dan ada orang yang telah mengambil papan-papan itu dibuat dinding rumah dan sebagainya. Jadi ini adalah satu masalah yang saya harap Datuk Pengerusi yang berkenaan dapat mempercepatkan pembangunan jalan-jalan ini oleh kerana, saya tidak tahulah, mungkin kita akan sama-sama ketahui kalau sekiranya jalan-jalan ini tidak siap.

Yang Berhormat Tuan Speaker, satu perkara yang amat menyedihkan saya bagi kawasan Sungai Acheh, kalau dikira di antara Ahli-Ahli DUN di kawasan-kawasan yang lain, kawasan-kawasan mereka mempunyai banyak rancangan luarbandar, rancangan jalan-jalan kampung dan telah dapat dilaksanakan berbatu-batu jalan tar selebar 7 kaki walaupun 7 kaki ini kecil. Saya hendak cadangkan hari ini, jalan yang 7 kaki ini tidak patut lagi kita adakan di kampung-kampung kerana tidak dapat memenuhi kehendak rakyat. Kalau boleh sekurang-kurang 8 kaki. Kalau 10 kaki kena masuk ke J.K.R. pula. Jadi kalau lebarnya 8 kaki bolehlah sebuah kereta ataupun lori kecil masuk tetapi kalau 7 kaki tidak boleh masuk. Jadi saya minta perhatian mengenai perkara ini.

Di antara Ahli-ahli DUN di kawasan Seberang Perai Selatan, yang paling sedihnya ialah

ADUN kawasan Sungai Acheh kerana ada satu perpuluhan berapa batu sahaja jalan bertar di kampung. Tiga batang jalan yang telah ditar itu ialah Jalan Tanah Kebun sekerat, Jalan Sungai Setar Besar sekerat dan baru-baru ini jalan masuk ke rumah saya iaitu Jalan Kampong Haji Ahmad. Jadi adakah munasabah ataupun patut dari tahun 1974 semasa saya masuk ke Dewan ini banyak perkara seumpama ini telah saya cakapkan tetapi sehingga hari ini baru ada satu batu lebih di antara tiga kampung?

Kalau Y.B. Datuk Pengerusi yang berkenaan hendak pergi melawat bolehlah, kita boleh pergi melawat dan kita tengok sama ada benar ataupun tidak apa yang saya sampaikan di Dewan ini. Dan inilah harapan saya supaya perkara-perkara ini dapat diambil perhatian atau tindakan segera, kalau boleh dalam tahun ini bagi siap. Itu kalau bolehlah, sebab ada $19 juta. Kalau hendak makan siput pun kita boleh jamu di sana.

Saya juga ingin hendak tambah mengenai masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk sepertimana yang telah disampaikan oleh rakan saya, iaitu Y.B. Ahli Kawasan Sungai Bakap, mengenai masalah banjir. Jadi saya pun hendak sambung sedikit lagi. Bagi Kawasan Nibong Tebal iaitu di kawasan yang berhampiran dengan Sekolah Methodist, tiap-tiap kali hujan murid-muridnya berada di atas meja, dan baru-baru ini bila banjir teruk, guru-guru membenarkan murid-murid pulang sekolah. Mereka diberi cuti oleh sebab tidak dapat belajar. Air telah naik sampai ke dalam sekolah. Inilah masalah yang selalu dihadapi. Di Sekolah Methodist ada padang tetapi padang itu sudah tidak boleh digunakan untuk bermain. Ianya menjadi padang ragut. Kalau lembu masuk, sampai dia punya betis air di dalam padang itu. Ada kemungkinan parit-parit yang dirancangkan untuk mengatasi masalah banjir ini sepertimana yang telah diputuskan oleh mesyuarat kita pada tahun yang lalu belum lagi dapat dilaksanakan.

Jadi baru-baru ini satu keadaan banjir yang paling teruk telah berlaku di kawasan pemaritan J.P.T. iaitu kawasan Kampong Salang. Parit-parit di bawah penyelenggaraan J.P.T. tidak dibersihkan dan akibat dari itu airnya bertakung dan bila hujan begitu lebat airnya telah naik sehingga ke paras lantai rumah penduduk-penduduk di kawasan itu. Jadi dalam keadaan ini tiga batang titi yang digunakan oleh nelayan untuk menyeberang pergi ke laut menangkap ikan semuanya hanyut. Kita tidak ada satu tabung yang boleh digunakan dengan segera bagi membaiki kerosakan yang telah berlaku dan saya berharap melalui Dewan ini bukan sahaja tindakan akan diambil untuk membaiki kawasan itu tetapi kita patut mengadakan satu peruntukan bagi Pejabat Daerah dan bila berlaku keadaan seperti ini bolehlah kita mengambil tindakan segera bagi mengatasinya.

Satu perkara yang saya suka ingatkan lagi sekali ialah mengenai sambungan jalan. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak J.K.R. yang telah mengambil tindakan di atas apa yang telah saya sampaikan di dalam mesyuarat Dewan yang lalu iaitu mengenai membesarkan jalan dari Simpang Tiga ke Sungai Bakau dan sekarang ini pihak J.K.R. telahpun mengambil tindakan dengan melebarkan jalan dari Tanjung Berembang sampai ke Sungai Acheh, tapi malangnya saya nampak ianya *full-stop* setakat Sungai Acheh. Sepatutnya ianya sampai ke Sungai Bakau kerana jalan itu adalah terlalu buruk dan di kiri-kanan atau di bahu-bahu jalan telah hancur sama sekali dan ini boleh mengakibatkan kemalangan berlaku terutama bagi murid-murid sekolah yang menaiki basikal dan bila kenderaan lalu adalah merbahaya dan boleh menyebabkan nyawa terkorban. Oleh itu saya minta, kalau boleh, pada tahun ini disambungkan jalan itu terus dari Sungai Acheh ke Sungai Bakau.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya juga ingin menambah sedikit kepada Jabatan Parit dan Taliair supaya dapat memperbaiki parit-parit yang sedia ada dan mungkin parit-parit yang baru perlu dikorek bagi mengatasi masalah banjir yang telah saya sebutkan tadi. Dulu saya telah sebutkan mengenai "parit-parit tidak bertuan". Sampai sekarang Dewan kita bersidang sekali lagi masih belum kita dapat menentukan siapakah yang empunya parit. Inilah masalah yang dihadapi di Daerah Seberang Perai Selatan. Parit-parit itu kalau kita tanya J.P.T., J.P.T. kata bukan; kita tanya M.P.S.P., M.P.S.P. kata bukan kerana M.P.S.P. kata dia menjaga parit yang bersimen sahaja; bila kita tanya J.K.R., J.K.R. kata itu bukan parit dia juga; kita tanya Anti-malaria, dia pun kata itu bukan parit dia. Itulah sebabnya kita menamakannya "parit-parit tidak bertuan" di Daerah Seberang Perai Selatan dan sehingga kini kita belum lagi dapat menentukan siapakah tuanpunya untuk menjaga parit itu. Diharap kita akan mendapat simpati kerana parit itu juga perlu mempunyai tuan dan perlu juga diberi pengawasan penjagaan, sama juga dengan kita sebagai manusia.

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat, adakah ucapan anda panjang lagi?

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Datuk Haji Ahmad bin Saleh):

Ya, panjang lagi.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan adap jam 1.05 tengahari.

Dewan bersidang semula pada jam 2.45 petang.

Tuan Speaker:

Dewan bersidang semula.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Datuk Haji Ahmad bin Saleh):

Tuan Speaker, saya ingin menyambung perbahasan saya mengenai usul Anggaran Pembangunan dan di sini saya ingin menyentuh mengenai perumahan walaupun perkara ini sudah disentuh oleh rakan-rakan saya yang lain tadi.

Saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan Negeri dan juga Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Negeri yang telah berazam dengan bersungguh-sungguh untuk membina seberapa banyak rumah kos rendah untuk kepentingan rakyat yang berpendapatan kecil. Saya percaya tentulah setiap rakyat di Negeri Pulau Pinang mengalu-alukan langkah Kerajaan, dan hasrat Kerajaan untuk mencapai matlamat supaya setiap rakyat di Negeri Pulau Pinang mempunyai rumah sendiri adalah amat dialu-alukan.

Cuma apa yang saya hendak sentuh ialah mengenai perlaksanaan ataupun perancangan rumah kos rendah sama ada yang sudah dibina, sedang dibina ataupun yang akan dibina dalam Rancangan Pembangunan bagi tahun 1986. Sepertimana yang telah disarankan oleh rakan-rakan saya dari Sungai Bakap tadi, bayaran yang dikenakan kepada peserta-peserta yang telah mendapat rumah kos rendah ini adalah terlalu tinggi iaitu sebanyak $175.00 sebulan, dan di kawasan saya sendiri semenjak program pembinaan rumah kos rendah ini dilaksanakan oleh Kerajaan baru terdapat sebanyak 110 unit lebih kurang iaitu 60 unit di kawasan Jalan Bukit Panchor dan 50 unit di Pekan Nibong Tebal. Masalah yang dihadapi ialah kebanyakan peserta yang telah bernasib baik mendapat rumah kos rendah ini terdiri dari orang-orang yang tidak berkemampuan untuk membayar sewa bulanannya sebanyak $175.00. Kebanyakan mereka terdiri daripada kaum bumiputra. Saya berharap supaya Jawatankuasa Perumahan Negeri akan dapat menyemak semula ataupun menimbang semula bayaran ini supaya sesuai dengan kemampuan yang boleh dibayar oleh peserta-peserta-peserta yang telah mendapat rumah dalam projek ini.

Tuan Speaker, satu perkara yang saya ingin menarik perhatian ahli-ahli Jawatankuasa Perumahan ialah kebanyakan projek-projek perumahan yang telah dibina ini tidak begitu cukup lengkap kemudahan-kemudahan asas sepertimana yang telah dibina oleh pemaju-pemaju swasta. Saya suka bagi satu contoh umpamanya rumah kos rendah di Jalan Bukit Panchor. Sudah lebih dari setahun peserta-peserta yang telah ataupun mendapat rumah ini menduduki rumah itu. Bukan setahun, saya ingat lebih dari dua tahun, tetapi kawasan ini hanya mempunyai jalan masuk sahaja. Jalan di antara rumah dengan rumah masih lagi tanah merah dan apabila hujan lebat keadaannya amat buruk. Sehingga sekarang ini belum ada lagi langkah-langkah diambil untuk memperbaiki keadaan ini. Saya menyampaikan hasrat penduduk-penduduk atau penghuni-penghuni rumah kos rendah di kawasan yang telah saya sebutkan tadi. Kemungkinan ada kawasan-kawasan lain yang sama dengan kawasan yang telah saya sebutkan iaitu di Jalan Bukit Panchor.

Tuan Speaker, dalam penyelenggaraan di bahagian rumah-rumah kos rendah ini perlu kita mencari jalan bagi memperbaikinya supaya Kerajaan tidak menanggung kerugian yang besar apabila kita tidak mengawasi atau tidak menjalankan rancangan ini dengan teliti. Apa yang telah saya dimaklumkan ialah lebih dari 2,000 unit rumah yang telah siap dibina sejak dua tahun yang lalu sehingga sekarang ini belum lagi diberi kepada pemilik ataupun belum lagi dibuat cabutan undi. Mungkin benar atau tidak benar, kalau yang sebenarnya 4,000 unit, tapi boleh jadi separuh dari permohonan itu sudah diambil tindakan dan masih lagi 2,000 unit belum lagi diambil tindakan untuk pemberian ataupun membuat pengundian.

Kalau kita kaji, kelewatan ini begitu merugikan kita sekali. Kalau seunit bayarannya adalah $175.00 sebulan; kalau satu tahun seunit ialah $2,100.00; kalau dua tahun bermakna $4,200.00 bagi satu unit; kita kali dengan $2,000.00, hampir satu juta wang yang telah kita belanjakan tidak kita pungut balik. Ini adalah disebabkan kelewatan kita mengambil tindakan dalam pemberian atau

pembahagian rumah-rumah, sedangkan kita melaksanakan projek ini ialah dengan wang pinjaman yang perlu dibayar balik oleh Kerajaan dan sudah tentu faedah selama dua tahun sudah meningkat. Jadi inilah yang patut kita sama-sama mengkaji dan meneliti supaya setiap projek yang kita laksanakan biarlah dapat kita selesaikan dengan cepat dan wang itu dapat kita pungut balik dengan kadar segera dan apabila wang ini telah kita pungut kembali kita dapat kumpulkan balik wang ini untuk tabung perumahan. Dan dari situ dapat kita melaksanakan projek ini seterusnya kerana kita tidak melengah-lengahkan untuk pungutan balik. Dari segi perniagaan ini adalah satu kerugian yang besar dan oleh sebab itu saya bawa perkara ini. Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk bersama-sama memikul tanggungjawab bagi kebaikan kita bersama dan kebaikan Kerajaan demi untuk kepentingan rakyat.

Tuan Speaker, selain dari itu Kerajaan juga menanggung kerugian oleh sebab sesudah rumah itu siap lebih dari dua tahun, apabila kita hendak berikan pula kepada peserta-peserta yang berjaya, kita juga kena membuat sedikit *maintenance* ataupun peruntukan perbelanjaan bagi membaiki kerosakan-kerosakan yang telah berlaku sepanjang dua tahun itu ataupun lebih. Ini juga satu perkara yang merugikan kita. Jadi saya berharap supaya pihak Kerajaan akan mengambil tindakan apabila siap sahaja projek-projek perumahan ini hendaklah kita berikan dengan segera dan kita boleh mendapat pulangan wang balik dengan segera.

Tuan Speaker, saya juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan yang telah memberi satu peruntukan yang agak besar dalam usaha-usaha memperbaiki dan memajukan sektor pertanian di Negeri Pulau Pinang. Dengan adanya peruntukan ini saya yakin kita akan dapat melaksanakan pembangunan pertanian di Negeri Pulau Pinang ini supaya kita dapat mencapai kemajuan yang lebih dari segi perkembangan pertanian.

Dalam hal ini saya ingin mengambil sedikit kesempatan untuk meminta supaya bila sama-sama mencari jalan bagaimana kita dapat memperbaiki lagi sektor pertanian ini sama ada dalam segi tanaman ataupun ternakan. Kita perlu sama-sama mencari jalan kerana Negeri Pulau Pinang khususnya Daerah Seberang Perai Selatan adalah satu kawasan ternakan ayam yang besar. Kalau kita hendak kata, boleh jadi di seluruh Malaysia Pulau Pinang adalah salah sebuah negeri yang terbesar pengeluaran ayamnya. Kalau tidak silap, dalam satu bulan kita eksport lebih kurang 9 juta ayam kita ke luar negeri ataupun di luar-luar kawasan; Ini adalah satu usaha yang amat besar dan kita seharusnya mencari jalan bagaimana kita dapat membantu penternak-penternak supaya mereka ini sentiasa dapat menjalankan penternakan mereka dan tidak menghadapi sebarang masalah.

Masalah-masalah yang kadang-kadang timbul tidak ada sesiapa yang dapat mengatasinya, umpamanya kejatuhan harga ayam. Pada masa kejatuhan harga ayam di Nibong Tebal terdapat ayam lelong, 3 ekor $10.00 atau 4 ekor $10.00. Inilah yang menjadi satu masalah kepada penternak-penternak kita. Sekiranya ada usaha-usaha yang dapat kita lakukan bagi membantu mereka tentulah Negeri Pulau Pinang dan khususnya Daerah Seberang Perai Selatan akan menjadi satu kawasan yang termaju dalam negara kita ini iaitu sebagai sebuah negeri yang banyak mengeluarkan ayam untuk memenuhi matlamat rakyat Negeri ini supaya ayam tidak diimport dari luar negeri. Kalau dulu banyak ayam dari Thailand dibawa masuk ke Negeri ini, tetapi dengan adanya perusahaan ini, ayam dari Thailand tidak lagi diimport masuk ke negara kita. Ini akan menjadi kejayaan kepada Pengerusi Pertanian kita.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya juga menyokong langkah-langkah Kerajaan untuk memperbanyakkan usaha menternak lembu daging. Tahun sudah saya telah bercakap fasal lembu susu, jadi tahun ini nampaknya projek lembu susu telahpun dapat kita laksanakan dan peserta-peserta yang pergi berkursus itu tidak lupa cara memerah susu. Saya harap dengan adanya pusat-pusat ternakan susu yang kita ujudkan di Negeri ini mudah-mudahan Pulau Pinang akan menjadi Negeri yang mengeksport susu lembu yang banyak dan setanding dengan negeri-negeri lain kerana ini adalah satu dari usaha-usaha bagi mengatasi masalah pengangguran penduduk-penduduk di luarbandar khususnya petani-petani dan nelayan di kawasan-kawasan luarbandar. Oleh itu sepatutnyalah projek seumpama ini dapat kita tambahkan lagi.

Tuan Speaker, dalam menyentuh anggaran yang telah diperuntukkan kepada Jabatan Pertanian, saya suka meminta satu pertimbangan dan sekiranya pertimbangan ini munasabah dan boleh memberi faedah serta dapat menjimatkan perbelanjaan Negeri Pulau Pinang ini, kita harap Jabatan yang berkenaan akan mengambil tindakan.

Saya suka menarik perhatian Dewan ini berkenaan dengan usaha-usaha Jabatan Pertanian

membina pusat-pusat perkembangan benih — saya pun tidak berapa ingat — di tiap-tiap Daerah dan mengadakan satu peruntukan bagi membina bangunan-bangunan yang baru. Saya mengucapkan terima kasih kerana kawasan saya juga mendapat peruntukan bagi membina bangunan ini dan sudah pun siap, cuma menunggu bila masa sahaja akan kita buka.

Saya menarik perhatian atas perkara ini oleh kerana projek ini ialah satu projek yang baik. Kita dapat ujudkan banyak bangunan di tiap-tiap daerah, tetapi ada juga yang kurang baiknya. Baik ada, tetapi ada juga yang kurang baiknya iaitu kerana pusat-pusat ini didirikan berhampiran dengan Pusat Pertubuhan Kawasan (P.P.K.). sedangkan kebanyakan bangunan P.P.K. ini adalah kepunyaan Jabatan Pertanian dan Jabatan Pertanian telah membuat keputusan untuk mengambil alih ataupun untuk mengambil balik bangunan P.P.K. ini dari P.P.K. sekarang ini.

Pihak Lembaga Pertubuhan Peladang telahpun mengadakan rancangan untuk membina bangunan-bangunan yang baru. Saya takut kemungkinan jika banyak sangat pejabat kita tidak mampu mengujudkan pegawai-pegawai, sedangkan kawasan pertanian tidak bertambah. Kita boleh lihat bangunan-bangunan yang besar, tapi pegawai-pegawainya kurang dan kerjanya juga kurang. Oleh itu adalah lebih baik kita menimbang semula kalau sekiranya projek ataupun bangunan yang dimiliki oleh P.P.K. itu tidak ada perancangan dari Jabatan Pertanian, lebih baik kita mengambil langkah menjual kepada P.P.K., jadi wang itu kita boleh mendapat balik dan kita boleh gunakan untuk rancangan-rancangan yang lebih berfaedah bagi pertanian di Negeri Pulau Pinang.

Mengikut sekarang ini, semua kawasan ataupun bangunan P.P.K. ini akan dibina semula kerana bangunan-bangunan yang lama itu akan diambil balik oleh Jabatan Pertanian. Ini satu perkara yang dapat kita menjimatkan kewangan sekiranya perkara-perkara ini perlu, atau sekiranya perkara ini mustahak patut juga kita adakan. Jadi kita menerima kerana kawasan saya sudah ada pusat, tunggu sahaja hari pembukaannya, tapi saya nampak kadang-kadang ada kemungkinan projek-projek seumpama ini boleh membazirkan wang dan sebagainya, jadi eloklah kita teliti lebih dahulu sebelum kita melaksanakan sesuatu rancangan pembangunan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, yang lain-lain saya tidak sentuh sebab semuanya bagus. Kita dapat duit banyak dan kalau hendak bercakap fasal minta tambah, kita tahu Kerajaan kita tidak ada wang, jadi kita bercakap dari segi penjimatan wang.

Tuan Speaker, bagi mengakhiri ucapan saya, saya ada dua perkara yang saya hendak kemukakan dalam Dewan ini, iaitu satu perkara yang saya minta perhatian Dewan iaitu mengujudkan satu "Tabung Bencana Alam". Wang dari "Tabung Bencana Alam" ini bolehlah kita salurkan melalui tiap-tiap Pejabat Daerah. Mungkin pada tahun ini tidak ada daerah yang ditimpa bencana alam tetapi di kawasan Seberang Perai ada 20 buah rumah telah dilanda puting beliung. Mungkin rakan saya dari Sungai Bakap, sama ada sudah bercakap ataupun dia terlupa, saya hendak ingatkan sekali lagi bahawa kebanyakan orang-orang yang telah ditimpa kemalangan ini adalah terdiri dari petani-petani dan pekebun-pekebun kecil serta penoreh-penoreh getah.

Semenjak 7 Disember yang lalu pada masa kemalangan ini berlaku kemungkinan sehingga sekarang ada rumah-rumah yang belum lagi dibaiki semula kerana tidak berkemampuan, jadi saya hendak tujukan perkara ini kepada Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Negeri, kalau ada wang bolehlah disalurkan sedikit peruntukan melalui Pejabat Daerah supaya dapat kita membantu mangsa-mangsa yang telah ditimpa kemalangan. Bencana ini berlaku di Kawasan Sungai Bakap. 18 buah rumah di kawasan kampong Sungai Duri dan Sungai Baung dan 2 buah rumah di Kampong Besar. Jadi saya berharap melalui Dewan ini akan mendapat perhatian dan pertimbangan mengenai masalah ini.

Yang kedua ialah, apa yang saya faham, walaupun perkara ini bukan menjadi tanggung-jawab Kerajaan Negeri, tetapi saya percaya melalui Dewan ini sahaja yang boleh saya salurkan supaya mendapat kerjasama daripada Kerajaan Negeri bagi menyampaikan perkara-perkara ini kepada Kerajaan Persekutuan iaitu di Kawasan Sungai Acheh ada satu rancangan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Pusat menerusi Kementerian Dalam Negeri, iaitu mendirikan Balai Polis Sungai Acheh. Jadi semenjak lebih dari 5 tahun yang lalu projek ini telah dirancang untuk dilaksanakan di Kawasan Sungai Acheh dan tanah telahpun dibeli oleh pihak Kerajaan dan sehingga sekarang ini belum lagi ada rancangan untuk membina Balai Polis di Sungai Acheh.

Penduduk-penduduk di kawasan itu sudah

semakin bertambah dengan begitu ramainya dan banyak perkara-perkara yang telah berlaku. Kalau kita ingat dalam televisyen, dalam radio dan dalam suratkhabar telah membuat liputan di kawasan Sungai Acheh apabila berlaku satu tangkapan ganja yang begitu besar dan memandangkan beberapa kes lagi yang berlaku, maka adalah diperlukan supaya pembinaan balai polis ini disegerakan. Saya berharap serta merayu kepada Kerajaan terutama skali kepada Y.A.B. Ketua Menteri supaya akan menyampaikan perkara ini kepada pihak Persekutuan supaya dapat mengatasi masalah ini.

Satu perkara lagi ialah Pusat Kesihatan Besar. Kita sudah ada Pusat Kesihatan Kecil dan rancangan ini juga telah dirancangkan begitu lama. Sesudah kita adakan Pusat Kesihatan Kecil, dan memandangkan keadaan penduduk semakin bertambah dari satu masa ke satu masa, sesuai dengan hasrat Y.A.B. Perdana Menteri kita supaya rakyat bertambah sebanyak 70 juta dalam masa akan datang, jadi Pusat Kesihatan Kecil ini sudah tidak mencukupi untuk merawat ibu-ibu yang akan bersalin, untuk memberi rawatan kepada pesakit-pesakit luar dan sebagainya. Keadaan sekarang sudah tidak berkemampuan lagi, jadi kita perlukan sebuah Pusat Kesihatan yang besar yang boleh menempatkan sekurang-kurangnya seorang atau dua orang doktor yang bertugas tetap supaya dapat mengatsi masalah Hospital Sungai Bakap yang ada sekarang ini. Rancangan ini bukanlah satu rancangan baru. Kementerian Kesihatan telah membuat peruntukan membeli tanah melalui Pejabat Tanah dan tanah ini sudahpun dibeli lebih kurang 3 tahun yang lalu, tapi sehingga sekarang ini kita belum nampak lagi rancangan untuk membina Pusat Kesihatan Besar dilaksanakan.

Jadi inilah yang kita harap supaya dapat Kerajaan Negeri menyampaikan hasrat ini kepada Kerajaan Persekutuan dan dalam menghadapi berbagai-bagai masalah pembangunan. Walaupun Negeri Pulau Pinang adalah dianggap sebagai sebuah Negeri yang termaju dalam Malaysia tetapi kita masih menghadapi banyak masalah-masalah terutama sekali masalah kewangan yangmana kalau kita lihat dalam Anggaran Perbelanjaan bagi menguruskan Kerajaan Negeri kelmarin kita menghadapi kekurangan lebih dari $8 juta dan dalam Anggaran Pembangunan Negeri bagi tahun 1986 kita mempunyai kekurangan hampir $2 juta. Maka melalui Dewan ini saya merayu supaya Kerajaan Pusat akan dapat memberi pertimbangan dan bantuan yang lebih kepada Kerajaan Negeri kerana masih banyak lagi rancangan-rancangan yang perlu dilaksanakan dan pembangunan yang sangat dikehendaki oleh rakyat terutama sekali di kawasan-kawasan luarbandar.

Jadi dengan adanya pertambahan peruntukan daripada Kerajaan Pusat akan menolong Kerajaan Negeri melaksanakan semua pembangunan yang telah dirancangkan.

Itu sahaja, Yang Berhormat Tuan Speaker, ucapan saya dan sekali lagi saya menyokong dengan penuhnya Anggaran Pembangunan Negeri bagi tahun 1986.

Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Penanti (Tuan Haji Jusoh @ Yusoff Hilmi bin Hj. Shafie):

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya juga bangun menyokong Anggaran Pembangunan yangmana telahpun disampaikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri bagi anggaran tahun 1986 iaitu sebanyak $62.4 juta lebih mengikut Seksyen 4(1) Akta Pembangunan 1966 yang telah diperuntukkan dalam berbagai-bagai bidang.

Pembangunan adalah suatu yang menjadi kewajipan Kerajaan bagi meningkatkan nilai-nilai hidup yang lebih sempurna dan lebih baik. Dengan adanya pembangunan, maka dapatlah mengujudkan berbagai peluang pekerjaan dan dapat mengisi kemahuan rakyat bagi mencapai ekonomi yang lebih sempurna dan baik. Kita patutlah mendahulukan apa yang penting dan benar-benar dikehendaki oleh rakyat dan hari ini Dewan yang mulia ini telah mengetahui bahawa banyak yang disuarakan oleh wakil-wakil rakyat yangmana telah diperolehi kenyataan-kenyataan daripada rakyat sekalian.

Di sini juga mengikut perhatian saya apa yang lebih banyak diucapkan ialah berkenaan perkara banjir, jalanraya dan lain-lain lagi, tetapi yang paling besar sekali ialah soal banjir. Mengapa menjadi banjir? Kebanyakan kita di sini bercakap berkenaan banjir, tetapi mengapa menjadi banjir? Mengikut pendapat saya, sebabnya menjadi banjir ialah oleh kerana tempat-tempat kurungan air ataupun kita kata lahar-lahar yang ada pada masa yang lalu semuanya telahpun dikambus bagi tujuan pembangunan tetapi kita tidak hiraukan berkenaan dengan perkara apa yang patut kita buat. Masalah ini ialah masalah parit dan sungai. Kadang-kadang kita lihat paritnya dikorek tapi saloran air ke parit besar atau sungainya tidak ada kadangkala sungainya dicuci dan dikorek tapi paritnya tidak dibuat, kadangkala dijahanamkan oleh sebab ber-

bagai-bagai korekan, umpamanya kalau P.B.A. hendak memasang satu paip besar, maka sesudah dipasangnya tidak dikorek kembali tetapi dipasangnya parit simen yang terlalu kecil yang tidak sepatutnya dan tidak sepadan dengan ukuran laluan air untuk mengalir ke sungai.

Maka,inilah sebabnya berlaku banjir di sana-sini dan ini perlu sekali Kerajaan mengambil perhatian yang paling serious kerana jika berlaku banjir banyak yang akan rosak, umpamanya kalau ditenggelami selama seminggu, maka jenis-jenis tanaman yang ada di dalam kampung-kampung akan mati. Sesudah keringnya pula beberapa hari barangkali kalau di luarbandar becaknya tidak terhingga lagi, sehingga kadang-kadang pakaian yang dipakai diselutkan oleh recekan di atas jalan.

Kadangkala dengan keadaan banjir ini pula akan mempercepatkan jahanamnya jalan-jalanraya yangmana kita tahu jalan-jalanraya kita hari ini lebih-lebih lagi kalau di Seberang Perai – saya ingat di Pulau Pinang elok sedikit – di kebanyakan tempat jalan-jalanraya ini tampungan yang dibuat lebih banyak dari yang asal. Kejadian sebegini berlaku tidak lain dari oleh sebab banyaknya korekan-korekan yang dibuat tidak berhenti-henti.

Jadi dengan keadaan tampungan-tampungan yang dilakukan setiap masa oleh J.K.R., kadang-kadang kita pandang kasihan juga kepada J.K.R. ini kerana tiap-tiap minggu boleh dikatakan di sana-sini kerja menampung jalan-jalan ini. Saya ingat tampungan yang dibuat ini pun tidak tahan begitu lama dan akan berlubang balik semula. Jadi diharap sangat pada pihak Kerajaan berikhtiar dengan sebolehnya supaya jalan-jalan yang didapati lebih teruk patutlah ditar semula terlebih dahulu. Saya ingat jalan dari Pokok Sena sehingga Penanti ialah jalan yang paling teruk. Bila ditampung tidak sampai 15 atau 20 hari berlubang pula.

Kadang-kadang boleh berlaku kejadian yang lucu. Sebab apa saya katakan perkara yang lucu? Kadang-kadang kalau lubang itu terlalu luas, orang-orang kampung sendiri akan mengambil papan "AWAS" itu untuk menutup lubang tersebut supaya orang-orang atau kenderaan yang lalu-lalang di situ tidak ditimpa bahaya. Jadi dalam seminggu atau dua minggu sementrara diketahui oleh pihak yang berkuasa J.K.R., cuma sebelah jalan itu boleh dilalui, yang sebelah lagi tidak boleh dilalui.

Jadi pada kita rakyat Pulau Pinang, saya ingat tidak apa sangatlah, tapi kalau datang orang luar melihat keadaan begitu, boleh jadi mereka akan berkata barangkali Kerajaan tidak memperdulikan rakyat langsung. Ini yang dibimbangkan. Jadi masalah air bah dan jalanraya ini patutlah diambil perhatian utama supaya rungutan tidak akan timbul dari satu masa ke satu masa.

Saya menyentuh dalam segi ternakan kerana saya nampak ternakan juga mendapat tambahan peruntukan sebanyak $1,162,240.00 dalam tahun 1986 ini. Ini adalah satu kemajuan. Manakala disoal kepada Pengerusi yang berkenaan, sambutan dari pihak petani-petani kita dalam ternakan ini memang baik dan sudah pun nampak kemajuan yang telah dicapai oleh petani-petani sehingga saya rasa pada hari ini sudah menjadi satu kenyataan kerana bilangan pemohon untuk menternak semakin bertambah sama ada ternakan itik telor, lembu susu ataupun lembu pawah. Tetapi yang sangat menggalakkan petani-petani kita ialah lembu penggemuk.

Apa yang saya tahu 10 ekar lembu penggemuk ini diberi sama ada kepada satu kumpulan seramai dua-tiga orang ataupun untuk seorang sahaja mengikut permohonan yang dibuat. Didapati pada masa yang lalu lembu penggemuk ini diberi makanan secukupnya sehingga dapat dijual. Jualan dibuat biasanya dalam 7 bulan dan pembelian lembu penggemuk ini dikira mengikut timbangannya, umpamanya 10 ekor ini beratnya 10 pikul dan harganya beberapa ringgit. Umpamanya dinilaikan $3.00, didarabkan dengan 10 pikul, kita katalah $3,000.00, dan keadaan makanannya diberi dari mula sehinggalah dapat dijual, manakala dicampur harga hantaran makanannya dengan harga lembu pada masa dibeli, maka keadaan semasa dijual lembu ini dikira balik semua umpamanya perbelanjaan $5,000.00 dan lembu yang dijual itu mendapat harga $9,000.00 maka keuntungan kepada pembela itu ialah sebanyak $4,000.00. Ini mengikut kajian-kajian yang saya difahamkan. Jadi dengan sebab itulah saya nampaknya bahawa ternakan lembu penggemuk ini sangatlah disukai oleh petani-petani kita kerana keuntungan begitu cepat.

Pada masa sekarang ini nampaknya lembu sahaja diberi, makanan tidak diberi dan makanannya ini kononnya boleh diminta dari mana-mana tempat yang boleh memberi pinjaman. Apa yang saya tahu pinjaman-pinjaman ini selalunya diminta dari Bank Pertanian dan Lembaga Pertubuhan

Peladang. Kadangkala pihak yang membela lembu penggemuk ini membuat pinjaman yang begitu dan keadaan makanan itu sudah tidak dapat dibeli, maka boleh jadi perkara ini akan menimbulkan kesulitan dan boleh jadi mereka akan memberi rumput sahaja. Bila rumput sahaja diberi, lembu penggemuk yang akan digemukkan itu tidak akan gemuk. Ini merupakan kerugian kepada pihak pembela.

Oleh itu saya mengesyorkan supaya bantuan-bantuan sebagaimana ada pada mulanya diteruskan iaitu diberi lembu dan diberi makanannya sekali dan dikira masa jualannya barulah dipotong dan dengan itu memberi kemudahan-kemudahan kepada pak-pak tani kita kerana kita memang tahu bahawa pak-pak tani kita ini adalah orang yang sangat kecil pendapatan dan boleh dibilangkan sebagai orang miskin dan kalau kita tidak memberi pertolongan dengan secukupnya saya rasa projek ini tidak akan dapat diteruskan dan tidak akan ada permintaan lagi di masa hadapan.

Niat Kerajaan kita pada hari ini ialah untuk memenuhi kehendak rakyat dan untuk mengurangkan kemiskinan yang ada di seluruh Negeri Pulau Pinang ini lebih-lebih lagi keadaan orang-orang di luarbandar kerana hasil pencarian dan pertanian mereka itu terlalu kecil. Jadi saya harap sangat bagi pihak Pengerusi yang berkenaan berikhtiar dalam soal ini supaya teruskan sebagaimana projek itu dibuat pada mulanya.

Satu perkara lagi saya ingin membawa perhatian ialah soal Pekan Bukit Mertajam. Sesiapa yang pergi ke Pekan Bukit Mertajam akan tahu bahawa selalunya tempat ini sesak dan saya sangat berharap supaya pihak Kerajaan berikhtiar supaya dapat mengurangkan kesesakan ini sedikit sebanyak dan dapatlah disempurnakan keadaan lalulintas dalam Pekan Bukit Mertajam ini.

Pada pendapat saya keadaan terdesak di jalan dari Tanah Liat ke Pejabat Daerah disebabkan oleh sebuah stesyen bas di tengah-tengah pekan. Kalau boleh diikhtiarkan dipindahkan stesyen bas itu ke tempat yang berasingan sedikit, saya ingat kesesakan di Bukit Mertajam ini akan dapat sedikit sebanyak dikurangkan, ataupun boleh jadi pihak Kerajaan boleh membuka satu jalan di belakang terus ke Simpang Berapit supaya sesiapa sahaja hendak melalui Pekan Bukit Mertajam hendak pergi ke Tanah Liat, Kubang Semang, Kulim dan sebagainya boleh melalui jalan di belakang ini kerana saya ingat kalau kita lihat kedudukan Pekan Bukit Mertajam, lalulah pada masa mana pun sibuk selalu. Pekan ini adalah pekan lama, jalannya sempit dan tidak banyak pula bilangannya. Jadi dengan sebab itulah perkara ini patutlah difikirkan dan kalau boleh dibetulkan dengan seberapa cepat yang boleh.

Satu perkara lagi yang saya ingin menyentuh ialah dari segi pembangunan di dalam agama yang-mana saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat yang telah menyebut dalam ucapannya untuk memberi bantuan bagi pembangunan sebuah Mesjid di Seberang Jaya yang dianggarkan lebih kurang $1 juta. Alhamdullillah.

Saya suka juga menyebut soal berkenaan dengan perkara rancangan mengadakan Mesjid Daerah bagi seluruh Negeri ini dan pada hari ini kita belum lagi ada mendirikan sebuah pun Mesjid Daerah, tetapi apa yang saya tahu ialah ada daerah-daerah yang sudahpun mempunyai tanah. Jadi saya berharap sangat pihak yang bersangkutan dengan projek itu dapat berikhtiar dan berusaha bersungguh-sungguh supaya dapat mempercepatkan pembangunan mesjid-mesjid daerah. Dan bagi mesjid-mesjid lain yang boleh dijadikan Mesjid Daerah perlulah dibuat persediaan-persediaan dan barangkali boleh kita fikirkan kalau di Daerah itu sudah ada sebuah mesjid yang besar dan lengkap, barangkali bolehlah pihak yang berkenaan teruskan menjadikannya sebagai Mesjid Daerah kerana ini adalah sangat perlu oleh sebab apa yang kita tahu di negeri-negeri lain rumah ibadat orang-orang Islam telahpun lebih awal diadakan dari Negeri Pulau Pinang. Walau macamanapun, projek ini telahpun diadakan cadangannya dan saya sangat berharap bahawa dalam Rancangan Malaysia Kelima ini, sedikit sebanyak kita akan nampak apa yang kita rancangkan mengenai mesjid-mesjid daerah ini.

Seperkara lagi ialah dalam soal sekolah-sekolah yang mempunyai khutub-khanah. Saya biasa meninjau dan melawat sekolah-sekolah ini dan mendapati bahawa di dalam khutub-khanah ini buku-buku yang dikehendaki untuk rujukan pelajaran oleh murid-murid sekolah adalah tidak mencukupi. Kalaulah diminta oleh pihak berkenaan dari sekolah ini kepada Yang Berhormat, tentulah Yang Berhormat tidak dapat hendak memenuhinya dengan sepenuhnya. Kalau boleh tolong pun barangkali sedikit. Jadi dengan itu, saya juga berharap bahawa Kerajaan boleh mengadakan sedikit sebanyak peruntukan untuk membeli buku-buku bagi khutub-khanah sekolah untuk memenuhi hasrat pelajaran anak-anak kita sekalian.

Berkenaan dengan bilangan besar pekerja-pekerja yang telah dibuang kerja mengikut keadaan sekarang, telah diberi akuan dalam majlis yang mulia ini bahawa mereka akan dilatih dan sesudah dilatih mereka akan ditempatkan di mana-mana tempat yang sesuai mengikut kelayakan mereka, tetapi saya ingin mengingatkan janganlah kita lupa kepada belia-belia kita. Kita perlu banyak pekerja-pekerja juga.

Yang Berhormat Tuan Speaker, apa yang dikatakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri ialah kalaulah sekiranya rakyat kita tidak memilih pekerjaan, tentulah rakyat kita yang tidak mempunyai pekerjaan boleh mendapat pekerjaan kerana tempatnya banyak. Satu darinya, hari ini kita telah melihat keadaan tanah-tanah terbiar kita yang banyak tetapi masih banyak orang yang mengakui bahawa mereka tidak ada pekerjaan. Jadi fahamlah saya bahawa banyak lagi rakyat kita yang cuba memilih kerja dan saya berharap di dalam latihan-latihan yang akan diberi ini diminta supaya mereka dilatih juga berkenaan memajukan ladang-ladang dan tanah-tanah terbiar kita yang sangat banyak di Negeri Pulau Pinang.

Umpamanya hari ini dalam memajukan tanah bendang kita yang terbiar, mesin-mesin untuk menjalankan tugas kerja itu adalah tidak mencukupi. Saya rasa kalau pun Pengerusi Pertanian membeli mesin-mesin ini harus orang yang hendak menjalankan mesin-mesin ini juga tidak ada kerana tidak ada latihan. Jadi dengan sebab itulah kita kekurangan tenaga untuk menjalankan ladang-ladang ini dalam segenap segi dan kita menghadapi berbagai-bagai masalah pertanian.

Tuan Speaker, saya tidak memanjangkan ucapan lagi. Dengan ini saya menyokong di atas anggaran perbelanjaan pembangunan sebagaimana rakan-rakan saya.

Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Liang Thau Sang):

Tuan Speaker, saya bangun untuk menyokong Anggaran Pembangunan tahun 1986 yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dalam Dewan yang mulia ini.

Dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1986, hampir separuh darinya ialah peruntukan untuk rancngan perumahan kos rendah. Ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri berazam mengatasi masalah kekurangan rumah kediaman dalam Negeri ini. Di bawah Rancangan Malaysia Kelima, Kerajaan Negeri akan membina sebanyak 7,000 unit rumah kos rendah mengikut jadualnya. Rancangan itu merupakan satu berita yang sangat menggalakkan kepada rakyat yang memerlukan rumah. Selain dari itu, Kerajaan Negeri juga akan melancarkan program pengswastaan untuk membina sebanyak 6,000 unit rumah kos rendah dan 6,000 unit rumah kos sederhana di 15 kawasan. Projek-projek ini apabila dilaksanakan sudah tentu akan dapat menyelesaikan masalah kekurangan rumah dengan berkesan.

Tuan Speaker, pada masa sekarang oleh kerana permintaan perumahan kos rendah melebihi pembekalan, rakyat yang berjaya memperolehi rumah-rumah kos rendah boleh dianggap sebagai sangat bertuah. Sepatutnya mereka ini harus memenuhi tanggungjawab sivik dengan menjelaskan bayaran ansuran kepada Kerajaan Negeri mengikut jadual. Akan tetapi malangnya terdapat segolongan besar tidak melaksanakan tanggungjawab sivik sehingga tunggakan terhutang kepada Kerajaan telah meningkat $5.1 juta.

Dalam empat bulan yang lalu, tunggakan yang berkenaan sudah bertambah sebanyak $800,000.00. Ini cukup jelas menunjukkan betapa serious masalah ini. Masalah ini bukan sahaja tidak adil kepada rakyat yang masih terdapat dalam senarai menunggu bahkan akan menjejaskan rancangan perumahan Kerajaan Negeri. Untuk kepentingan rakyat, adalah perlu Kerajaan memberikan sokongan sepenuhnya atas keputusan untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap rakyat yang berkenaan.

Sungguhpun demikian, Kerajaan haruslah mengkaji dengan lebih teliti sama ada mereka itu tidak sanggup membayar ataupun dengan sengaja tidak mahu membayar supaya dapat menentukan jenis tindakan yang wajar diambil. Pengkajian seperti ini juga boleh menjadi panduan bagi proses permohonan pada masa hadapan.

Tuan Speaker, saya berasa kesal bahawa pembangunan perkampungan telah ditinggalkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1986 walaupun Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri telah mengumumkan keazaman Kerajaan untuk membangun dan mempermodenkan perkampungan-perkampungan di seluruh Negeri. Sebagaimana Tuan Speaker sedia maklum, perkampungan adalah satu kejadian sejarah. Oleh sebab kecuaian Kerajaan pada masa yang lepas, kedudukan perkampungan masih berada dalam keadaan mundur.

Masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat di perkampungan termasuk kekurangan kemudahan asas, keadaan kesihatan yang buruk dan kekurangan peluang pekerjaan.

Terdapat sebahagian besar rakyat dalam Negeri ini yang tinggal di perkampungan. Untuk membolehkan rakyat perkampungan sama-sama mengecapi hasil pembangunan adalah perlu bagi Kerajaan menjadualkan projek-projek bagi membangunkan perkampungan-perkampungan supaya sejajar dengan polisi Kerajaan Pusat. Di samping itu, Kerajaan harus membahagikan tanah-tanah di sekeliling perkampungan kepada rakyat yang memerlukan tanah untuk kegunaan perumahan dan pertanian.

Tuan Speaker, pada masa sekarang satu masalah yang menyebabkan rakyat di perkampungan bimbang dan berasa ragu-ragu adalah masalah tamat tempoh penyewaan tanah di perkampungan. Tempoh penyewaan bagi tanah di kebanyakan perkampungan akan tamat satu atau dua tahun nanti. Saya kesal Kerajaan tidak memberi keterangan serta arahan yang jelas tentang masalah ini. Akibatnya rakyat di perkampungan telah berasa bimbang dan keliru. Atas perkara ini, saya berharap Kerajaan dapat mencontohi Kerajaan negeri-negeri yang lain dengan terus memanjangkan tempoh penyewaan tanah-tanah di perkampungan. Dengan ini dapatlah mengelakkan kekeliruan akibat permohonan semula serta menambahkan *"sense of belonging"* di kalangan rakyat perkampungan.

Tuan Speaker, sikap Jabatan Tanah dan Galian berkenaan dengan permohonan T.O.L. haruslah dikritik. Ada banyak permohonan untuk mendapatkan tanah-tanah kediaman di perkampaungan. Walaupun permohonan itu telah diproses dan direkomen oleh Pejabat Tanah di peringkat daerah akan tetapi nampaknya telah bertahun-tahun pun tidak dapat sebarang jawapan dari pihak yang berkenaan. Untuk kepentingan rakyat, saya berharap keadaan seperti ini dapat diperbaiki dengan segera.

Tuan Speaker, persimpangan Taman Sri Rambai dengan Jalan Padang Lallang di Seberang Perai Tengah merupakan satu tempat yang kerap berlaku kemalangan. Memandangkan keadaan ini adalah cemas, pihak Kerajaan hendaklah mendirikan lampu isyarat di persimpangan itu. Projek tersebut telah dianggarkan sebanyak $42,000.00 oleh pihak yang berkenaan iaitu Jabatan Kerja Raya. Untuk keselamatan rakyat, saya berharap Kerajaan dapat menimbang dan meluluskan projek itu dengan segera. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan telah menolak permohonan itu dengan alasan kekurangan peruntukan akan tetapi saya ingin mengambil kesempatan ini merayu kepada pihak yang berkenaan supaya dapat dipertimbangkan semula.

Tuan Speaker, dengan peluang ini, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada pihak Kerajaan sebab dapat meluluskan sebanyak $250,000.00 untuk mengadakan satu lampu isyarat di Taman Chai Leng yang telah diminta oleh penduduk-penduduk di situ sejak beberapa lama. Dengan itu kesesakan lalu lintas di Taman Chai Leng dapat diselesaikan.

Tuan Speaker, sebahagian jalan dari persimpangan Taman Sri Rambai serta dari Kampung Sekolah ke Bagan Nyior di Juru selalu dibanjiri selepas hujan yang lebat. Oleh kerana itu, permukaan jalan pun rosak dan berlubang-lubang. Masalah ini telah mendatangkan banyak kesulitan kepada pengguna-pengguna tempatan.

Tuan Speaker, saya mengemukakan kedua-dua jalan di Dewan yang mulia ini oleh kerana saya berasa kedua-dua jalan itu adalah sangat penting. Selepas hujan yang lebat kita dapati keadaan jalan-jalan tersebut sangat buruk. Jikalau tindakan serta-merta tidak diambil maka jalan itu akan bertambah buruk. Jadi saya berharap pihak yang berkenaan boleh memberi perhatian yang lebih berat dan apabila kita mendapat rayuan daripada penduduk-penduduk tempatan kita hendaklah memberi kerjasama untuk memperbaikinya dengan serta-merta. Dan juga saya ingin mengambil kesempatan ini merayu kepada pihak yang berkenaan supaya dapat meninggikan mutu kedua-dua jalan itu.

Tuan Speaker, Kawasan Bukit Tengah ialah kawasan pilihanraya saya di mana selalu berlaku tekanan bekalan air yang rendah serta putus bekalan air. Adalah dipercayai masalah tersebut diakibatkan oleh paip-paip yang sudah lama dan selalu bocor. Saya berharap pihak yang berkenaan dapat menyelesaikan masalah ini.

Tuan Speaker, oleh kerana kemelesetan ekonomi, banyak kilang, khasnya sektor elektronik dan tekstil, sedang mengurangkan pekerjaan. Setakat ini terdapat 4,500 orang pekerja telah diberhentikan. Memandangkan kemerosotan ekonomi akan berterusan tahun hadapan, bilangan

penganggur sudah tentu akan bertambah. Rancangan Kerajaan untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dengan meningkatkan lagi pembangunan sektor perkhidmatan am serta mengadakan program latihan adalah langkah mengatasi masalah pengangguran bagi jangka masa panjang. Sebagai langkah penyelesaian cemas, pemuda-pemudi adalah digalakkan mengambil bahagian dalam bidang pertanian. Pada satu masa, oleh kerana ramai pemuda-pemuda meninggalkan kampung untuk mencari kerja di kilang telah menyebabkan masalah kekurangan tenaga buruk di sektor pertanian. Dengan kembalinya sebahagian pemuda-pemudi ke kampung maka sudah ujud peluang untuk memulihkan perusahaan pertanian yang sudah merosot, khasnya masalah tanah rang.

Kerajaan telah bercadang dan telah merancang menggunakan tanah-tanah rang untuk tanaman yang lain. Pihak FELCRA pun telah melaksanakan projeknya yang pertama di Pulau Pinang dengan menanam 100 ekar kelapa sawit. Segala-galanya ini akan menyebabkan keperluan tenaga buruh di sektor pertanian bertambah.

Dengan ini saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Pegawai Daerah dan juga Yang Berhormat Ahli dari Sungai Dua. Di atas kerjasama beliau, kita telah berjaya untuk menjalankan projek ini. Walaupun sudah jelas sama ada usaha-usaha ini boleh berjaya atau tidak, sebahagiannya bergantung kepada perubahan sikap pemuda-pemudi dalam pemilihan pekerjaan.

Tuan Speaker, akhirnya sekali lagi saya mohon menyokong Anggaran Pembangunan tahun 1986.

Sekian, terima kasih.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan selama setengah jam.

Dewan ditangguhkan pada jam 4.00 petang.

Dewan bersidang semula pada jam 4.35 petang.

Ahli Kawasan Bagan Ajam (Encik Yusof bin Salleh):

Tuan Speaker, saya bangun bagi menyokong Anggaran 1986 yang telah dibentangkan oleh Ketua Menteri dalam Dewan ini yang berjumlah $62,439,430.00.

Tuan Speaker, saya menyokong Anggaran Pembangunan 1986 yang telah dicadangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri berjumlah sebanyak $62,439,430.00. Anggaran ini apabila diteliti dan dihalusi bolehlah dianggap sebagai satu anggaran yang berani. Ianya dibuat atas sikap penuh tanggungjawab dan semangat yang kuat sebagai seorang Ketua Menteri terhadap Negeri yang dipimpinnya. Sebabnya saya berkata demikian ialah kerana memandangkan masa kini ekonomi begitu meleset sekali lebih-lebih lagi pada tahun 1986 nanti banyak yang meramalkan bahawa keadaan ekonomi akan menghadapi satu keadaan yang lebih meleset dari tahun ini. Walau bagaimanapun, Yang Amat Berhormat cuba membentangkan satu anggaran berjumlah seperti yang saya sebutkan tadi dengan mencari dari beberapa sumber kewangan untuk mencukupkan jumlah yang dicadangkan itu. Ini memang sudah ketara kepada kita apabila Y.A.B. Ketua Menteri menerangkan di Dewan ini bahawa $24,756,000.00 adalah secara pinjaman Kerajaan Persekutuan, $16,796,210.00 didapati secara projek-projek imbuhan balik Kerajaan Persekutuan dan $20,887,220.00 termasuklah kekurangan sebanyak $1,941,410.00 dari hasil pembangunan Kerajaan Negeri.

Tuan Speaker, sebagai Kerajaan, walau apa cabaran sekalipun masalah pembangunan mestilah diteruskan demi untuk kepentingan rakyat seluruhnya. Sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab masalah pembangunan mestilah diteruskan walau terdapat apa-apa cabaran sekalipun. Umpamanya pada pagi ini cabaran yang pertama sekali yang diterima ialah daripada wakil dari Pengkalan Kota yang berkata anggaran pembangunan yang dicadangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri itu tidak payah diadakan. Beliau menuduh bahawa anggaran ini adalah anggaran kosong semata-mata, jadi tidak perlulah diadakan. Tetapi sebaliknya kita harus berfikir sebagai sebuah Kerajaan tentulah ianya berupaya mencari dari berbagai-bagai sumber untuk mendapatkan kewangan untuk meneruskan rancangan pembangunan di Negeri ini, tidaklah sepertimana fikiran yang ada pada Ahli Kawasan Pengkalan Kota.

Beliau terus menganggap zaman kemelesetan ini Kerajaan sudah tidak ada wang, jadi sebagai wakil orangramai kalau fikirannya begitu singkat sekali saya rasa sudah tentulah kawasan yang diwakilinya itu akan terus menjadi mundur selama-lamanya. Ibarat kata orang sebelum dia berusaha,

sebelum dia berfikir dia telah mengatakan itu tidak boleh, ini tidak ada dan sebagainya. Jadi orang seumpama ini boleh kita anggap sebagai orang yang sudah mati sebelum mati. Sepatutnya kita mesti mencari jalan sebagai satu tanggungjawab untuk meneruskan rancangan pembangunan Negeri ini demi untuk kepentingan seluruh rakyat di Pulau Pinang. Dengan adanya rancangan-rancangan pembangunan ini kita berharap akan dapat memperbaiki lagi keadaan sosial dan ekonomi rakyat Pulau Pinang ini dari masa ke semasa menerusi rancangan-rancangan pembangunan yang telah dirancangkan itu.

Di samping itu kita juga perlu ingat untuk mencapai matlamat ini pihak rakyat juga perlulah bersama-sama mengambil tanggungjawab bagi melibatkan diri dengan sepenuh-penuhnya terhadap semua rancangan pembangunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan itu. Tidak ketinggalan juga pegawai-pegawai Kerajaan juga perlu mengekalkan sikap dedikasi mereka seperti masa-masa yang lalu terhadap perlaksanaan semua program pembangunan kepada rakyat. Semua peruntukan yang telah ditetapkan kepada jabatan-jabatan yang tertentu hendaklah dibelanjakan dengan sepenuh-penuhnya dalam jangkamasa yang telah ditetapkan bagi tahun 1986 nanti.

Jadi melalui Dewan ini di sini saya suka mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan Negeri, khususnya kepada Pengerusi J.K.R. yangmana telah memberi jaminan untuk meneruskan masalah projek Pantai Bersih dan pada hari ini saya harap Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kerjaraya akan juga menerima satu lagi permohonan daripada saya untuk kawasan saya, iaitu berkenaan menurap semula sebatang jalan yang sudah begitu teruk. Saya harap dengan peruntukan yang ada itu J.K.R. akan dapat meneruskannya. Jalan ini adalah dari simpang Maktoom hingga ke Permatang Binjai. Ini sudah lama disuarakan tetapi belum lagi dapat dilaksanakan. Kita harap pada tahun akan datang jalan ini akan dapat dilaksanakan.

Dan juga mengikut apa yang diterangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dalam ucapan beliau kelmarin, iaitu kita telah menyeru kepada Perbadanan Pembangunan Pulau dan pihak Berkuasa Air juga, dan saya berharap akan dapat mengambil tanggungjawab bagi menjelaskan ansuran pinjaman mereka sebanyak $12,945,800.00 kepada Kerajaan Negeri pada tahun hadapan.

Tuan Speaker, berhubung dengan masalah tunggakan perumahan sebanyak $6 juta itu, ini adalah satu jumlah wang yang penting, lebih-lebih lagi di zaman ekonomi meleset ini. Di sini saya berharap kepada Bahagian Perumahan Negeri supaya mengambil inisiatif dengan sepenuhnya bagi mendapatkan wang tersebut sebagai pungutan-pungutan ansuran dan tunggakan pinjaman-pinjaman perumahan kos rendah bagi membantu Kerajaan Negeri untuk meneruskan rancangan pembangunan pada tahun 1986 nanti.

Selain dari itu Bahagian Perumahan Negeri juga haruslah memikirkan dengan lebih mendalam lagi tentang masalah kos pembinaan rumah-rumah agar dapat dikurangkan, sama ada dengan apa cara sekalipun sekiranya perlu, kepada pindaan pelan-pelan rumah yang ada sekarang ini supaya dengan adanya pindaan-pindaan ini akan membolehkan kos pembinaan rumah-rumah ini menjadi rendah dan harga rumah juga akan turut murah. Dengan keadaan ini akan lebih meringankan lagi bagi rkyat di Negeri Pulau Pinang ini membeli rumah-rumah kos rendah daripada Kerajaan Negeri. Saya yakin jika perkara ini dapat dibuat masalah tunggakan hutang atau sebagainya itu akan berkurangan.

Oleh sebab itu kita dapati pada masa sekarang ini setengah daripada pembeli-pembeli rumah bukanlah sengaja tidak mahu membayar. Sebenarnya mereka tidak mampu untuk membayarnya. Ini sudah pun kita nampak di beberapa taman yang telah diduduki oleh penghuni-penghuni rumah kos rendah Kerajaan. Salah satu darinya ialah di Taman Tun Dr. Awang yang saya sendiri telah meninjau, dan saya dapati banyak tunggakan yang belum dijelaskan dalam rancangan itu.

Sebahagian besar penghuni-penghuni itu mengakui sebenarnya mengikut keadaan harga rumah sekarang ini mereka tidak mampu berdasarkan kepada pendapatan mereka yang begitu rendah. Kita harus sedar kebanyakan penghuni-penghuni yang memiliki atau menduduki rumah-rumah kos rendah Kerajaan itu terdiri, khususnya di Taman Tun Dr. Awang itu, daripada golongan penjaja-penjaja kecil yang berniaga secara harian, dan untung nasib mereka itu pula terletaklah kepada cuaca. Sekiranya hari hujan mereka tidak dapat keluar menjalankan perniagaan dan mereka tidak akan mendapat keuntungan. Kalau terus seminggu hujan, bermakna mereka tidak dapat menjalankan kerja selama seminggu.

Jadi di sini saya mengucapkan lagi sekali

berbanyak terima kasih kepada Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan yang telah memberi jawapan kelmarin untuk mengadakan satu tapak penjaja di kawasan Taman Tun Dr. Awang di Pantai Bagan Ajam yangmana kita berharap akan membolehkan penghuni-penghuni ini menambahkan mata pencarian mereka bagi membantu untuk membayar sewa rumah yang mereka ambil itu.

Tuan Speaker, kita harus sedar setiap orang memerlukan sebuah rumah untuk berlindung walaupun ianya miskin. Sebab itulah semua pembinaan rumah-rumah kos rendah ini tidaklah boleh didasarkan kepada jumlah permohonan-permohonan sahaja. Sebaliknya ia mestilah juga dikaji dari segi kos-kos rumah yang lebih sesuai dengan kemampuan penduduk-penduduk. Ini adalah perkara yang penting untuk mengelakkan masalah-masalah yang sedang kita hadapi sekarang ini.

Pada masa ini mengikut harga rumah yang ada sekarang, boleh dikatakan kebanyakan berdasarkan kepada bilangan permohonan yangmana kita tahu hari ini yang kita anggap layak sebanyak 50,000 orang sedang memohon rumah dan kita akan membina rumah yang begitu banyak tanpa membuat perhitungan terhadap kos-kos rumah dengan lebih mendalam lagi. Jadi pemohon-pemohon ini akan sanggup membuat penipuan dengan memberi kenyataan di dalam borang-borang permohonan mereka terhadap latarbelakang diri mereka yang sebenar asalkan mereka dapat memiliki sebuah rumah untuk tempat kediaman. Dalam masa mengisi borang-borang permohonan ini, orang-orang ini sanggup membuat penipuan kerana mereka memerlukan rumah, sepertimana yang saya telah katakan tadi tiap-tiap orang memerlukan rumah walaupun ia miskin sebagai tempat perlindungan. Di situ kita mengambil ukuran dari borang-borang yang dituliskan itu dan akhirnya rumah itu dapat dimiliki, sebenarnya orang-orang itu tidak mampu untuk menjelaskan sewaan rumah yang diterimanya. Tapi ini tidak pula bermakna kita tidak boleh memberi kepada sesiapa juga yang memerlukan rumah, terutama orang-orang yang berpendapatan rendah di Negeri kita ini.

Untuk mengatasi masalah ini sebab itulah saya katakan tadi, Kerajaan Negeri dan juga Jabatan Perumahan Negeri patutlah mengkaji balik tentang kos-kos pembinaan rumah-rumah ini sama ada dari segi sepertimana yang saya katakan pada mula-mula tadi, pindaan pelan supaya dapat mengurangkan harga rumah dan perkara-perkara lain yang berkaitan yang boleh dimasukkan menjadi harga pembinaan rumah-rumah ini. Justeru itu Kerajaan haruslah berusaha dengan sedaya upaya bagi menurunkan sedikit lagi harga rumah-rumah kos rendah yang akan dibina oleh Kerajaan Negeri. Saya percaya dengan cara demikian ini masalah tunggakan-tunggakan dan hutang-hutang akan boleh dikurangkan. Jika tidak keadaan ini akan menjadi lebih buruk lagi. Sekiranya harga-harga rumah ini tidak dapat dikurangkan bersesuaian dengan keadaan pendapatan penduduk-penduduk kita di Pulau Pinang ini kita akan menanggung bebanan yang lebih teruk lagi.

Tuan Speaker, selain dari itu peruntukan yang telah diuntukkan mengikut Anggaran Pembangunan itu sebanyak $8 juta lebihkurang bagi pembinaan sejumlah 6,000 unit rumah-rumah kos rendah dalam tahun 1986, sekiranya kos-kos rumah itu diturunkan kita percaya dengan wang berjumlah $8 juta itu akan dapat kita bina lebih dari 6,000 unit. Ini boleh menolong pihak Kerajaan bagi menyelesaikan masalah perumahan.

Selain dari itu, masalah yang sedang kita hadapi sekarang ini ialah berhubung dengan pembeli-pembeli rumah yang terpaksa diberhentikan kerja disebabkan penutupan beberapa buah kilang di Pulau Pinang ini. Ini juga satu punca atau masalah yang besar yang mesti dihadapi oleh pihak Kerajaan Negeri, iaitu ada pembeli-pembeli yang sudah membeli rumah dan terpaksa diberhentikan kerja. Jadi apakah *formula* yang boleh digunakan oleh Bahagian Perumahan Negeri bagi menyelesaikan masalah ini? Kebanyakan mereka ini adalah terdiri dari pekerja-pekerja kilang. Sedangkan di kala mereka mempunyai pekerjaan sekalipun sukar bagi mereka untuk membayar harga rumah yang begitu tinggi, apatah lagi sesudah mereka-mereka ini diberhentikan kerja. Sementara menunggu untuk mendapat pekerjaan yang baru tentulah masalah pembayaran ansuran rumah mereka itu akan tergendala buat sementara. Ini akan menjadi bebanan kepada Kerajaan untuk menanggung segala hutang-hutang itu.

Jadi di dalam Dewan yang mulia ini saya suka menarik perhatian marilah kita sama-sama berbincang untuk mencari satu jalan bagi menyelesakan masalah-masalah yang saya sebutkan tadi, terutama kepada segolongan rakyat kita yang boleh dianggap malang pada masa ini yangmana tidak mempunyai pekerjaan lagi. Apakah satu *formula* yang boleh kita bentuk bagi menyelesaikan masalah-masalah ini? Sekiranya masalah-

masalah ini tidak dapat diatasi dengan khususnya, saya yakin hasrat Kerajaan untuk menyelesaikan masalah perumahan di Negeri ini dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima ini akan gagal. Jadi haruslah kita ingat dari sekarang ini sebelum tarikh yang kita tentukan itu sampai.

Jadi kita rasa dukacita dengan, lagi sekali saya suka menyebut, wakil dari Pengkalan Kota. Tujuan kita menghadiri persidangan Dewan ini ialah untuk berbincang dan mencari pendapat bagi menyelesaikan segala masalah yang sedang dihadapi oleh rakyat, tetapi wakil dari Pengkalan Kota datang ke sini, pada pendapat saya bukan dengan tujuan itu. Oleh sebab itu beliau sanggup mengeluarkan pendapat-pendapat yang tidak logik, menuduh itu, menuduh ini, membantah itu, membantah ini. Kita harap di samping kita pihak Barisan Nasional beliau juga akan bersama-sama dengan kita turut menyumbangkan fikiran sebagai pemimpin di Negeri ini bagi menyelesaikan segala masalah yang sedang dihadapi oleh rakyat. Jadi kita tidak faham dengan pendirian wakil dari Pengkalan Kota itu. Pada mulanya ia berucap menentang rancangan pembangunan kita dan di akhir ucapannya pula meminta pembangunan dimasukkan ke kawasan beliau di Pengkalan Kota. Jadi kita tidak tahu apakah maksud yang sebenarnya. Kalaulah begini tingkah lakunya sepanjang masa kita rasa beliau tidaklah layak menjadi seorang wakil bagi sebahagian besar penduduk-penduduk di kawasannya.

Tuan Speaker, itu sahajalah beberapa perkara yang hendak saya sampaikan di samping saya lagi sekali mengambil kesempatan untuk menyokong penuh usul Anggaran Pembangunan bagi tahun 1986 yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri.

Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee):

Tuan Speaker, saya bangun untuk berucap sedikit atas usul Anggaran Pembangunan bagi tahun 1986 yang telah dibentangkan di Dewan ini.

Tuan Speaker, parti pembangkang iaitu DAP selalu menuduh Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana tidak mengambil tindakan yang berkesan untuk memperjuangkan mendapat balik *"free port status"* ataupun pelabuhan bebas untuk Negeri Pulau Pinang. Memang pelabuhan bebas adalah menjadi satu hasrat semua orang di Pulau Pinang, tetapi ini adalah bersangkut dengan dasar kebangsaan kita dan tentulah kita mesti cuba lagi apabila kita ada peluang.

Tetapi di sini saya ingin menyoal balik kepada parti Kit Siang dan Karpal Singh telah buat dalam Parlimen? Parlimen adalah satu tempat yang sesuai untuk semua wakil rakyat memperjuangkan untuk kepentingan rakyat mereka tetapi apakah mereka telah buat dalam Parlimen itu?

Parti Pembangkang juga selalu mengkritik mengenai rancangan perindustrian dalam Negeri Pulau Pinang kita. Kita tidak lupa pada hujung tahun enam puluhan atau permulaan tahun tujuh puluhan, masalah pengangguran dalam Negeri Pulau Pinang telah sampai ke peringkat 16%; kira-kira tidak kurang dari 80,000 atau 90,000 orang telah dibuang kerja dan pada masa itu apa lagi Kerajaan Negeri kita boleh buat kecuali satu program *"crash"* atau *"crash programme"* melalui *industrialisation.* Melalui perindustrian seperti yang tuan-tuan dan puan-puan telah lihat kita telah mengujudkan beberapa ribu pekerjaan bagi penduduk-penduduk di Pulau Pinang. Dan pada hari ini sungguhpun kita menghadapi kemelesetan ekonomi masih terdapat beberapa ribu pekerja dalam beberapa kilang yang kita ada dalam Negeri ini.

Tuan Speaker, oleh sebab kemelesetan ekonomi, ini adalah satu masa yang susah untuk semua orang dan olehsebab itu timbullah masalah *"retrenchment"*. Ini satu masalah yang tidak dapat dielakkan. Kita sukacita bahawa pengurusan *(management)* kilang-kilang dalam Pulau Pinang sudah menunjukkan semangat yang patut. Mereka sudah menunjukkan bahawa mereka bertanggungjawab dan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri kita, sebab kalau mereka mengira kerugian yang besar yang telah dihadapi oleh mereka, kalau mereka mengira sahaja dari segi ekonomi sudah tentulah beberapa kilang akan ditutup, bukan sahaja pekerja-pekerja kena di *"retrench"*.

Tuan Speaker, dalam satu masa yang susah, kita semua mesti bekerja dengan lebih kuat. Sungguhpun gaji-gaji yang didapati oleh sebahagian pekerja-pekerja adalah rendah sedikit tetapi saya menyeru kepada pekerja-pekerja itu supaya menerima kerja-kerja sementara dan menerima kerja-kerja ini sebagai satu peluang untuk mendapatkan latihan dan pengalaman untuk masa hadapan. Biarlah kita semua bekerja bersungguh-sungguh dan sama-sama kita mengatasi masalah yang dihadapi.

Tuan Speaker, balik kepada usul Anggaran Pembangunan bagi tahun 1986, saya ingin mengucapkan sedikit pandangan saya.

Tuan Speaker, belanjawan pembangunan bagi tahun 1986 dijangka akan menghadapi defisit sebanyak $1.9 juta dibandingkan dengan defisit sebanyak $2.6 juta pada tahun 1985 dan satu kelebihan sebanyak $46 juta pada tahun 1984. Pada masa yang sama wang simpanan pembangunan Negeri kita telahpun menyusut dari $14 juta yang ada pada tahun 1984 ke $2.8 juta pada tahun 1985 dan dijangka akan terus menyusut sehingga $871,000.00 menjelang tahun 1986. Ini telah menunjukkan bahawa sumber-sumber dalam Negeri yang boleh digunakan untuk pembangunan telah semakin lama semakin berkurangan, melainkan pihak Kerajaan Pusat menambahkan lebih banyak pemberian atau pinjaman ataupun pihak Kerajaan Negeri dapat mencari hasil dari sumber-sumber yang lain, kalau tidak sudah tentulah Negeri Pulau Pinang akan menghadapi masalah yang besar dalam usaha pembangunannya pada masa hadapan.

Tuan Speaker, walaupun kita memerlukan bantuan kewangan daripada Kerajaan Pusat untuk membiayai rancangan-rancangan pembangunan, kita tidak boleh terlalu bergantung kepadanya. Lebih baik kalau boleh kita dengan secara sendiri ataupun dengan bantuan Kerajaan Pusat mencari pendapatan atau hasil dari sumber-sumber yang lain untuk membiayai rancangan pembangunan dalam Negeri kita.

Terdapat berbagai cara Kerajaan Pusat boleh membantu Kerajaan Negeri sebagaimana yang dicadangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Kerajaan Pusat haruslah dengan secepat mungkin mempersetujui dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menukar atau *"trade off"* Jambatan Pulau Pinang dengan tanah-tanah seluas lebih kurang 250 hektar yang berharga di tepi pantai timur. Sekiranya dalam penukaran tersebut Kerajaan Negeri masih berhutang kepada Kerajaan Pusat, maka baki tersebut boleh dijelaskan secara ansuran.

Sebelum sesuatu keputusan dicapai atas cadangan penukaran ini adalah wajar bagi Kerajaan Pusat menyerahkan sebahagian dari kutipan tol Jambatan Pulau Pinang itu kepada Kerajaan Negeri sebagai satu bantuan kewangan kepadanya buat sementara waktu untuk mencari pendapatan atau hasil dari sumber yang lain.

Tuan Speaker, sebaliknya kalau Kerajaan Pusat tidak bersetuju dengan cadangan itu adalah wajar bagi Kerajaan Pusat membenarkan Kerajaan Negeri membuat pinjaman dari institusi-institusi kewangan dengan dijaminkan oleh tanah-tanah lebih kurang 250 hektar tersebut di atas nama Kod CDD 21 sebagai satu *"collateral security"* untuk menjelaskan kos binaan Jambatan Pulau Pinang.

Tuan Speaker, berkaitan dengan perkara kewangan pembangunan adalah wajar bagi Kerajaan Negeri menubuhkan sebuah Bank Pembangunan Negeri ataupun *State Development Bank* sepertimana yang terdapat di Singapura iaitu Development Bank of Singapore. Dengan itu tentulah ia akan dapat membantu Kerajaan Negeri dari segi perancangan, pengurusan dan kewangan dalam sebarang projek pembangunan. Ia juga menjadikan Pulau Pinang sebagai satu pusat perdagangan dan perniagaan yang maju di kawasan utara ini.

Tuan Speaker, beberapa tahun yang lalu, Y.A.B. Ketua Menteri kita pernah menyuarakan hasratnya ingin menubuhkan satu Yayasan Amanah Pulau Pinang atau *Penang Trust Fund* dengan tujuan supaya semua rakyat Negeri Pulau Pinang dapat melabur dalam apa jua projek pembangunan, tetapi malangnya projek yayasan itu tidak dapat dilancarkan lagi oleh sebab kekurangan kewangan.

Saya ingin mengesyorkan supaya Kerajaan Pusat memperuntukkan sesuatu *"launching grant"* atau pinjaman untuk melaksanakannya sepertimana bantuan yang diberi kepada penubuhan PERDA, UDA dan agensi-agensi Kerajaan yang lain. Kalau bantuan seumpama itu dapat diberi tentunya Yayasan Amanah Pulau Pinang itu dapat dilancarkan.

Kita harus ingat kemakmuran dan kemajuan Negeri Pulau Pinang akan juga membawa lebih kemakmuran dan lebih kemajuan kepada negeri-negeri jirannya, terutama sekali negeri-negeri seperti Perlis, Kedah, Perak, Kelantan, Trengganu dan seterusnya kepada Negara Malaysia keseluruhannya. Mengapa pilih Negeri Pulau Pinang? Tidak lain dan tidak bukan oleh kerana Negeri Pulau Pinang merupakan satu-satu negeri yang berpotensi dan mampu melaksanakannya.

Tuan Speaker, di bawah peruntukan-peruntukan Akta Kerajaan Tempatan, 1976, Majlis-majlis Perbandaran bertanggungjawab untuk melaksanakan beberapa projek pembangunan seperti perumahan, pasar-pasar, taman umum, sistem pembetungan najis, sistem lalu-lintas dan sebagainya, selain dari memberi perkhidmatan kepada rakyat jelata. Sebagaimana kita ketahui Majlis Perbandar-

an adalah pada asasnya satu jabatan yang memberikan perkhidmatan, oleh kerana itu ianya tidak mempunyai wang yang mencukupi untuk pelaksanaan projek pembangunan. Oleh yang demikian, adalah wajar untuk Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Pusat memberi bantuan kewangan kepada Majlis Perbandaran untuk tujuan tersebut, seperti dalam kes-kes PERDA, UDA dan agensi-agensi Kerajaan lain.

Kerajaan Pusat haruslah memberikan gerangeran pelancaran atau *"launching grant"* kepada Majlis Perbandaran supaya projek-projek pembangunan yang diperlukan dapat dimulakan. Jika tidak, nampaknya keadaan kewangan dalam kedua-dua Majlis khasnya Majlis Perbandaran Seberang Perai akan menjadi teruk dan perkhidmatan dan prestasinya akan diturunkan kelak.

Tuan Speaker, satu lagi perkara saya ingin bangkitkan di sini adalah bersangkutan dengan J.K.K.K. ataupun Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung di kawasan luarbandar termasuk perkampungan baru yang telah ditubuh untuk membantu Kerajaan Negeri dari segi hal keselamatan dan kemajuan. Keahlian J.K.K.K. yang terdiri dari golongan pemimpin masyarakat yang bertanggungjawab patut diamalkan dengan menambahkan kuasa dan kewajipan.

Seringkali cadangan dan rancangan kemajuan J.K.K.K. tidak mendapat layanan yang menggalakkan. Untuk mengelakkan dari perasaan kebosanan dan kekeciwaan, saya cadangkan bahawa satu peruntukan sebanyak $10,000.00 atau $20,000.00 setiap J.K.K.K. diketepikan. Dengan ini projek kecil yang dicadangkan itu dapat dilaksanakan di bawah penyeliaan Pegawai Daerah dengan lebih cepat dan teratur. Ini akan menggalakkan ahli-ahli J.K.K.K. lebih berminat dan lebih bertanggungjawab.

Tuan Speaker, dengan ini saya mengucapkan terima kasih dan mohon menyokong usul tersebut.

Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Nibong (Dr. Tan Chong Teik):

Tuan Speaker, saya bangun untuk menyokong usul Anggaran Pembangunan tahun 1986 ini. Sungguhpun kita tahu keadaan ekonomi dunia pada masa sekarang adalah buruk tetapi Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang bertanggungjawab masih hendak membangun Negeri Pulau Pinang dengan pesatnya dan dengan ini memperuntukkan lebih kurang $62,439,430.00 untuk Anggaran Pembangunan tahun akan datang.

Kami semua tahu, kemelesetan ekonomi dunia sekarang telah sampai ke Negeri Pulau Pinang pada ketika ini dan terdapat lebih kurang 4,524 orang pekerja telah dihentikan kerjanya, tetapi kalau kita bandingkan balik lebih kurang pembangunan yang telah dijalankan di Negeri Pulau Pinang ini dalam tempoh 10 tahun yang lebih, kita semua tahu pengangguran pada masa ini adalah lebih kurang 16% dari tahun 80an. Pengangguran telah dikurangkan sehingga 6.8% dan dalam tempoh itu Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah dapat membuka *investment* daripada luar negeri dan luar negara. Lebih kurang 120 buah atau lebih kilang-kilang telah memberi kerja kepada lebih kurang 40,000 hingga 50,000 orang rakyat di Negeri Pulau Pinang dan juga penduduk-penduduk dari luar negeri.

Kalau kita bandingkan saya ingat lebih kurang 10% yang telah diberhentikan kerja. Di sini saya sukalah mengucap tahniah kepada Kerajaan Negeri oleh kerana telah memulakan satu sekim bekerja sambil berlatih untuk pekerja-pekerja yang tidak ada kerja.

Tapi saya rasa susah hati sebab kita ada beribu-ribu pekerja yang dihentikan kerja, tapi di dalam Dewan ini kita ada seorang Ahli Yang Berhormat yang mendapat gaji buta. Beliau telah digantung daripada Dewan ini lebih kurang setahun lebih dan beliau menunjukkan sikap yang tidak bertanggungjawab. Kalau pekerja tidak bekerja tidak ada gaji tetapi beliau tidak bekerja boleh mendapat gaji. Kita nampak beliau membuat kerja sendiri di tempat lain tapi tidak di dalam Dewan ini.

Saya harap kita boleh mencadangkan bahawa gaji Ahli dari Bukit Glugor ini dimasukkan ke dalam peruntukan sekim kerjasama berlatih atau kita tubuhkan satu *fund* untuk membantu pekerja-pekerja yang telah dihentikan kerja. Saya ingat semua Ahli boleh menyokong cadangan ini.

Tuan Speaker berkenaan dengan Ahli Kawasan Bukit Glugor, saya ingat jikalau undang-undang Dewan ini memberi kuasa yang lebih kepada Tuan Speaker sebagai Majistret di Mahkamah, saya agak Ahli Kawasan Bukit Glugor tidaklah begitu degil. Beliau akan takut-takut bukan sedikit tapi banyak. Jikalau beliau berdegil-degil barangkali tidak faham peraturan-peraturan Dewan

ini, marilah kita bagi dia *tuition* dalam peraturan-peraturan Dewan ini (gangguan). Y.B. Encik Mohd. Zain hendak bagi *tuition.*

Tuan Speaker, satu perkara yang saya suka bangkitkan iaitu saya suka mengucapkan terima kasih kepada Pihak Berkuasa Air yang telah menyambungkan paip-paip air di Kampung Bata Relau sampai masuk ke dalam kampung itu untuk kegunaan penduduk-penduduk di kampung. Saya ingat Ahli-ahli Yang Berhormat saudara saya bolehlah bersetuju bahawa tanggungjawab dan pekerjaan Pihak Berkuasa Air adalah sangat memuaskan.

Tuan Speaker, di samping ini saya sukalah mengucapkan terima kasih juga kepada pihak J.K.R. yang telah membuat satu sistem lampu isyarat *(traffic light)* di persimpangan Jalan Sungai Nibong dengan Jalan Tengah di mana selalu berlaku kemalangan. Selepas pemasangan lampu isyarat ini kemalangan telah banyak berkurangan.

Di sini saya sukalah menyeru kepada pihak J.K.R. bahawa lagi satu simpang *(junction)* yang memerlukan lampu isyarat atau *traffic light sistem* yang lengkap sekali ialah di persimpangan Jalan Relau Baru dengan Jalan Relau Lama di Pekan Relau. Sungguhpun saya telah mendapat jawapan secara bertulis bahawa pelan-pelan induk sedang menunggu kelulusan, saya berharap kelulusan ini boleh dipercepatkan.

Tuan Speaker, perkara yang saya akan bangkitkan sekarang telah banyak kali saya bangkitkan iaitu Jalan Baru Relau sampai ke Lapanganterbang Antarabangsa Bayan Lepas yang tidak mempunyai lampu-lampu jalan. Saya ingat jalan ini telah dbuka lebih kurang satu tahun lebih dan kita masih menunggu pemasangan lampu-lampu jalan. Saya haraplah pihak yang berkenaan akan memasang lampu dengan secepat mungkinnya, kalau tidak, kalau jalan itu masih gelap, saya ingat Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam akan sibuk sedikit.

Tuan Speaker, saya suka mengucap ribuan terima kasih kepada pihak Kerajaan yang telah memberi peruntukan untuk mengatasi banjir di Negeri kita. Langkah-langkah sementara telah diprogramkan yang saya harap program-program ini akan dilaksanakan dengan cepatnya, tetapi sungguhpun kita ada langkah-langkah sementara, saya harap pada satu masa yang akan datang kita boleh mengambil langkah-langkah yang tetap supaya banjir tidak berlaku di sekitar Negeri Pulau Pinang ini.

Tuan Speaker, satu lagi perkara yang saya suka bangkitkan ialah berkenaan dengan pasar di Taman Tun Sardon. Pasar di Taman Tun Sardon ini telah disiapkan saya ingat lebih kurang satu tahun lebih tetapi hingga masa ini gerai-gerai belum dibuka. Saya berharap pihak M.P.P.P. akan cepat menyusun gerai-gerai ini dan membukanya untuk kegunaan penduduk-penduduk di kawasan ini dan saya harap barang-barang yang dapat dijual di pasar ini adalah barang-barang yang boleh digunakan oleh semua golongan rakyat yang duduk di kawasan tersebut.

Tuan Speaker, akhirnya saya suka bangkitkan bahawa Ahli Kawasan Bukit Glugor ialah seorang ahli yang boleh diumpamakan sebagai seorang penuntut yang jahat. Kalau kita baca suratkhabar kelmarin, beliau hendak serahkan kawasan beliau kepada Lim Kit Siang. Beliau mengajak Lim Kit Siang datang ke Pulau Pinang. Saya ingat barangkali beliau hendak mengajak Lim Kit Siang datang ke Pulau Pinang ..... (gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, *Standing Orders – irrelevancy.*

Tuan Speaker:

Saya boleh ambil keputusan.

Ahli Kawasan Sungai Nibong (Dr. Tan Chong Teik):

Tuan Speaker, saya ada lagi sedikit untuk habis. Jangan takut, jangan takut. Saya hendak habiskan percakapan saya, Tuan Speaker.

Tadi saya kata barangkali Ahli Kawasan Bukit Glugor takut hendak terjun ..... (gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, *I am standing under the Standing Orders. Can he go ahead?*

Tuan Speaker:

Sila duduk, saya boleh ambil keputusan.

Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Nibong, jangan bawa perkara yang tidak bersangkut.

Ahli Kawasan Sungai Nibong (Dr. Tan Chong Teik):

Tuan Speaker, saya ingat perkara ini ada

sangkutan dengan Jambatan Pulau Pinang. (ketawa). Itu yang saya hendak sebutkan. (ketawa).

Tuan Speaker:

Saya dengar dan saya boleh mengambil keputusan.

Ahli Kawasan Sungai Nibong (Dr. Tan Chong Teik):

Tuan Speaker, pagi tadi Ahli Kawasan Pengkalan Kota ada menyebut mengenai Jambatan Pulau Pinang, jadi sekarang saya juga hendak sebutkan mengenai Jambatan Pulau Pinang. Ini perkara yang akhir yang saya hendak cakapkan, Tuan Speaker.

Saya sudah katakan Ahli Kawasan Bukit Glugor hendak serahkan kawasannya kepada Lim Kit Siang oleh kerana saya ingat dia takut lompat sendiri dan terjun dari Jambatan Pulau Pinang ini. Jadi ..... (gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, ... (gangguan).

Tuan Speaker:

Ahli Kawasan Pengkalan Kota, sila duduk, saya boleh mengambil keputusan. Jangan susah hati.

Ahli Kawasan Sungai Nibong (Dr. Tan Chong Teik):

Jangan kacaulah, saya hendak habis. Nanti *you* boleh cakap. *Standing Order.* Anggaran Pembangunan berkenaan dengan Jambatan Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Irrelevancy.

Ahli Kawasan Sungai Nibong (Dr. Tan Chong Teik):

Ada, ada, ada kaitan dengan pembangunan. Jambatan Pulau Pinang berkenaan dengan pembangunan. Di kawasan saya juga Jambatan Pulau Pinang ini, jadi saya boleh bangkitkan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tidak bersangkutan dengan usul ini.

Ahli Kawasan Sungai Nibong (Dr. Tan Chong Teik):

Apa yang tidak bersangkut?

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, *this is very unfair.*

Ahli Kawasan Sungai Nibong (Dr. Tan Chong Teik):

Saya belum habis lagi, mana *you* tahu tidak bersangkut?

(Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota meninggalkan Dewan)

Ahli Kawasan Sungai Nibong (Dr. Tan Chong Teik):

Tuan Speaker, saya hendak habis, tetapi dia kacau. Satu minit lagi.

Tadi saya telah berkata Ahli Kawasan Bukit Glugor takut, sekarang Ahli dari Pengkalan Kota pun takut, dia sudah keluar. Dia hendak serahkan kerusinya kepada Lim Kit Siang kerana dia takut lompat seorang diri sebab ahli-ahli parti DAP selalu lompat sini, lompat sana, dari satu negeri ke satu negeri yang lain. Dia takut lompat dan terjun dari Jambatan Pulau Pinang seorang diri. Jadi dia ajak Lim Kit Siang, pemimpin DAP bersama-sama sekali terjun dari Jambatan Pulau Pinang ini.

Jadi akhir sekali saya suka menyokong usul ini. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, saya mohon untuk menyokong usul yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri.

Kita masih mengalami kemelesetan ekonomi dunia zaman kini dan Kerajaan Negeri sudah mengemukakan *ideas* baru untuk menyelesaikan masalah ini. Malangnya, ramai rakyat negeri ini terutamanya 4,000 orang pekerja kilang terpaksa diberhentikan kerja dan ini telah menimbulkan masalah pengangguran dalam Negeri. Pejabat-pejabat dalam bangunan-bangunan baru tidak dapat disewa dan hotel-hotel mengalami kekurangan pelanggan-pelanggan. Bagaimanapun keadaan dalam negeri ini masih baik berbanding dengan negeri-negeri lain.

Tuan Speaker, Pulau Pinang sebenarnya menghadapi masalah selepas kehilangan taraf pelabuhan bebas cukai dan kehilangan kepentingannya sejak Kerajaan Negeri berusaha untuk membangunkan negeri ini. Manakala kerajaan sudah cuba mengembangkan Pulau Pinang sebagai pusat pelancongan dan perniagaan di Asia tetapi usaha-usaha ini boleh dikatakan bukan senang dilaksanakannya. Kita harus sedar tentang sebarang cabaran dari Hong Kong dan Singapura. Tidak dinafikan bahawa Negeri ini mempunyai harapan baik tetapi kita tidak berusaha bersungguh-sungguh untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri *"Tax Haven"*. Dengan kestabilan politiknya sistem *banking* yang stabil, sistem komunikasi yang cepat dan pentadbirannya kos murah, maka kita sebenarnya mempunyai kebaikan yang berlebihan dari petanding-petanding lain. Bagaimanapun saya memastikan negeri ini sebagai *"Tax Haven"* dan dengan perasaan yang kuat negeri kita dapat menarik pelabur-pelabur asing supaya dapat mempercepatkan pembangunan negeri. Pada pandangan ekonomi masa ini kita tidak boleh menunggu lagi penamatan kemelesetan ekonomi. Kita harus mencari penyelesaian untuk menuju ke masa hadapan. Oleh itu saya mendesak Kerajaan Negeri mengemukakan satu memorandum kepada Kerajaan Persekutuan terhadap hal kita yang ingin menjadikan Pulau Pinang sebagai satu *"Tax Haven"* pada masa hadapan.

Tuan Speaker, pengswastaan rumah kos murah Kerajaan adalah langkah positif untuk menyelesaikan masalah perumahan negeri ini. Oleh yang demikian, kerajaan patut lebih cekap dan berikhtiar untuk menghadapi masalah perumahan. Saya percaya dengan konsep pengswastaan dan kemurahan kos tanah dan bahan pembinaan, Kerajaan Negeri akan bersikap positif untuk memurahkan kos rumah kepada pembeli-pembelinya. Saya juga ingin mendesak Kerajaan mengatur *loan* yang ringan dan tempoh panjang bayaran ansuran dari institusi kewangan kepada pembeli-pembeli rumah untuk mengurangkan kos perbelanjaannya.

Berhubung dengan konsep memiliki rumah dan usaha-usaha untuk menyelesaikan masalah perumahan kepada rakyat yang tidak berumah, maka dalam konteks ini saya mendesak Kerajaan Negeri untuk memohon M.P.P.P. memberi pertimbangan seberat-beratnya terhadap penjualan flat kepada penyewa-penyewa. Dengan ini saya rasa kita dapat memberi Majlis wang untuk pembangunan. Saya telah menerima aduan-aduan daripada pemohon-pemohon rumah murah kerajaan bahawa sistem peruntukan rumah adalah tidak adil kerana kebanyakan pemohon-pemohon baru tanpa menempuh kesukaran telah diberi keutamaan mendapat rumah-rumah kos rendah. Saya rasa kenyataan-kenyataan ini adalah serious. Oleh sebab itu saya ingin mendesak Kerajaan Negeri untuk menyiasatkan kenyataan-kenyataan supaya mengekalkan imej baik pentadbiran kerajaan.

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini berterima kasih kepada kakitangan-kakitangan dan pejabat-pejabat kerajaan terhadap pertolongan yang diberikan kepada rakyat. Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya -bin Ahmad):

Tuan Speaker, saya bangun sekali lagi dan ingin menyokong usul Anggaran Pembangunan 1986 mengikut Risalah Dewan Undangan Negeri, Bil. 9 tahun 1985 yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang. Sepertimana yang telah disarankan, anggaran perbelanjaan pembangunan yang telah dirancangkan berjumlah $62,439,430.00. Wang perbelanjaan pembangunan ini adalah terdiri dari pinjaman Kerajaan Persekutuan berjumlah $24,756,000.00, secara projek-projek imbuhan balik Kerajaan Persekutuan sebanyak $16,796,210.00 dan perbelanjaan terus daripada hasil pembangunan Kerajaan Negeri sebanyak $20,887,220.00 termasuklah anggaran perbelanjaan pembangunan kekurangan sejumlah $1,941,410.00.

Wang perbelanjaan bagi pembangunan adalah punca negeri dari hasil kumpulanwang pembangunan yang dianggarkan pungutan juga dari pinjaman Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, Pihak Berkuasa Air dan juga ansuran serta tunggakan pinjaman perumahan kos rendah Kerajaan yangmana kita dapati tunggakannya masih terdapat sebanyak $5.1 juta. Pembentangan ini amat kita hargai dan mengucapkan terima kasih kepada Y.A.B. Ketua Menteri di atas pembentangan dan persediaan peruntukan anggaran pembangunan ini kerana hasil peruntukan pembangunan ini, Pulau Pinang telah dapat mencapai kejayaan-kejayaan dan memberi peluang asas kehidupan kepada rakyat negeri ini, tidak sepertimana yang telah didakwakan oleh ahli dari kawasan Pengkalan Kota bahawa rancangan yang telah dijalankan oleh kerajaan tidak memberi faedah kepada rakyat.

Dakwaan ahli dari kawasan Pengkalan Kota adalah kosong sama sekali oleh kerana kita dapat

tahu bahawa setiap kali persidangan Dewan ini perkara yang sama juga dibawa oleh ahli dari kawasan pihak pembangkang – yang timbul ialah soalan KOMTAR, soalan jambatan – dan saya ingin bertanya kepada Ahli Kawasan Pengkalan Kota: Semenjak jambatan ini dibuka, berapa kalikah beliau sendiri telah menyeberangi melalui jambatan ini ke Tanah Daratan Besar? Saya ingin tahu daripada beliau sebab katanya jambatan ini tidak memberi faedah. Kalau beliau telah melintasi atau menggunakan jambatan ini, adalah terang sekali bahawa beliau telah berdusta. Beliau sendiri telah menyatakan bahawa jambatan ini tidak memberi faedah.

Saya juga tidak ingin hendak bercakap panjang. Walau bagaimanapun, saya ingin menyentuh beberapa perkara berhubung dengan pembangunan di Negeri Pulau Pinang ini. Hanya kita hendak menyarankan sedikit sebanyak supaya kita memperingati pihak-pihak yang tertentu yang akan menjalankan rancangan pembangunan di negeri ini supaya mereka berhati-hati membelanjakan wang peruntukan ini supaya benar-benar dapat sampai kepada rakyat dan memberi faedah kepada rakyat di Negeri Pulau Pinang ini.

Saya suka menyentuh dalam program perumahan Kerajaan Negeri telah diperuntukkan sebanyak $30,256,040.00. Ini bermakna hampir separuh peruntukan daripada $62,439,430.00 akan dipergunakan untuk pembinaan perumahan kos rendah. Kita juga baru-baru ini telah mendengar gesaan daripada Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri, iaitu Datuk Musa bin Hitam, bahawa Kerajaan Persekutuan hendak menjalankan rancangan kilat perumahan di seluruh Negara Malaysia di mana diramalkan sebanyak 80,000 unit akan dibina dalam tempoh tiga tahun dalam Rancangan Malaysia Kelima. Ini bermakna sebanyak 240,000 unit dengan peruntukan lebih kurang $2,000 juta ini bagi rancangan rumah kilat di seluruh negara kita ini. Dan kita berharap rancangan ini sedikit sebanyak akan memberi faedah Negeri Pulau Pinang kerana kita tahu bahawa setiap negeri digesa mengadakan perancangan supaya mendapat faedah dari rancangan yang telah disarankan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri di mana wang $2,000 juta ini akan disalurkan melalui bank-bank yang ada di negara kita ini.

Kita berharap juga digesa supaya setiap negeri dan daerah menubuhkan Bilik Tindakan Daerah atau Bilik Gerakan Daerah bagi menunjukkemajuan-kemajuan dan perkembangan yang berlaku berkenaan dengan pembinaan perumahan kos rendah di tiap-tiap negeri masing-masing. Jadi dengan adanya peruntukan ini bersalahan pula dengan peruntukan yang dibuat oleh Kerajaan Pusat kita yakin dan percaya bahawa Negeri Pulau Pinang akan dapat mengatasi masalah perumahan sepertimana yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri iaitu Negeri Pulau Pinang akan dapat menyediakan perumahan yang cukup dan termampu oleh rakyat di Negeri Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun, kalau kita kaji dalam Rancangan Malaysia Keempat, Kerajaan Negeri hanya dapat membina 2,594 unit dan masih ada beberapa kawasan lagi di mana rancangan belum dapat dijalankan secukupnya iaitu di Permatang Damar Laut dan di Berapit yangmana dengan peruntukan yang disediakan, adalah dijangka akan dapat dilaksanakan seperti yang telah dirancangkan supaya bilangan rumah yang dibina meningkat sebanyak 2,594 unit. Kita juga telah dapat menyemak dari apa yang telah dibentangkan di sini bahawa dalam Rancangan Malaysia Kelima akan mengandungi 22 kawasan projek yang berjumlah sebanyak 7,000 unit perumahan kos rendah yang perbelanjaan ini akan menelan sebanyak $174.5 juta yangmana wang ini masih dalam permohonan bagi pertimbangan dan kelulusan Kerajaan Persekutuan. Sekiranya projek ini lulus, kita yakin dan percaya akan dapat menambahkan lagi.

Walau bagaimanapun, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi Perumahan kerana telah berjaya menyusun supaya kerajaan dapat memperswastakan pembinaan rumah-rumah yangmana telah dapat kita lihat kira-kira 6,000 unit rumah kos rendah akan dapat dibina di 15 kawasan dalam Rancangan Malaysia Kelima dan berjumlah kira-kira dengan rancangan yang akan kita pohon daripada Kerajaan Persekutuan sebanyak 13,000 unit dalam Rancangan Malaysia Kelima. Oleh hal yang demikian, sekiranya 13,000 unit ini dimasukkan dengan rumah-rumah yang telah sedia siap sebanyak 2,594 unit itu maka kita masih jauh lagi ketinggalan dalam kemampuan memberi perumahan kepada rakyat di Negeri Pulau Pinang ini. Kalau kita lihat senarai yang menunggu sebanyak 50,757 pemohon-pemohon yang sedang menunggu. Jadi kalau kita dapat membina hanya 15,000 unit rumah, ini bermakna hampir 40,000 pemohon lagi yang tidak dapat kita tunaikan untuk memberi peluang kepada mereka mendapat rumah-rumah kos rendah.

Saya rasa sistem terbuka pendaftaran kepada pemohon-pemohon rumah kos rendah ini perlulah kita kaji semula kerana dengan adanya pendaftaran

terbuka ini, walaupun kita dapat sebanyak 50,757 pemohon masih terdapat lagi pemohon-pemohon yang baru untuk memohon perumahan ini. Ini adalah menjadi masalah. Kita bukan membuat banci kajian tetapi kita hendak membina rumah dan memberi rumah kepada rakyat yang memerlukannya. Saya juga telah selalu didatangi oleh pemohon-pemohon yang ada di antaranya telah memohon lebih dari 10 tahun atau 15 tahun yang masih belum lagi dapat kita penuhi untuk memberi kepada mereka seunit rumah kos rendah. Jadi apakah ertinya nama-nama ini masih kita simpan? Adalah lebih baik saya cadangkan supaya dikaji semula biarlah cara terbuka ini kita tutup kembali supaya pemohon-pemohon untuk mendapatkan rumah biarlah kita memberi pembukaannya secara semasa. Umpamanya, kalau kita membina rumah di kawasan Telok Bahang sebanyak 90 unit, apabila sahaja projek ini telah kita memberi *tender* untuk pelaksanaan, maka di masa itu barulah kita memberi borang-borang supaya pemohon-pemohon di kawasan yang berkenaan boleh memohon kerana sistem kita sekarang ini ialah kita utamakan penduduk-penduduk tempatan di sekitar lebih kurang 2 batu dari kawasan projek dilaksanakan. Sekiranya di kawasan ini tidak begitu ramai yang memohon bolehlah kita memberi peluang kepada jiran-jiran sekampung yang berdekatan. Sekiranya ini tidak dapat dipenuhi juga maka barulah kita memberi peluang kepada seluruh negeri.

Ini juga dapat memberi kita peluang kalau kita hendak menyusun masyarakat kita sepertimana yang disebut oleh rakan saya dari Kubang Semang tadi, 45: 45: 10, maka perlulah rasanya pada masa itu kita memberi peluang kepada orang-orang bukan tempatan untuk memohon. Ini saya rasa adalah lebih logik dari kita membuat cara terbuka hari ini.

Pertama sekali kita sebagai Wakil Rakyat hari ini banyak kata-kata yang tidak sedap didengar kerana setiap pemohon datang merayu meminta sokongan dari wakil rakyat. Wakil rakyat ini maklum sahajalah terpaksa memberi sokongan tetapi sokongan juga ditunggu ibarat buah tidak akan jatuh. Oleh sebab itu berbagai-bagai masalah dihadapi oleh wakil-wakil rakyat. Mereka kata wakil rakyat tidak berguna, wakil rakyat tidak berkuasa, sudah 10 tahun mereka meminta tetapi tidak dapat, maka timbullah tuduhan seperti kata Ahli Kawasan Pengkalan Kota tadi ada pula orang pergi memungut duit untuk mendapatkan rumah dan ada pula orang yang mengatakan bahawa ada orang yang baru minta tidak sampai 6 bulan sudah diperuntukkan rumah. Jadi mereka bertanya: Apakah yang sudah jadi pada Jawatankuasa Perumahan? Jadi inilah masalah yang dihadapi oleh wakil-wakil rakyat.

Dengan adanya sistem secara kita memberi kepada anak-anak tempatan yang berdekatan adalah lebih baik. Borang-borang yang telah kita buat pada masa-masa yang telah lalu itu kita mansuhkan sebagai satu kajian. Kita tahu bahawa pada masa itu lebih kurang 50,757 orang yang memohon untuk mendapatkan rumah. Pada kali ini kita tidak mampu membuat rumah sebanyak ini. Inilah yang dikatakan oleh orang tua-tua, nafsu kita kuat, tenaga kita kurang (gangguan). Kita kena makan majun, kata Ahli Kawasan Kubang Semang. Kalau makan majun, inilah yang susah sekali sebab kadang-kadang majun membawa kelemahan tenaga lagi. Jadi dengan sebab itulah saya berharap supaya Bahagian Perumahan ini membuat kajian dengan teliti supaya tidak timbul seperti apa yang telah saya katakan dalam ucapan saya pada petang ini.

Tuan Speaker, di samping itu juga saya ingin menyentuh berhubung dengan pertanian. Saya juga ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada pihak Kerajaan yang telah memperuntukkan dari segi pertanian ini kerana kawasan Telok Bahang adalah kawasan pertanian dan juga perikanan. Jadi saya rasa dalam menyebut pertanian ini, tidak tersebut langsung perikanan. Saya harap peruntukan bagi perikanan juga tidak akan ketinggalan. Jadi di sini kita hanya dengar berkenaan pertanian, memulihkan tanah terbiar dan sebagainya, tapi tidak adapun disebut tentang perikanan. Kita harap semoga ada sedikit sebanyak diperuntukkan kepada pihak-pihak yang berhubung dengan nelayan khasnya di kawasan Telok Bahang dan juga di sekitar Negeri Pulau Pinang kita ini.

Sepertimana yang kita sedia maklum bahawa peruntukan telah diperuntukkan kepada Jabatan Pertanian ini – tidak perlulah saya sebutkan angkanya – dan saya berharap supaya pembahagian peruntukan kepada kawasan-kawasan pertanian supaya setiap peruntukan itu akan diberi dengar penuh keadilan, sama rata dan sama rasa di semua kawasan, terutama di kawasan saya sendiri iaitu kawasan Telok Bahang, seperti bahan-bahan kimia, jentera-jentera, benih dan lain-lain lagi yang perlu. Di kawasan saya ini tidak ada banyak jentera untuk memulihkan tanah-tanah terbiar dan pada masa ini kita berusaha dengan cara pengswastaan. Kos perbelanjaannya amat tinggi dan adalah diharapkan pada masa yang akan datang sekiranya Jabatan Pertanian membeli jentera-jentera ini

hendaklah diperuntukkan juga bagi kawasan Telok Bahang ataupun dikatakan kawasan Daerah Barat Daya, Pulau Pinang. Semoga dapatlah sama-sama kita menikmati hasil pembangunan Negeri Pulau Pinang kita ini.

Tuan Speaker, saya ucapkan terima kasih kerana dalam pertanian ini, selain dari memulihkan tanaman padi, pemulihan pokok buah-buahan, sayur dan juga bunga-bungaan, tujuan kita ialah untuk memberi faedah kepada para petani kita supaya mereka dapat sama-sama menikmati hasil yang akan dikeluarkan itu. Tetapi kita dapati pemasaran merupakan masalah kepada petani-petani kita terutama di kawasan-kawasan luar-bandar. Oleh sebab itulah kita berharap dalam segi pemasaran adalah menjadi tanggungjawab kerajaan terutama dalam segi hasil-hasil yang mereka dapat sepertimana disebut oleh rakan saya tadi, termasuk ternakan ayam. Di Balik Pulau baru-baru ini empat ekor ayam berharga $10.00. Ini memang baik bagi kita kerana kita dapat makan ayam, tetapi yang menerima nasib buruk ialah petani-petani yang menternak ayam-ayam itu. Ini adalah satu perkara yang patut diambilkira oleh Kerajaan bagaimana hendak mengatasi masalah-masalah ini.

Tuan Speaker, berhubung dengan Jabatan Parit dan Taliair (J.P.T.), saya suka menyentuh sedikit mengenai jawapan kepada soalan saya dalam soalan mulut ataupun soalan bertulis baru-baru ini. Jawapan yang diberi ialah bahawa kawasan-kawasan di mana projek itu akan dilaksanakan, di kawasan Paya Chow khasnya, didapati perbelanjaannya begitu besar dan pihak Kerajaan meminta kerjasama dari Pejabat Daerah menasihatkan penduduk-penduduk kawasan itu supaya mereka memberi kebenaran masuk bagi memulihkan kawasan-kawasan ini. Saya rasa tentulah tidak adil kalau kita bandingkan oleh sebab kawasan Paya Chow ini amat memerlukan satu projek untuk mengeringkan kawasannya. Walau bagaimanapun, saya telah dirayu oleh tuan-tuan tanah oleh sebab sebelum projek ini dijalankan pihak J.P.T. telah datang menyukat dan dalam sukatan ini ada setengah tanah yang melencongnya ada yang tinggalnya seperti "kueh talam", yang setengahnya masuk di bawah rumah (kena pula rumah yang dimasuki itu ialah rumah *"welfare"*). Inilah masalah yang kadang-kadang menerima bantahan.

Saya berharap di masa akan datang sekiranya ada projek-projek untuk masuk ke kawasan tanah sama ada secara bayaran mahupun secara sukarela kita hendaklah pandai-pandai memilih supaya biarlah mengenai sempadan, janganlah kita belah di tengah-tengah kampung atau tanah orang yang berkenaan. Inilah sungutan yang selalu datang dari orangramai.

Saya tidak berniat hendak bercakap panjang berkenaan J.P.T. sebab masalah banjir telah banyak dicakapkan oleh rakan-rakan saya dan juga kelmarin saya telah nyatakan bagaimana dahsyatnya kalau kita lihat baru-baru ini banjir di seluruh kawasan khasnya kawasan Telok Bahang. Jadi saya berharap bilamana berlaku sahaja banjir atau hujan ribut yang kuat kalau boleh biarlah pegawai-pegawai kita keluar untuk menyiasat dan melihat dan jangan berharap kepada wakil rakyat, bila hujan orang sebut tentang banjir, kitapun keluar. Kita boleh lihat sahaja, kita tidak boleh berbuat apa-apa.

Saya pernah membawa seorang pegawai untuk pergi melihat, tapi dia cekak pinggangnya di atas batas dan menyatakan bahawa besoknya beliau akan membawa traktor untuk mengorek, tapi besok tidak datang, lusa tidak datang dan akhirnya rakyat menuduh wakil rakyat tidak bekerja. Inilah yang menjadi masalah kepada kita.

Saya juga ingin menyentuh mengenai masalah J.K.R. Walaupun saya hendak ringkaskan perbahasan saya tapi saya suka juga menyentuh mengenai J.K.R. Kelmarin saya menyentuh mengenai masalah J.K.R. dari Telok Bahang bawa sampai ke Titi Kerawang dan sampai ke Pulau Betong tetapi tidak sampai keliling Pulau Pinang. Sekarang saya hendak bawa sampai keliling Pulau Pinang dan bawa ke Jalan Tun Sardon. Saya telah membuat soalan bertulis dan saya dapat dari sejak tahun 1982 tidak ada langsung tindakan untuk memperbaiki jalan ini oleh sebab ianya baru dibuka pada tahun ini. Malangnya tidak sampai setahun (1983) kerajaan terpaksa membelanjakan $15,000.00; pada tahun 1984 (tidak sampai 3 tahun kerana pembukaannya ialah pada akhir tahun 1982), $20,000.00 (sudah naik $5,000.00). Ini bermakna $35,000.00. Datang pula ke tahun 1985 (belum sampai pun akhir tahun) naik belanja $34,000.00. Ini bermakna sudah $69,000.00. Dalam masa tidak sampai empat tahun kerajaan terpaksa membelanjakan begitu banyak. Termasuk juga soalan saya berhubung dengan perbelanjaan-perbelanjaan lain seperti pecahan jalan dan pemaritan bertambah pula lagi $5,000.00, maka Jalan Tun Sardon dalam masa tidak sampai 5 tahun sudah membelanjakan sampai $74,000.00. Ini jalan baru dan kita sungguh berasa dukacita dan kesal kerana jalan yang begitu baru dalam masa yang begitu singkat terpaksa membelanjakan

wang yang banyak. Ini menunjukkan penyelenggaraan semasa pembinaan jalan ini tidak dapat dibuat sepertimana yang kita maksudkan.

Di akhir-akhir ini kita dapati jalan ini paling buruk sekali, batu-batu masih muncul di atas bukit, menunggu masa untuk jatuh. Dan bila kita tanya jawapannya ialah, "Biarlah, biarlah dia jatuh sendiri". Jadi inilah jawapan yang diberi. Kita khuatir sekiranya masa hujan lebat kalau orang lalu jalan ini mungkin merbahaya. Bila kita tanya, jawapannya ialah bila hujan lebat janganlah melalui jalan ini, gunakan jalan yang lain. Jawapan sedemikian dari pihak yang berkenaan sungguh mendukacitakan kita. Kita perlu berikhtiar untuk menurunkan batu-batu besar ini, jadi sebab itu saya merayu kepada pihak J.K.R. khasnya, terutama pengerusinya, peruntukan yang kita dapati tahun ini adalah lebih besar, kira-kira $19,087,470.00, di mana sebahagian peruntukan ini boleh digunakan untuk memperbaiki jalan, memperkuat dan melebarkan dan juga menaikkan gred jalan-jalan ini.

Saya harap perkara ini dapat dilaksanakan dan dikawal dengan rapi kerana Jalan Tun Sardon ini ialah sebatang jalan yang paling strategik bagi penduduk-penduduk di kawasan Balik Pulau untuk datang ke bandaraya. Kalau saya keluar dari rumah jam 9.00, pada jam 9.30 tepat saya akan sampai di Dewan. Kalau saya hendak ikut jalan lama saya terpaksa keluar lebih awal. Jadi inilah satu baiknya Jalan Tun Sardon ini. Saya harap tidak akan dibiarkan keadaannya begitu sahaja.

Banyak lagi yang saya hendak sebutkan tentang jalan berlopak dan berlubang dan sebagainya, tapi saya rasa tidak perlu ada sebutkan di sini oleh sebab rakan-rakan saya telah menimbulkan mengenainya. Sama seperti kata rakan saya, Ahli dari Kubang Semang, jadi baru-baru ini ada orang yang mati kerana ada lubang di Jalan Tun Sardon semasa balik dari Pesta Pulau Pinang. Kemudian di Sungai Rusa pun seorang mati kerana jalan itu berlopak-lopak. Jadi inilah yang mendukacitakan kita. Jadi kita berharap dengan adanya peruntukan ini pandangan yang serious akan diberi untuk memperbaiki jalan-jalan ini dan juga bahu-bahu jalan supaya tidaklah kita akan dianggap sebagai tidak cekap, bersih dan amanah, seperti yang kita laung-laungkan itu.

Jadi bagi Jabatan Haiwan adalah lebih kurang sama seperti rakan-rakan saya, saya tidak hendak bercakap panjang oleh sebab kawasan saya ialah kawasan di mana ada dijalankan pengumpulan susu dan juga penggemuk lembu, dan pada hari ini hasilnya semakin bertambah baik, kita ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang telah memberi peruntukan yang begitu banyak dan kita berharap Jabatan Haiwan akan memberi banyak lembu di kawasan Balik Pulau.

Apa yang timbul hari ini ialah masalah pasaran juga seperti masalah yang dihadapi oleh penternak ayam tadi. Bila dikeluarkan tender, tidak ada orang yang hendak membeli lembu-lembu ini. Ini menjadi masalah. Jadi bila kita menjemput petani, petani-petani meminta supaya membiarkan mereka menjual lembu ini sendiri dan kita berharap dalam projek menjual lembu ini sendiri biarlah kita bagi peluang dan kita potong sahaja dari modal kita kepada mereka itu semoga lembu-lembu ini dapat sama-sama dijual oleh para penternak. Apa yang menjadi masalah hari ini ialah kita dapati daging import adalah lebih murah dari daging yang dikeluarkan oleh penternak-penternak kita. Walau bagaimanapun, ini terpulang kepada pihak kerajaan bagaimana hendak mengatasi masalah ini supaya dapat kita sama-sama memainkan peranan untuk memberi bantuan kepada penternak-penternak lembu di kawasan-kawasan yang berkenaan.

Begitu juga dengan Jabatan Hutan, tidaklah perlu saya bercakap banyak tapi berkenaan dengan Rimba Rekreasi telah saya timbulkan kelmarin dan saya berharap supaya kawasan tempat letak kereta di tepi jalan itu diperbaiki. Ini mungkin ada kaitan dengan J.K.R. dan kita harap supaya kita sama-sama memperbaiki tempat letak kereta dan bas ini. Kalau boleh saya berharap pihak kerajaan akan meletakkan papan tanda *"Parking"* di sebelah jalan sahaja, jangan di kedua-dua belah jalan oleh sebab jalan itu adalah jalan yang sempit. Jika tidak ada larangan, pihak bas dan kereta-kereta lain akan meletak kereta sesuka hati. Bas tidak boleh masuk ke dalam Rimba Rekreasi, hanya kereta-kereta kecil yang dibenarkan dan oleh sebab itu pada masa cuti atau keramaian, bas terletak berderet-deret di tepi jalan dan susah bagi kita melalui jalan itu. Saya harap perkara ini dapat kita sama-sama lihat dan perbetulkan supaya tidaklah orang menganggap kita tidak cekap, terutama sekali pelancong-pelancong dari luar negeri, termasuk dari luar Pulau Pinang.

Berkenaan dengan hal-ehwal ugama Islam, saya mengambil peluang mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan yang begitu memandang berat berkenaan hal ehwal ugama ini. Kalau kita silap-silap janya adalah amat sensitif sekali

kerana kita ingin hendak menerapkan nilai-nilai Islam dan kita yakin dan percaya peruntukan yang diberi ini akan membawa banyak faedah kepada masyarakat khasnya orang-orang Islam. Ini bukanlah bermakna orang-orang yang bukan Islam tidak dapat menikmati hasil perkembangan ini sebab perkembangan nilai-nilai Islam dengan pembangunan yang ditunjukkan oleh Kerajaan Negeri ini sedikit sebanyak akan menunjukkan keutuhan kepada penganut-penganut ugama Islam yangmana kerjasama dari pihak Kerajaan Negeri untuk melihat pembangunan ugama Islam ini akan terus maju semoga sepertimana yang dikatakan oleh rakan saya tadi, pembinaan masjid-masjid daerah dapat dipercepatkan supaya dapat mengelak dari tuduhan setengah-setengah golongan yang cuba menggunakan kesempatan mengatakan bahawa pihak kerajaan tidak mengambil berat untuk menjalankan dasar-dasar yang menurut nilai-nilai Islam kepada masyarakat kita.

Y.A.B. Ketua Menteri kita telah menunjukkan minat apabila dalam pembukaan Dam Mengkuang telah memberi ucapan salam yang bercorak Islam. Ini sedikit-sebanyak hasil nilai Islam. "As-salammu 'alaikum" itu bermakna "Kesejahteraan kepada kamu". Kita patut ucapkan tahniah kepada masyarakat kita supaya sama-sama memainkan peranan seperti itu. Ini adalah satu petanda yang baik semoga sama-sama kita dapat melihat perkembangan yang sedemikian ini.

Saya harap seperti rancangan yang disebutkan iaitu pembangunan untuk membina tempat melihat anak bulan di Pantai Acheh di kawasan Teluk Bahang dapat disegerakan kerana pada masa yang lalu bila kita pergi melihat anak bulan amat sukar terutama sekali bagi kita yang hendak menunaikan sembahyang kerana maklumlah kawasan itu jauh dari pekan, banyak paya, banyak nyamuk dan sebagainya. Sekiranya kita siap membina tempat melihat anak bulan ini ianya akan memberi keselesaan kepada orang-orang yang telah kita tetapkan untuk melihat anak bulan bagi Negeri Pulau Pinang.

Saya suka juga menyentuh sedikit-sebanyak berkenaan keindahan dan kebersihan Negeri Pulau Pinang ini kerana kita dapati kawasan-kawasan khasnya di Telok Bahang dan Balik Pulau tidak mendapat perhatian yang begitu serious dari pihak yang berkenaan, terutama sekali bila tiba masa untuk mengadakan Pesta Pulau Pinang selama sebulan. Tidak ada perhatian diberi kepada kawasan luarbandar. Kita tahu kawasan Telok Bahang ialah kawasan pelancongan, begitu juga pekan Balik Pulau. Pada masa yang lalu ada juga dipasang lampu-lampu dan hiasan-hiasan yang indah di kawasan pekan Balik Pulau dan Teluk Bahang, tetapi kali ini nampaknya terbiar begitu sahaja, pada hal kita tahu pada tahun 1986 ada persidangan PATA dan Pesta Pulau Pinang akan dilaksanakan selama setahun di seluruh Negeri Pulau Pinang ini.

Saya harap kawasan Teluk Bahang akan dapat dihiaskan oleh kerajaan dalam segi pembangunan supaya sama-sama dapat kita melihat kerana kita tahu pembangunan di Teluk Bahang ini jika dibandingkan dengan kawasan Tanjong Bungah adalah jauh berbeza seumpama langit dan bumi. Jadi kita berharap sebagaimana kata saudara saya dari Kubang Semang, mungkin kawasan Tanjong Bungah sahaja yang cantik. Tapi mungkinlah sebab tiap-tiap minggu saya lalu jalan itu dan saya dapati jalan itu begitu cantik dan licin dari Bagan Jermal ke Telok Bahang. Telok Bahang pun sekerat sahaja, lepas itu dibiarkan. Sekarang di Batu Feringghi sedang diperbesarkan lagi jalan itu. Jadi inilah satu perkara yang saya fikirkan kurang logik sekali.

Kita harap semua kawasan diberi peruntukan yang sama adil. Itulah harapan saya dan semoga dengan apa yang saya katakan ini saya juga menyokong penuh apa juga yang telah disarankan oleh rakan-rakan saya dalam Dewan ini. Adalah tujuan kita untuk memberi nikmat kepada rakyat di negeri ini, tidak sepertimana Ahli Kawasan Pengkalan Kota yang hanya pandai mengkritik tapi tidak tahu melaksankaannya. Jadi dengan adanya peruntukan pembangunan yang begitu besar kita yakin dan percaya akan dapat memberi nikmat kepada kesemua kawasan pilihanraya yang ada dalam Negeri Pulau Pinang ini, semoga rakyat benar-benar memahami hasrat kerajaan untuk memberi faedah kepada semua rakyat di Negeri Pulau Pinang ini khasnya bagi kita menghapuskan kemiskinan.

Saya akhiri ucapan ini dengan mengucapkan terima kasih kepada semua pihak kerana memberi peluang kepada kita sama-sama berbincang terutama kepada Y.A.B. Ketua Menteri dan juga kita ingin menyampaikan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan terima kasih kepada Pegawai Kewangan Negeri kita yang telah menyedia dan merancangkan begitu juga kepada kakitangannya dan juga semua ketua-ketua jabatan dan kakitangan kerajaan yang telah bekerja kuat sehingga dapat melaksanakan segala program pada tahun yang lalu. Pada tahun yang akan datang kita akan bekerja lebih kuat lagi dari apa yang telah kita buat pada masa yang lalu.

Sekianlah sahaja, dan dengan ini saya menyokong sepenuhnya di atas usul perbelanjaan pembangunan bagi Negeri Pulau Pinang bagi tahun 1986.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan lima minit.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.15 petang.

Dewan bersidang semula pada jam 6.20 petang.

Tuan Speaker:

Dewan bersidang semula.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Mohd. Zain bin Haji Omar):

Tuan Speaker, saya juga ingin membahaskan beberapa perkara yang telah disentuh oleh Ahli-ahli dalam Dewan ini. Saya tidak mahu mengambil masa yang panjang dan saya akan cuba bercakap seberapa pendek yang boleh, tidak seperti sahabat saya yang berkata tidak mahu mengambil masa yang panjang tetapi panjang. Walau macamanapun sedap, Tuan Speaker, sebab caranya mengkritik itu adalah baik dan membina, tidak seperti Yang Berhormat di sebelah kanan kita tu yang ucapannya panjang, tapi maki orang sahaja, selepas itu keluar, duduk di luar dan berihat, tidak mahu mendengar apa-apa komen kita. Tetapi terima kasih kerana masa saya bercakap ini beliau ada di hadapan kita.

Tuan Speaker, dalam perbahasan tadi, yang menyentuh hal saya ini sedikit sangat. Saya ucapkan terima kasih banyak, mungkin mereka faham apa yang telah kita buat. Tapi ada juga soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat dari Kawasan Pengkalan Kota. Beliau hendak mencuit kita. Kita hendak buat kerja beliau hendak cuit dahulu. Kerja telah kita buat, tinggal lagi tidak memberitahu kepada beliau. Beliau cuit kita, seolah-olah hendak mengajar kita. Ini stail kumpulan ini, saya tidak tahu kumpulan apa, tapi apa yang saya tahu ialah ini stail mereka – memaki orang, ... (gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum):

Stail burung hantu.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Mohd. Zain bin Haji Omar):

Stail apa? Stail burung hantu? Saya pun tidak tahu, tapi apa yang saya tahu kerja itu adalah kerja beliau. Bila kita cuit dia balik dia cuit punggung kita, kita cuit punggung dia, dia marah. Ini yang tidak adil. Sebut sahaja Karpal Singh, dia marah, sampai dia marah kepada Tuan Speaker. Kalau dia bercakap dan menyebut Agong, Sultan, yang tidak patut dicakapkan di Dewan ini, kita tidak kata apapun. Inilah perangai orang ini. Saya tidak tahu dari mana. Tadi beliau berbisik-bisik dengan pihak *Press*. Saya ingat esok boleh jadi keluar, apa – kemarahan dia tu. Apa yang kita jawab jangan-jangan tidak keluar pula. Kita harap biarlah sama-sama, baru ada stail. Kita minta ada stail sikit.

Cuit dia begini, Tuan Speaker. Dia tanya kita apa Pasukan Petugas hendak buat. 'Apa boleh buat? Jangan cakap sahaja hendak buat tapi kosong'. Cara menyoal itu baik. Bila orang baca esok, Wah, DAP menyoal Barisan Nasional, apa Pasukan Petugas hendak buat'. Wah, sedap didengar. Yang sudah diberhentikan kerjapun tertunggu-tunggu, seolah-olah hentaman dari Parti DAP. Kalau kita kaji balik, golongan ini juga, golongan yang sama ini juga yang menentang industri. Kerajaan ujudkan industri, dia maki kerajaan: bagi rosak mata oranglah, bagi orang tidak boleh tidurlah, bagi begitu-begini. Pendek kata tidak setuju langsung. Kalaulah kita ikut kumpulan ini dan tidak mengadakan industri, lagi banyak pengangguran. Tapi hari bila tercicir sedikit peratusan dari 4,000, 62% dari elektronik yang terpaksa tercicir disebabkan keadaan, lebih-kurang 2,000 lebih, dia mula soal balik kita, apa hendak buat? Orang-orang ini sudah kena berhenti kerja, apa hendak buat? Dulu bila kita hendak buat *factory*, 'Fasal apa hendak buat *factory?* Tak guna *factory'*. Ini dari golongan yang sama. Itu yang kita kata, kalau kita ikut hantu, silap-silap kita pun jadi hantu. Nasib baik kita tidak ikut perangai hantu. Saya hendak jawab kita hendak buat, dia sudah komen kita, boleh berjaya atau tidak. Belumlah tahu lagi. Kita hendak usahakan. Benda yang kita hendak usahakan kita belum tahu boleh berjaya atau tidak berjaya, tapi ikhtiar itu ada. Tidak usah tanya kita. Kita sudah bersedia hendak mencari jalan.

Buat peringkat sekarang kita sudah sediakan tiga strategi:-

Pertama, kita hendak menempatkan semula pekerja-pekerja yang telah hilang pekerjaan di sektor awam atau swasta yang mempunyai kekosongan jawatan. Ertinya golongan ini yang sudah berhenti kerja, sudah berkahwin, isterinya

tidak bekerja, suamipun tidak bekerja, orang-orang ini dalam keadaan gelisah. Kita sedar orang-orang ini dalam keadaan gelisah. Kumpulan-kumpulan ini yang kita cuba hendak memberi pertolongan. Kalau boleh kita hendak percepatkan, bila ada kekosongan di mana-mana kita hendak sumbat masuk, mengikut kebolehannya. Kalau dia tidak ada kebolehan dalam bidang tersebut, kita berikan latihan.

Kedua, memberi latihan supaya mereka dapat ditempatkan di tempat-tempat yang lain. Kita minta pihak swasta memberi pertolongan kepada kita. Kita minta agensi-agensi kerajaan yang boleh memberi latihan supaya di samping dia menjalankan kerja itu boleh dia mendapat pelajaran dan kemahiran. Orang-orang ini akan diberi latihan di bidang tersebut. Kalau kita bernasib baik, apabila keadaan bertambah baik dan kilang pun ada semula, orang yang tidak mendapat kerja itu akan mendapat kerja semula.

Inilah usaha kita. Tidak payah mengajar dan menasihatkan kita, tidak payah tanya kita dan tidak payah memaki kita. Kita tahu. Masyarakat di Pulau Pinang pun jangan hiraukan sangat kerana dia ni pendek kata buat apa pun tidak betul. Yang baik pun dia kata tidak baik. Kalaulah kita buat tidak baik, lagi tidak baik, lagi dia keriau pada kita. Macam kata sahabat saya dari Telok Bahang, kita buat jambatan dia maki kita. Jangan-jangan dia yang lebih banyak kali melintas pergi-balik-pergi-balik kerana hendak cepat, hendak mencari kes-kes dan sebagainya.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum):

Nanti dia minta keutamaan.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Mohd. Zain bin Haji Omar):

Ya, kita takut nanti dia minta keutamaan pula, tapi saya rasa dia tidak berani minta keutamaan sebab dia tahu kalau dia minta dan termasuk suratkhabar, jahanam dia, sebab dia yang menghentam sangat, tapi bisik-bisik mungkin. Tapi itu kita tidak pedulilah. Bagi saya macam ini punya cerita saya tidak kisah sangat. Kalau kita tinjau tadipun, masuk pagi maki kita, lepas maki lari keluar, tinggal kosong. Kawan-kawan kita hendak jawab balik pun tidak seronok sebab tengok kerusi kosong. Sudahlah seorang sudah kena tahan, yang satu lagi pun lari keluar. Jadi kawan-kawan kita hendak cakap dengan siapa? Jadi kalau kerusi kosong dan orangnya tidak ada, cakap pada hantulah. Itu yang betul.

Apa yang kita harap sama-sama memberi kerjasama, memberi sokongan kepada pasukan ini. Tanpa sokongan, kalau setakat satu jawatankuasa kecil sahaja berjalan, sokongan lain tidak ada, tak usah kita cari jalan memberi pertolongan, saya ingat hendak mengatasinya pun susah kerana di negara kita ini setiap rancangan memerlukan kerjasama. Kerjasama bukan dari satu pihak tetapi dari semua pihak, semua golongan masyarakat, kecil besar tua muda mesti memberi sokongan. Itulah perkara-perkara dari *portfolio* saya.

Di samping itu ada rancangan-rancangan bagi belia dan sukan bagi melatih dan memberi kesedaran supaya bertanggungjawab, supaya sanggup berdikari, supaya sanggup berdepan dan bercakap dengan terus terang, jangan takut, jangan takut, jangan membohong dan jangan menipu. Kita tidak mahu belia-belia kita suka menipu dan suka membohong, tahu maki orang tapi hendak tolong orang tidak ada. Kita tidak mahu masyarakat macam itu. Kita tidak mahu masyarakat yangmana kita bina dia pancong. Kita bina perpaduan dia hancurkan perpaduan, kita bina pakatan dia hancurkan pakatan. Ada juga yang seronok tengok kehancuran. Kita tubuhkan. Bukan dia tidak tahu. Dia tahu masyarakat kita ialah masyarakat berbilang kaum yang bersatu-padu. Hari ini masyarakat kita telah menerima masyarakat yang bersatu-padu, tetapi ada pihak yang sengaja mencari jalan menghancurkan perpaduan. Bila perpaduan sudah hancur, senang hendak buat apapun. Tapi Insya Allah, saya nampak masyarakat Negeri Pulau Pinang masih lagi percaya bahawa perpaduan itu lebih baik dan patut diutamakan.

Maka oleh sebab itu kita akan teruskan rancangan kita mahupun dalam bidang kebudayaan, belia dan sukan atau dalam apa sahaja, pendek kata seperti kata sahabat saya dari Kubang Semang tadi, meminta supaya diujudkan kebudayaan yang betul-betul baik, betul-betul mendapat perhatian dan boleh menarik minat pelancong dari luar. Kita akan buat, tapi yang utama sekali walaupun perbelanjaan sebesar mana kalau dapat kita akan belanjakan sebab kita tahu perpaduan itu boleh menolong semua bangsa dalam negara ini. Kalau hancur perpaduan maka hancurlah masyarakat kita. Inilah tujuan pembangkang kita. Mereka hendak tengok supaya pecah, sebab itu kalau dia maki pun, bukan dia maki di sebelah sini, tapi dia dok tumpu yang hujung sana seolah-olah orang itulah, kononnya bagi dia. Kalau kita dengar Anggaran Belanjawan yang kita bincangkan pun dia tidak ada cerita lain. Dia cerita kisah itu sahaja sampai terkeluar satu jawapan yang begitu baik – dia

tidak baca dalam suratkhabar — bagi anggaran yang kita cakapkan dalam tahun 1986 dia bercakap fasal tahun 1984 dan 1985. Sampai macam itu punya bodoh sekali. Tapi kita rasa rancangan untuk memberi didikan kepada belia perlu dikuatkan. Perbelanjaan perlu diberi lebih banyak lagi kerana kita tidak mahu golongan seperti ini ada sebab dia boleh memperbodohkan belia-belia kita pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih, Tuan Speaker.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Dr. Ong Hean Tee):

Tuan Speaker, saya bangun untuk menyokong usul Y.A.B. Dr. Lim Chong Eu mengenai Anggaran Pembangunan 1986 dan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menimbulkan perkara-perkara mengenai perumahan.

Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Pengkalan Kota telah menimbulkan kes menipu di mana 300 orang telah tertipu dan meminta pihak kerajaan mengambil tindakan dalam kes-kes semacam ini. Tapi saya juga ingat pada tahun 1981 bilamana Parti DAP telah membuka pejabat pendaftaran permohonan perumahan di Jalan Magazine, satu peristiwa telah terjadi di mana seorang pekerja dalam pejabat itu telah menipu orang-orang meningkat sejumlah $140,000.00. Orang itu telah menipu orang-orang yang berpendapatan rendah. Satu laporan polis telahpun dibuat mengenai kes ini dan pada masa ini kes ini sedang disiasat. Oleh itu, saya ingin berkata kepada Parti DAP dan Ahli Kawasan Pengkalan Kota, janganlah kita menuduh apabila rumah kita ada kerosakan juga.

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri sedar atas permintaan rakyat kita untuk perumahan kos rendah dan Y.A.B. Ketua Menteri kita dalam ucapannya dalam Dewan yang mulia ini dari masa ke masa telah menyentuh di atas perkara perumahan oleh kerana kerajaan yang dipimpin oleh beliau sedar akan keperluan rakyat ini akan tetapi Y.B. Ahli Kawasan Pengkalan Kota telah menuduh bahawa Y.A.B. Ketua Menteri hanya membuat pengumuman mengenai pembinaan perumahan tetapi Kerajaan Negeri tidak dapat mencapai *"target"* pembinaan yang dijadualkan.

Sebagai pemimpin yang bertanggungjawab, Y.A.B. Ketua Menteri telah membuat pengumuman seperti dimaksudkan bukan dengan sengajanya tetapi untuk menyediakan tenaga kerajaan bagi memenuhi keperluan rakyat untuk perumahan.

Sesungguhnya, peruntukan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan tidak selaras dengan permintaan kerajaan kita. Kerajaan Negeri telah bersedia untuk menambahkan pembinaan perumahan kos rendah apabila ada peruntukan tambahan. Penyediaan ini telah membawa faedah kepada rakyat kita apabila Kerajaan Persekutuan telah menambahkan peruntukan kewangan untuk Pulau Pinang bagi Rancangan Malaysia Keempat dari $37 juta kepada $64 juta. Oleh sebab Y.A.B. Ketua Menteri telah menyediakan tenaga kerajaan kita, kita dapat menggunakan peruntukan tambahan ini dan dapat menambahkan bilangan perumahan kos rendah kita dari 1,480 unit kepada 2,549 unit.

Tuan Speaker, saya pun telah mengemukakan perancangan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah keperluan perumahan ini. Akan tetapi, Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Kota telah menuduh saya dan memanggil saya seorang *"optimist"*. Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Kota telah menyatakan bahawa dalam 100 tahun juga kita tidak akan menyelesaikan masalah perumahan kita. Apa yang benar ialah selama adanya masyarakat manusia, keperluan perumahan atau perlindungan akan dihadapi dan apa juga negara dalam dunia ini termasuk negara-negara yang terbangun, seperti Amerika Syarikat, akan menghadapi keperluan ini.

Usaha Kerajaan Negeri adalah dipandu ke arah pencapaian perlindungan yang mencukupi, bukan seratus peratusnya perumahan mewah atau dimiliki, tetapi ke arah jenis perlindungan yang sempurna dan yang mencukupi untuk mempertahankan kesihatan dan maruah rakyat kita.

Sebagai pemimpin kerajaan dan pemimpin masyarakat kita yang bertanggungjawab, kita mesti menjadi *"optimist"* oleh kerana rakyat kita bergantung kepada kita untuk menolong mereka dalam masalah-masalah mereka dan juga dalam penyelesaian keperluan perumahan mereka. Dan Y.A.B. Ketua Menteri sebagai seorang pemimpin yang ikhlas telah memberi harapan kepada rakyat kita dalam tempoh 16 tahun yang lepas dan juga sudah berjaya dalam usahanya untuk meningkatkan taraf penghidupan rakyat kita. Harapan telah menjadi benar, dan jaminan telah ditunaikan.

Tuan Speaker, dasar baru Kerajaan Negeri mengenai perumahan sudah diumumkan dalam Dewan yang mulia ini pada 31 Oktober 1984. Untuk peringatan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya membentangkan petikan ucapan saya pada hari itu untuk diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhor-

mat kita. (Rujuk: Dasar dan Strategi Perumahan Kerajaan Negeri Pulau Pinang).

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah menimbulkan kebimbangan mereka bahawa Kerajaan Negeri tidak boleh mengatasi masalah keperluan perumahan ini.

Strategi kerajaan mengenai perumahan boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian:

i) Apakah angka keperluan?

iii) Apakah kemampuan mereka yang meminta?

iii) Apakah kawasan di mana kita terpaksa membina rumah?

Melalui kajian-kajian yang sudah dijalankan dan melalui pendaftaran semula yang akan diadakan pada bulan depan, Kerajaan Negeri akan menetapkan angka-angka keperluan mengikut golongan pendapatan dan kawasan penempatan. Dalam strategi pembinaan kita Kerajaan Negeri akan mengenalpasti jenis perumahan dan kawasan pembinaan yang akan dibangunkan di dalam negeri ini. Agensi-agensi pembinaan dan angka bagi tiap-tiap agensi akan ditetapkan. Juga sumber kewangan dan sistem pinjaman akan ditetapkan. Kerajaan Negeri juga sedar bahawa segolongan besar pemohon-pemohon tidak mampu membeli rumah kos rendah kerajaan yang memerlukan bayaran bulanan sebanyak $156.00 sebulan.

Ada permintaan dari Ahli-ahli Yang Berhormat supaya pembayaran ini dikurangkan. Kerajaan sedar bahawa dari keluarga-keluarga yang memohon, 72% dari pemohon-pemohon itu tidak mampu oleh kerana pendapatan keluarga mereka adalah kurang dari $500.00 sebulan. Kerajaan sedang mengkaji masalah perumahan bagi golongan ini dan pada 22 dan 23 Oktober yang lepas ini Kerajaan Negeri telah menganjurkan satu Seminar dan Bengkel yang bertajuk "Perumahan dan Kemiskinan". Dalam seminar dan bengkel ini kita telah menerima banyak pandangan dan nasihat daripada pegawai-pegawai tertinggi kerajaan dan juga daripada pihak swasta dan juga wakil-wakil masyarakat kita. Selepas kajian dan pertimbangan soalan ini telah timbul: Bolehkah Kerajaan Negeri menghadapi masalah perumahan di Pulau Pinang? Dengan perancangan dan nasihat Y.A.B. Ketua Menteri kita, Kerajaan Negeri telah menyediakan satu strategi pembinaan di mana Kerajaan Negeri, agensi-agensi kerajaan dan juga pihak swasta akan melibatkan diri dalam rancangan ini.

Baru-baru ini Kerajaan Negeri telah meluluskan satu dasar di mana pihak-pihak swasta mesti menyumbangkan sebanyak 30% dari projek mereka sebagai perumahan kos rendah untuk menambahkan unit-unit rumah kos rendah yang dibina dalam Negeri Pulau Pinang. Bagi orang-orang kita yang tidak mampu membayar $156.00 sebulan, Kerajaan Negeri telah menawarkan tiga alternatif kepada mereka:

i) menyewa rumah dan jangan membeli rumah kerana mereka mampu menyewa tetapi tidak mampu membeli;

ii) menerima rumah yang lebih kecil dan kurang kemudahannya supaya kos pembinaan dan seterusnya kos jualan boleh diturunkan; dan

iii) satu rekabentuk baru iaitu rekabentuk klaster 8 yang telah dicadangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri kita sendiri.

Rumah klaster 8 ini ialah sebuah bangunan dua tingkat yang mengandungi 4 unit rumah *apartment* di tingkat bawah dan 4 unit lagi di tingkat satu. Rekabentuk ini menyerupai rumah kampung di kawasan bandar di mana tuan rumah tinggal di tingkat atas dan penyewanya tinggal di tingkat bawah. Dalam bulan Ogos ini Kerajaan Negeri telah menawarkan pembinaan 212 buah rumah klaster dalam rancangan perumahan Daerah Timur Laut dan telah berjaya mendapat satu harga tender $17,600.00 seunit. Ini bermakna dengan rekabentuk yang dimajukan oleh Y.A.B. Ketua Menteri ini. Kerajaan Pulau Pinang boleh membina perumahan kos rendah dua tingkat yang berharga kurang dari $25,000.00 seunit.

Tuan Speaker, dalam masa lima tahun ke hadapan iaitu dalam Rancangan Malaysia Kelima, Kerajaan Negeri telah bercadang untuk membina 7,000 unit perumahan kos rendah sekim *"hire-purchase"* di bawah Rancangan Malaysia Kelima, 6,000 unit perumahan kos rendah sekim penjualan terus di bawah Rancangan Pengswastaan Perumahan, Rancangan Malaysia Keempat, 7,000 unit perumahan kos rendah sekim penjualan terus di bawah Rancangan Kilat 3 tahun yang baru diputuskan oleh Kerajaan Persekutuan, 4,000 unit perumahan kos rendah sekim rancangan penjualan terus di bawah rancangan pembinaan agensi-agensi kerajaan seperti P.D.C., UDA dan PERDA dan 6,000 unit rumah kos rendah sekim penjualan terus yang akan disumbangkan oleh pihak swasta di bawah dasar sumbangan 30% rumah kos rendah. Jumlah angka yang dirancangkan ialah 7,000 unit

perumahan kos rendah sekim *hire-purchase* dan 23,000 unit perumahan kos rendah sekim penjualan terus.

Selain dari jumlah ini Kerajaan Negeri akan menyediakan 4,500 rumah sewa sebagai perumahan sewa peringkat pertama dan merancang untuk membina lebih rumah sewa ini dalam lima tahun yang akan datang. Untuk melaksanakan rancangan ini Kerajaan Negeri bercadang menubuhkan Perbadanan Pembangunan Perumahan Negeri Pulau Pinang sebagai satu badan yang berkemampuan dari segi kewangan dan tenaga pelaksanaan.

Tuan Speaker, inilah dasar dan strategi Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengenai perumahan. Marilah kita semua berdoa kepada Tuhan melimpahkan Rahmatnya kepada kita untuk menjayakan usaha kita menolong rakyat Pulau Pinang.

Akhir sekali perkara-perkara lain yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan dijawab secara bertulis kepada mereka. Saya juga mengambil peluang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, ahli-ahli jawatankuasa saya dan kepada semua kakitangan kerajaan yang telah membantu saya dalam tugas saya ini.

Terima Kasih.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):

Tuan Speaker, saya bangun untuk menyokong usul yang telah dibawa oleh Y.A.B. Ketua Menteri.

Ahli dari Kawasan Bukit Tengah telah membawa perkara-perkara mengenai Lesen Pendudukan Sementara dan pemberianmilik tanah di kampung-kampung baru. Pentadbiran Tanah tidak sepatutnya dipersalahkan terhadap masalah-masalah tanah di kampung-kampung baru kerana pihak pentadbiran ini telah bekerja keras untuk memproses permohonan-permohonan Lesen Pendudukan Sementara dan pemberianmilik tanah di kampung-kampung baru itu telah mempunyai sama ada Lesen Pendudukan Sementara atau pajakan mukim.

Walau bagaimanapun, ada terdapat lot-lot yang masih kosong di beberapa buah kampung baru yang permohonan untuk memilikinya masih dalam pertimbangan kerajaan. Oleh kerana Pihak Berkuasa Negeri telah menetapkan dasar pembangunan menyeluruh bagi kampung-kampung baru dengan tujuan meningkatkan taraf pendapatan penduduk-penduduk di situ maka Pentadbiran Tanah telah merujukkan tanah-tanah yang masih kosong itu kepada Jabatan Perancang Negeri dan Jawatankuasa Perumahan Negeri untuk menjalankan kajian. Sekiranya kawasan-kawasan itu didapati tidak sesuai maka permohonan pemberianmilik yang telah diterima dahulu itu bolehlah dikemukakan semula kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk pertimbangan.

Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Penaga (Datuk Hj. Hassan bin Hj. Md. Noh @ Mat Noor):

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya juga bangun bersama-sama Ahli-ahli Yang Berhormat rakan-rakan saya untuk mengucapkan terima kasih dan sama-sama menyokong usul yang dibawa oleh Y.A.B. Ketua Menteri berhubung dengan Anggaran Pembangunan bagi tahun 1986.

Saya juga mengambil kesempatan di sini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pegawai-pegawai kanan kerajaan dan kakitangan-kakitangan Kerajaan Negeri yang telah bekerja kuat sehingga membawa kejayaan yang begitu cemerlang sekali dalam pembangunan Negeri Pulau Pinang pada tahun 1984 dengan harapan manakala anggaran ini diluluskan kelak bagi pembangunan tahun 1986 ini semua kakitangan kerajaan dapat menumpukan sepenuh tenaga dan masa untuk menjayakan rancangan pembangunan ini.

Selain dari kakitangan kerajaan, saya juga sepertimana yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat ingin menyampaikan ucapan terima kasih dan tahniah kepada anggota-anggota polis. Saya mengambil kesempatan di sini supaya Dewan ini dapat merakamkan ucapan takziah kepada keluarga anggota-anggota polis kita yang telah terkorban di dalam peristiwa Memali di Baling baru-baru ini. Di samping itu, Y.B. Tuan Speaker, sebagai kita semua maklum, ceramah-ceramah politik telah diharamkan bagi beberapa buah negeri di Malaysia ini termasuklah di Negeri Pulau Pinang. Cuma yang dibenarkan ialah Perayaan Maulud Nabi yang boleh diadakan di negeri-negeri yang berkenaan termasuk Negeri Pulau Pinang.

Sepertimana kita semua maklum pada hari ini arahan atau larangan ini telahpun ditarik balik

yang berunsur politik yang mungkin akan digunakan di dalam unsur-unsur yang berbentuk keugamaan ini akan bermula manakala arahan ini ditarik balik. Oleh yang demikian saya berharaplah, terutama sekali kepada anggota-anggota polis supaya dapat sama-sama mengawasi keadaan ini dan supaya ceramah-ceramah yang akan diadakan nanti akan mengikuti arahan-arahan atau kehendak-kehendak pihak polis. Saya bimbang, Yang Berhormat Tuan Speaker, ada kemungkinan dalam ceramah-ceramah yang akan diadakan kerana saya dapati parti-parti politik terutama sekali PAS memang berghairah dan berhasrat benar untuk memberi ceramah-ceramah dan juga mengambil kesempatan untuk menerangkan kepada rakyat di atas peristiwa Memali itu. Jadi saya berharap terutama sekali masyarakat Islam di Negeri Pulau Pinang ini supaya jangan terpedaya atau terpengaruh dengan apa yang akan dibuat oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh dalam hal pembangunan terutama sekali dari segi pembangunan Islam. Memanglah menjadi hasrat dan rancangan kerajaan untuk menubuhkan khutub-khanah di Mesjid Negeri dan juga mengadakan mesjid-mesjid daerah di Negeri Pulau Pinang ini.

Bersabit dengan apa yang disentuh oleh Ahli dari Kawasan Sungai Acheh berhubung dengan peristiwa bencana alam iaitu angin puting beliung yang telah melibatkan 18 buah rumah di Sg. Bakap saya telah telah diberitahu bahawa senya Jabatan Kebajikan Masyarakat telahpun mengambil tindakan dan telah meluluskan wang sebbanyak $3,000.00 dan berkemungkinan akan diagihkan sebanyak $200.00 bagi tiap-tiap keluarga yang terlibat dalam bencana alam yang berlaku di Sg. Baung, Sg. Bakap di Daerah Seberang Perai Selatan.

Dengan hal yang demikian, Tuan Speaker, saya lagi sekali mengucapkan terima kasih dan saya mohon menyokong bersama-sama rakan-rakan saya Anggaran Pembangunan yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri.

Terima kasih.

Ahli Kawasan Tanjong Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah dalam ucapan mereka membangkitkan perkara-perkara berkenaan jalan-jalan, jambatan-jambatan, banjir dan sebagainya. Kerajaan akan mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya dengan secepat mungkin.

Tuan Speaker, Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Pengkalan Kota, dengan gaya *"typical"* DAP sekali lagi telah cuba merendah-rendahkan pencapaian Kerajaan Pulau Pinang di bawah pimpinan Y.A.B. Ketua Menteri selama 16 tahun yang lepas. Bagi DAP, Kerajaan Negeri tidak mencapai apa-apa kemajuan semenjak 16 tahun yang lepas – segala-galanya ialah kegagalan: kilang-kilang, hotel-hotel, KOMTAR, Jambatan Pulau Pinang, bandar-bandar baru, projek-projek perumahan, Pesta Pulau Pinang dan sebagainya.

Tetapi apakah yang telah terjadi? Barisan Nasional telah mendapat semakin banyak sokongan di dalam pilihanraya yang lepas. Walaupun pemimpin DAP tidak terjun dari Jambatan Pulau Pinang, tetapi bilangan kerusi DAP telahpun turun dan DAP tinggal hanya 2 kerusi sahaja lagi, malah dari 2 wakil DAP yang dipilih, seorang darinya begitu sibuk dengan urusan-urusan sendiri dan tidak dapat atau tidak mahu menghadiri persidangan Dewan ini, di mana beliau telah dipilih untuk datang ke sini bagi mewakili pengundi-pengundi di kawasannya, tetapi meninggalkan seorang lagi sebagai *"Lone Ranger"* dengan menerima arahan-arahan atau *"remote control"* daripada mahagurunya. Jelaslah, jikalau pemimpin-pemimpin DAP merasakan tidak perlu menghadiri persidangan Dewan ini untuk mewakili rakyatnya, tidak ada makna lagi bagi rakyat membenarkan lagi sesiapa ahli DAP dilantik ke Dewan ini. Mungkin inilah sebabnya DAP harus mengimport orang-orang *"higher class"* dari negeri-negeri lain untuk datang ke sini.

Tuan Speaker, pihak kerajaan tidak pernah cuba menojol-nonjolkan pembangunan sosio-ekonomi di Pulau Pinang ini. Akan tetapi, telah diakui umum, malah oleh ahli-ahli pembangkang juga bahawa Pulau Pinang telah menjadi salah satu negeri yang pembangunannya adalah begitu pesat dan yang terbaik bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di seluruh rantau ini.

Pencapaian ini diperolehi melalui usaha dan sokongan daripada rakyat Pulau Pinang. Untuk memperkecil-kecilkan usaha pembangunan dan pencapaian di Pulau Pinang adalah ternyata juga memperkecil-kecilkan usaha dan pencapaian rakyat Pulau Pinang sendiri.

Tuan Speaker, memang kita menghadapi banyak masalah, tetapi masalah-masalah ini timbul bersama dengan pembangunan. Jika sekiranya tidak ada pembangunan, maka tidaklah ujud masalah seumpama itu. Bila terdapat pembangunan, masalah ini tidak boleh dielakkan. Kerajaan Negeri bertekad dan berazam akan menjalankan lagi projek-projek pembangunan sosio-ekonomik demi memberi munafaat kepada rakyat dan meninggikan lagi taraf hidup mereka. Kerajaan Negeri bertekad dan berazam untuk menyelesaikan kesemua masalah-masalah yang timbul bersama pembangunan dari masa ke semasa.

Tuan Speaker, dengan meningkatnya pembangunan, aktiviti ekonomi juga akan bertambah. Begitu juga dengan kenderaan dan lalulintas. Oleh itu kita perlu membina jalan-jalan baru dan meningkatkan lagi taraf sistem jalan kita dan juga memperbaiki sistem lalulintas termasuklah lalulintas di Butterworth, Bukit Mertajam dan Georgetown. Kita juga perlu memperbaiki dan meningkatkan lagi sistem jalan kita. Kita juga perlu memperbaiki penyelenggaraan jalan-jalan kita.

Dalam hal ini, Kerajaan akan terus membina dan melebarkan lagi jalan-jalan termasuklah jalan-jalan di luarbandar dan jalan-jalan kampung serta membuat perundingan untuk menambahkan lagi *grant* penyelenggaraan jalan. Apa-apa yang kurang memuaskan pada masa yang lepas, contohnya jalan-jalan *sub-standard* yang belum diambil alih oleh kerajaan untuk penyelenggaraan, kerajaan akan berusaha sepenuhnya untuk meninggikan taraf dan seterusnya mengambil alih sebaik sahaja keadaan kewangan mengizinkan.

Tuan Speaker, dengan pembangunan juga terdapat keperluan untuk meningkatkan dan memperbaiki lagi sistem pemaritan dan juga untuk memperlebar, mendalam serta menyalurkan *(channelise)* sungai-sungai. Dengan itu perjalanan air *(run-off water)* sekarang ini bukan sahaja bertambah baik, malah pengalirannya bertambah deras.

Sebagai langkah jangka pendek semua parit-parit dan sungai-sungai yang ada sekarang hendaklah diteruskan pembersihannya dari sampah sarap dan enapan *(siltation)*. Dalam hal ini saya berasa gembira kerana Pihak Berkuasa Negeri telahpun meluluskan sejumlah $1 juta untuk dibelanjakan bagi melaksanakan projek-projek mendalam dan membersihkan parit-parit dan sungai-sungai. Pihak kerajaan akan berusaha untuk melaksanakan semua projek-projek ini dengan secepat mungkin.

Saya juga suka mengambil kesemptan ini sekali lagi untuk merayu kepada orangramai, khususnya penduduk-penduduk, penjaja-penjaja serta tuanpunya-tuanpunya gerai agar tidak membuang sampah sarap ke dalam parit-parit. Apa sahaja yang dibuang ke dalam parit-parit dan sungai-sungai itu akan menyebabkan ianya tersumbat.

Saya juga ingin merayu kepada semua pemborong dan pemaju-pemaju perumahan untuk memberikan kerjasama mereka yang lebih memuaskan kepada kerajaan dengan cara mengawal dan mengesan kerja-kerja tanah *(earthworks)*, supaya dengan cara ini dapat mengelakkan dari berlakunya hakisan tanah. Enapan *(siltation)* di dalam sungai biasanya terjadi dari hakisan sebegini dari tapak-tapak pembinaan. Pihak Majlis Kerajaan Tempatan juga patut mengemaskinikan lagi kawalan mereka ke atas kerja tanah seumpama itu. Langkah-langkah termasuk *pondage areas, silt traps and rubbish traps* akan diperkenalkan bagi semua sekim-sekim pembangunan perumahan.

Tuan Speaker, inilah dengan ringkasnya saya menjelaskan akan perkara-perkara yang dibangkitkan di dalam Dewan ini oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dengan ini saya menyokong usul Anggaran Pembangunan ini.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, terima kasih kerana diberi peluang untuk menyokong ucapan yang diucapkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri mengenai Anggaran Pembangunan 1986.

Banyak juga perkara-perkara mengenai jawatankuasa saya yang telah dibangkitkan, juga Jawatankuasa Pertanian dan Pelancongan. Insya Allah, semua perkara-perkara itu akan dicatitkan dan diberi perhatian yang berat dan serious.

Walau bagaimanapun, suka saya menjelaskan satu perkara yang agak mengelirukan iaitu kekeliruan yang dibuat oleh Ahli dari Pengkalan Kota yang mengatakan tidak ada langsung kedai bebas cukai di Pulau Pinang. Yang sebenarnya di Pulau Pinang ada kira-kira 40 buah kedai bebas cukai.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, saya bukan bercakap ber-

kenaan kedai bebas cukai tetapi berkenaan kedai tanpa cukai di Bukit Kayu Hitam, Perlis, yang ..... (gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Nampaknya beliau tidak faham apa yang beliau cakapkan. Jadi dia cuma membaca apa yang ditulis.

Dengan ini saya lagi sekali menyokong penuh ucapan belanjawan yang dibuat oleh Y.A.B. Dr. Lim Chong Eu selaku Ketua Menteri.

Terima kasih.

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya ucapkan terima kasih di atas sokongan penuh Yang Berhormat Ahli-ahli dan saya rasa Yang Berhormat Ahli-ahli semua terasa letih tapi gembira oleh sebab dalam dua hari kelmarin dan seluruh hari ini kita telah berbincang mengenai beberapa perkara yang telah dibawa kepada Dewan ini untuk dipertimbangkan.

Semua perkara yang kita telah bawa adalah untuk faedah rakyat kita dalam Negeri Pulau Pinang dan untuk masa yang akan datang. Dan saya rasa kita telahpun sampai ke satu peringkat baru perkhidmatan yangmana semua perkara yang dibawa dalam perbincangan dan perbahasan oleh Yang Berhormat Ahli-ahli boleh dibawa kepada jawatankuasa kecil dalam Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan. Bagi perkara-perkara yang telah dibawa yang ada kaitan dengan negeri kita untuk tahun depan, saya berharap sahabat-sahabat saya dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan bolehlah menubuhkan jawatankuasa kecil atau mengadakan seminar atau symposium dengan Yang Berhormat Ahli-ahli yang telah membawa perkara-perkara tersebut.

Ada banyak perkara yang telah dibawa dan dalam satu hari saya telah mendengar banyak perkara yang sungguh-sungguh menarik hati saya. Tapi saya ingat Yang Berhormat Ahli-ahlipun faham perkara-perkara yang berbangkit bukan semuanya berkaitan dengan kerajaan. Ada masalah seperti *"Tax Haven"* yang kita mesti serahkan kepada Kerajaan Persekutuan, dan perkara pasar di Taman Tun Sardon boleh dibawa kepada perhatian Kerajaan Tempatan.

Ada lain-lain perkara yang menarik hati dalam Dewan ini oleh sebab pada hari ini kita telah berbincang mengenai Negeri Pulau Pinang dari atas ke bawah, dari Pantai Acheh sampai ke Sungai Acheh, dari Rimba Rekreasi sampai ke Dam Mengkuang; Sungai Duri sampai ke Sungai Enam dan semuanya mesti disalurkan kepada jabatan-jabatan di Pulau Pinang. Tapi nampak saya perkara-perkara yang dibangkitkan ada gunanya.

Apa yang saya dapat faham dalam perbahasan hari ini ialah bahawa semua Ahli mewakili penduduk Negeri Pulau Pinang dan sedia bekerja kuat untuk melalui tahun yang akan datang, tahun 1986, dan kita sedia maklum sebagai satu tahun yang susah sekali. Ini kita terima, tapi kita telah menunjukkan satu semangat yang baik di mana kita lagi hendak bekerja lebih. Jika mengikut laporan yang saya baru baca dalam suratkhabar, iaitu Laporan Bank Negara, barangkali pada hujung tahun ini *(first quarter)* tahun depan, barangkali ekonomi dunia boleh bertambah baik dan apa yang disediakan untuk tahun hadapan boleh membawa kesenangan sedikit.

Oleh sebab itu saya harap Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan boleh menjalankan satu lagi peringkat baru yangmana kita jalankan tugas jawatankuasa kecil untuk mengkaji perkara-perkara yang berbangkit.

Tapi ada satu perkara yang saya ingat semua Ahli Yang Berhormat telah mengambil perhatian berat iaitu masalah banjir, iaitu masalah yang kita mesti terima berkenaan cuaca yang bukan biasa. Di hujung tahun ini saya ingat cuaca tidak serupa dengan beberapa tahun yang lalu. Apa yang saya dapat tahu ialah hujan telah turun lebat lebih dari 70 tahun dalam sejarah negeri kita, tapi kita tidak ada apa-apa anggaran dalam Belanjawan Pembangunan oleh sebab pada tahun inipun bila banjir telah berlaku pada bulan Oktober, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah yang seterusnya dan meluluskan wang sebanyak $1 juta di luar dari apa yang kita telah sediakan untuk tahun ini, iaitu tahun 1985. Jika wang ini tidak cukup dan jika apa-apa rancangan yang kita laksanakan tidak boleh menyelesaikan masalah banjir, tentulah kerajaan boleh sediakan lebih wang dari wang pembangunan untuk menyelesaikan masalah banjir yang akan datang. Kita berharap sahaja barangkali cuaca akan bertambah baik. Tapi kita bersedia dan jika perlu kita boleh bawa satu bekalan tambahan untuk menyelesaikan perkara-perkara yang telah dikaji dan telah diambil keputusan oleh Jawatankuasa Kecil yang saya sebutkan tadi.

Yang Berhormat sekalian, saya juga mesti

mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Pengkalan Kota oleh sebab beliau telah mengambil bahagian dalam perbahasan dengan semangat yang baik, tapi dengan pengalaman yang tidak cukup, sebab beliau selalu mengulang balik perkara-pekara yang tidak betul bukan sahaja untuk mengelirukan Dewan ini tetapi dengan tujuan hendak menipu rakyat dan bohong diri sendiri. Beliau telah berkata dalam tahun lepas prestasi hanya 14.2 peratus dalam separuh tahun pertama yang lalu, dan sudah tentu terdapat kesilapan dalam pentadbiran dan pengurusan. Saya harap apa yang saya baca balik ini adalah betul, tapi beliau telah membawa perkara yangmana Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan telah membelanjakan 21.1 peratus dari apa yang kita sediakan untuk tahun 1985 dan dari itu beliau telah mengambil keputusan bahawa pentadbiran telah membuat kesilapan. Bukan pentadbiran yang telah membuat kesilapan. Beliau yang telah membuat kesilapan.

Tuan Speaker, dalam jumlah yang kita telah anggarkan untuk pembangunan tahun 1986, mengikut apa yang telah dijalankan dari tahun 1985 ialah baki peruntukan $26,849,745.00. Tapi sehingga sekarang kita hanya membelanjakan $14 juta dan ini telah menjadi 34.3 peratus. Sebanyak $22,947,895.00 merupakan pembayaran kontrak projek-projek perumahan yang tidak dapat dibayar oleh sebab projek-projek belum siap lagi. Bila projek-projek yang sekarang masih dalam peringkat-peringkat akhir pembinaan ini telah siap, kita tentu akan membayar kontrak. Ini bukan kesilapan pentadbiran.

Beliau telah membawa lain-lain perkara sebagai contoh. Perkara Jabatan Haiwan yangmana kita telah menggunakan 26.3 peratus. Ini berbeza langsung dari perkara tadi sebab tadi peratus dikurangkan tetapi itupun ada berkaitan dengan jumlah besar $22 juta lebih. Ini Jabatan Haiwan yangmana kita ada ramalan perbelanjaan sahaja yangmana baki peruntukannya ialah $777,497.00 dan ramalan perbelanjaan ialah $369,533.00. Inilah sebab pembayaran kontrak untuk pembinaan Pejabat Haiwan di Pokok Sena tidak dapat dibuat pada tahun ini dan akan dibayar pada tahun hadapan. Bila kita menjalankan perbahasan dan jawapan di atas perkara-perkara yang dibawa dalam perbahasan belanjawan bekalan tahun depan, kita telah tunjukkan projek ini dijalankan pada tahun depan, tapi beliau telah membawa perkara ini dan terus mengambil keputusan bahawa ini adalah kesilapan pentadbiran dan pengurusan. Tuan Speaker, di sini kita ditunjukkan macamana pihak pembangkang kalau mereka sungguhpun mahu mengambil bahagian dalam satu proses demokratik mereka selalu mesti menjaga dengan *"fact-fact"* dan membawa kepada Dewan atau rakyat, bukan sahaja *"fact-fact-fact-fact"*.

Tuan Speaker, lagi satu perkara yang saya ingin mengambil peluang di sini mengucapkan lagi sekali ialah satu perkara yang semua Yang Berhormat Ahli-ahli telah terima untuk mendapat perhatian berat iaitu pengangguran yang merupakan satu masalah yang besar di seluruh dunia dan ini ada berkaitan dengan kita sendiri. Ini sungguhpun bersangkutan dengan dasar yang kita jalankan beberapa tahun dahulu dan dasar yang kita sekarang sediakan untuk dijalankan bagi tahun depan.

Bagi Negeri Pulau Pinang sektor industri akan terus menjadi sektor yang terpenting dan sumbangannya dalam Keluaran Dalam Negeri Kasar dalam negeri ini akan terus meningkat. Adalah dijangka bahawa menjelang tahun 1990 sumbangan sektor swasta terhadap Keluaran Dalam Negeri Kasar Pulau Pinang akan menjadi 46 peratus dan bagi sesebuah negara ataupun negara yang memulakan proses perindustrian strategi pembangunan perindustrian yang lazim diterima ialah memulakan industri-industri berintensif buruh *(labour-intensive)* yang memerlukan kemahiran yang rendah.

Apabila asas perindustrian telah dibentuk ianya membangunkan industri-industri yang memerlukan kemahiran yang tinggi. Di Pulau Pinang Kerajaan telah menggunakan strategi ini dan pada awal tahun 1970an industri-industri yang berintensif buruh berasaskan export telah dijalankan. Pada masa itu adalah menjadi tanggungjawab segera kerajaan untuk mengujudkan peluang bagi penduduk-penduduk kita dan sektor perindustrian dikenalpasti sebagai sektor yang dapat mengujudkan bilangan pekerjaan yang banyak dalam masa yang singkat. Masa telah membuktikan bahawa strategi pembangunan kerajaan untuk menggalakkan industri berintensif buruh seperti elektronik dan tekstil pada awal tahun 1970an adalah tepat dan berkesan. Yang mustahak, semasa di peringkat awal penggalakan pembangunan perusahaan, matlamat utama adalah untuk mengujudkan sauana perusahaan supaya rakyat kita akan selesa bekerja dalam suasana perkilangan.

Janganlah lupa sepuluh tahun dahulu bila kita hendak membuka sebuah kilang elektronik

parti D.A.P. telah berkata 'Jangan buka kilang, ini industri yang merosakkan kesihatan pekerja-pekerja negeri kita'. Mereka membawa apa sahaja yang mereka hendak cakapkan dan menuduh industri, tapi oleh sebab kita *optimistic*, mereka *pessimistic*. Kita *optimistic* oleh sebab kita percaya kepada anak-anak Negeri Pulau Pinang. Kita percaya dengan pekerja-pekerja Negeri Pulau Pinang, tidak payah kita import dari tempat lain, kita *optimistic* oleh sebab kita yakin orang-orang kita ada kebolehan hendak menukar kebiasaan di masa itu yangmana selalu kita seru kepada rakyat kita supaya janganlah selalu mahu *"white-collar job"* masuk dalam industri perkilangan. Dan ini telah membawa kejayaan kepada rakyat Negeri Pulau Pinang.

Tapi kejayaan besar ini tentu membawa masalah yang besar dan hari ini kita ada masalah pengangguran oleh sebab ada kilang-kilang yang telah ketepikan peluang bekerja. Dengan semangat yang ada, kita telah menjalankan satu sektor ekonomi baru – sektor perindustrian – dan itulah semangat yang telah terang ditunjukkan oleh sahabat saya, Yang Berhormat Ahli Kawasan Bayan Lepas, yangmana kita sedia hendak selesaikan cabaran-cabaran yang kita hadapi sekarang.

Pada penghujung tahun 1970an dan awal tahun 1980an Kerajaan telah menggalakkan industri-industri berintensif modal dan teknologi tinggi dan kita telah masuk lagi satu peringkat yang baru. Ini dapat dilaksanakan oleh sebab negeri ini sudahpun mempunyai asas keupayaan perindustrian untuk menerima dan melaksanakan industri-industri seperti ini.

Matlamat Kerajaan Negeri ialah untuk mengujudkan asas perindustrian agar penduduk-penduduk kita dapat dilatih dalam bidang perindustrian dan menyesuaikan diri dalam suasana kerja di kilang-kilang.

Kita telah berjaya mengurangkan kadar pengangguran dari 16 peratus pada lewat tahun 1960an kepada lebihkurang 6 peratus pada tahun 70an melalui pengujudan 140,000 kerja – 56,000 kerja langsung di kilang-kilang di kawasan perindustrian perbadanan serta kesan berganda *(multiplier effect)* 2.5.

Suatu asas untuk pertumbuhan perindustrian masa depan telah diujudkan di semasa ini dan Negeri Pulau Pinang mempunyai beberapa kelebihan dan kedudukan untuk memajukan industri-industri kecil tempatan, industri berteknologi tinggi dapat membantu perbadanan industri berat (HICOM) yang dibentuk oleh Kerajaan Pusat bagi memajukan lagi sektor perindustrian di Negeri Pulau Pinang.

Kerajaan telah berpegang kepada strategi perindustriannya dan mengambil usaha-usaha penggalakan yang tegas dan berkesan untuk menarik berbagai jenis industri terutama industri yang berkaitan dengan logam, jentera, kejuruteraan serta dengan usaha membuat kereta Malaysia, Proton Saga, maka langkah telah diambil untuk menggalakkan pelaburan dalam bidang pengeluaran alat-alat ganti kenderaan.

Usaha-usaha kita dalam bidang ini telah berhasil di mana kita mempunyai tiga syarikat di Pulau Pinang untuk menyokong bukan sahaja projek kereta Malaysia tetapi juga industri-industri automobil di rantau Asean. Syarikat-syarikat ini ialah Asian Automotive Engineering-Zahnradfabrik Friedrichshafen (AAE-ZF) Steering Sdn. Bhd., Asean Automotive Engineering-TRW (AAE-TRW) Components Sdn. Bhd. dan German Malaysian Precision Engineering (GMPE) Sdn. Bhd. dan syarikat-syarikat ini akan mengeluarkan *manual* dan *power steering* untuk kereta-kereta, *tierods, tierod ends, ball joints, stabilizer, steering columns,* bahagian-bahagian kereta dan motosikal dan juga *custom engineering parts.* Tambahan pula terdapat lagi satu kilang yang dikenali sebagai VDO Instruments Sdn. Bhd. yang mengeluarkan alat-alat elektronik untuk *dashboards* dan *car instrument clusters.*

Sektor perindustrian berperanan sebagai nadi pertumbuhan ekonomi. Sektor ini memerlukan usaha-usaha dari Kerajaan, lebih-lebih lagi sokongan dari sektor swasta agar lebih banyak industri sokongan tempatan dapat dimajukan dan kemahiran teknologi tinggi dapat diperolehi melalui usaha-sama dengan kilang-kilang asing yang mempunyai kemahiran dan keupayaan.

Tuan Speaker, saya tidak lupa sepuluh tahun dahulu apabila kita membawa masalah elektronik, ada orang yang berkata 'Apalah *semi-conductor'*. Apa yang terjadi *"The Electronic Chief"*. Tapi hari ini kita telah meluaskan dan kita mesti faham apa yang telah saya sebutkan mengenai *tierods, stabilizers, steering columns* dan *tierod ends,* sebab kita telah sampai ke satu peringkat yang baru dan pekerja kita mesti mencapai satu lagi peringkat baru. Saya ucapkan terima kasih lagi sekali kepada semua Ahli Yang Berhormat dengan sokongan penuh kepada saya di atas Rang Undang-undang Perbekalan di mana kita telah sediakan satu

belanjawan besar.

Sekarang kalau disebutkan $2 juta ini, terasa kecil, tetapi $2 juta adalah satu bekalan yang besar sekali yang kita sediakan untuk menjaga pekerja-pekerja kita dan untuk melatih rakyat kita yang muda sampai ke satu peringkat yang baru. Mengenai pekerja-pekerja kilang yang diberhentikan kerja, maklumat kami menunjukkan bahawa lebih-kurang 4,500 orang telah diberhentikan sehingga akhir bulan Oktober tahun ini. Dari jumlah ini, 3,000 adalah pekerja perindustrian. Seramai 2,700 pekerja elektronik dan tekstil telah diberhentikan. Sahabat saya, Yang Berhormat dari Bayan Lepas, telah menjelaskan kepada Dewan ini macamana Jawatankuasa Petugas menjalankan kerja mereka untuk menolong dan melatih pekerja-pekerja ini memasuki sektor-sektor ekonomi lain.

Ini menunjukkan bahawa sistem ekonomi terbuka *(open economy)* yang kita amalkan menyulitkan negara kita untuk mengatasi kesusahan yang diakibatkan oleh kesan ekonomi dunia. *Open economy* bukan sahaja membawa kesusahan kepada Negeri Pulau Pinang, tetapi juga kepada negeri-negeri jiran kita. Singapura yang mempunyai pelabuhan bebas pun menghadapi kesusahan. Oleh sebab itu tidak payah kita membawa perkara lama untuk menyelesaikan masalah yang mencabar kita pada hari depan. Kita mesti mencari lain jalan. Apa yang kita dapat buat ialah untuk cuba mencari pekerjaan lain bila suasana kerja di setengah sektor terjejas.

Kerajaan telah mengenalpasti potensi peluang pekerjaan dalam sektor pelancongan dan perkhidmatan, dan segalanya diambil untuk menggalak dan memajukan kedua-dua sektor ini. Walaupun gaji pekerja kita adalah rendah berbanding dengan negara-negara perindustrian yang maju, namun secara amnya pekerja-pekerja kita menikmati gaji yang lebih tinggi berbanding dengan pekerja-pekerja di dalam sektor-sektor lain. Mereka menikmati gaji yang tinggi berbanding dengan gaji pekerja-pekerja kilang di beberapa negara jiran kita. Pekerja-pekerja kilang menikmati suasana kerja yang baik, tempat kerja yang bersih dan kurang pencemaran. Mereka juga menerima faedah-faedah sampingan seperti kemudahan perubatan, subsidi pengangkutan dan makanan, pakaian seragam serta kemudahan-kemudahan sukan dan rekreasi.

Tuan Speaker, apa yang penting ialah dengan adanya kemajuan perindustrian ini, penduduk kita telah menikmati mutu kehidupan yang lebih baik dan pendapatan ramai keluarga telah meningkat dengan besarnya. Untuk mempastikan kita terus mencapai pertumbuhan ekonomi yang tinggi, kita perlulah mengukuhkan lagi pencapaian kita dalam sektor perindustrian dan pada masa yang sama membangunkan sektor perkhidmatan kita.

Tuan Speaker, inilah yang menjadikan perbahasan kita penting oleh sebab kita sekarang duduk di dalam satu tahap yang kritikal. Yang Berhormat Ahli-ahli telah mengambil bahagian membahaskan usul saya untuk Anggaran Pembangunan 1986 tetapi kita pun telah membuka satu *horizon* baru sebagai persediaan untuk masa hadapan. Penduduk-penduduk kita hendaklah menyambut baik segala usaha kerajaan untuk memajukan sektor perkhidmatan dan bersedia menghadapi cabaran dengan mencari pekerjaan serta melabur dalam industri hotel, industri pelancongan, industri penyelenggaraan dan pembaikan serta perniagaan moden. Inilah yang kita telah tunjukkan dalam usul saya dan sokongan penuh yang saya dapat dalam dewan ini memberi saya satu keyakinan Negeri Pulau Pinang tentu berjaya, maju dan makmur pada hari depan, bukan dengan *optimistic* tetapi dengan *realistic*. Tidak payah kita *pessimist* sebab pihak di sini yang mewakili ramai orang di dalam Negeri Pulau Pinang mempunyai keyakinan yang besar. Kita dalam Barisan Nasional dengan satu pentadbiran yang stabil dan dengan keselamatan masyarakat kita tentulah membawa faedah untuk memajukan rakyat kita, tidak payah kita tunggu untuk import orang *first-class* dari D.A.P. Kita terima keputusan mereka. Ahli-ahli dari D.A.P. dalam Negeri Pulau Pinang tidak ada kelas, oleh sebab itu mereka mesti membawa orang-orang *first-class* dari lain-lain negeri.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Are you frightened?

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, kita tidak *frightened.*

Tuan Speaker, bukan sahaja sekarang kita ada jambatan dari mana mereka boleh terjun, tapi bila-bilapun kalau ingat hendak jalankan kerja ini, kita ada sekuriti, tahu. Dan dia boleh naik sampai KOMTAR yang boleh dikatakan begitu tinggi dan boleh sampai ke Mengkuang dan tenggelam di sana. Saya ingat D.A.P. tidak payah susah hati. Kita tidak ingin mereka terjun dari jambatan. Kita hanya berharap mereka mendapat pengalaman dan tahu sikap rakyat kita. Rakyat Negeri Pulau Pinang yang berbilang kaum telah bersatu-

padu. Jangan bawa perkara Melayu dan bukan Melayu. Kita di pihak sini bekerja untuk Melayu, Cina dan India. Sebagai satu masyarakat yang berbilang kaum, kami bekerja kuat untuk bersatupadu dan untuk membentuk masyarakat Malaysia yang adil dan saksama. Jangan takut Melayu atau bukan Melayu. Kalau berani cakap, saya sekarang mewakili orang-orang Cina. Tidak payah. Dia tidak berani. Dia tahu bukan orang tapi hantu sahaja. Pihak di sini bila-bila ada perkara berkaitan dengan kaum Melayu, kita tidak kira keturunan, kita tentu pertimbang masalah yang berbangkit dan menyelesaikan masalah itu dengan memuaskan hati rakyat. Kalau ada perkara yang berkaitan dengan kaum Cina, itupun kita mesti ambil pertimbangan. Kitapun melaksanakan dan selesaikan perkara-perkara itu dengan adil dan saksama.

Tuan Speaker, saya harap sokongan penuh yang kita dapat dalam Dewan ini membawa kita di Negeri Pulau Pinang ke masa yang besar sekali di hari depan.

Usul dipersetujui

7. PENANGGUHAN

Ketua Menteri :

Tuan Speaker, sebelum saya mencadangkan penangguhan Dewan ini, saya mencadangkan Tuan Speaker bagi pihak dewan ini menghantarkan satu surat takziah kepada keluarga Allahyarham Tun Datuk Haji Sardon.

Tuan Speaker, dengan itu saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Tuan Speaker:

Yang Berhormat Encik Teoh Teik Huat.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, saya bangun untuk ucapan penangguhan saya. Tajuknya ialah "Dilemma Penduduk-penduduk Yang Terlibat Dengan Projek KOMTAR".

Walaupun 10 tahun telah berlalu sejak pelaksanaan projek KOMTAR, pihak Kerajaan Negeri masih belum belajar dari kesilapannya yang lalu. Penempatan semula dan perumahan semula bagi mereka yang terlibat disebabkan oleh projek KOMTAR masih dalam keadaan yang mengelirukan tetapi kekal sebagai masalah yang utama dan terbesar di negeri ini.

Projek pembangunan KOMTAR sehingga kini telah dalam prosesnya memecahbelahkan beratus-ratus penduduk, memisahkan keluarga-keluarga yang telah tinggal bersama selama beberapa keturunan di kawasan yang terlibat. Ia telah memusnahkan mata pencarian mereka yang terlibat dan menimbulkan penderitaan kepada mereka.

Seseorang mungkin memikirkan bahawa setakat ini Kerajaan Negeri dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang telahpun belajar dari kesilapan-kesilapan mereka yang lalu dan dapat mengendalikan dan mengatasi dengan lebih cekap dalam penempatan semula mereka yang terlibat. Malang sekali, sebaliknya penduduk-penduduk tersebut yang tinggal di sepanjang Jalan Magazine, Jalan Gladstone dan kawasan-kawasan sekitarnya di kawasan pilihanraya saya masih belum berpindah dari rumah masing-masing sekarang yang sepatutnya akan diruntuhkan untuk projek KOMTAR dan masih tidak mengetahui apa-apa tentang nasib mereka. Penduduk-penduduk ini tidak tahu bila dan di mana mereka akan mengosongkan atau meninggalkan rumah-rumah mereka; melainkan kenyataan bahawa mereka harus mengosongkan rumah mereka pada satu hari nanti. Penduduk-penduduk ini kini tinggal dengan kebimbangan berterusan yang mereka akan disuruh meninggalkan kediaman sekarang yang telah mereka diami selama beberapa keturunan dan apabila disuruh meninggalkan kediaman tersebut akan mengakibatkan mereka dan keluarga masing-masing tanpa sebarang perlindungan.

Tuan Speaker, tindakan Kerajaan Negeri yang membiarkan penduduk-penduduk ini tertanya-tanya dan hanya memberitahu mereka di saat terakhir bila dan di mana mereka akan ditempatkan untuk projek KOMTAR telah mengakibatkan penderitaan yang dahsyat dan masalah kepada mereka. Kegagalan Kerajaan Negeri dan pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang untuk mengumumkan kepada mereka yang terlibat akan rancangan-rancangan penempatan semula mereka sejak awal-awal lagi telah menyiksa atau mengganggu fikiran mereka oleh Kerajaan Negeri.

Selanjutnya mereka yang menjalankan perniagaan di kediaman mereka sekarang sedang

menghadapi satu dilemma. Dengan tidak diberitahu dari awal bila dan di mana mereka akan dipindahkan dari kediaman mereka, perniagaan mereka telah terancam dengan hebat. Mereka ini tidak dapat merencanakan masa depan dan meluaskan perniagaan mereka disebabkan oleh ketidakpastian ini.

Langkah Kerajaan Negeri meminta penduduk-penduduk ini memasuki satu Perjanjian Sewa dengan Kerajaan Negeri telah menimbulkan kebimbangan yang bukan-bukan di fikiran penduduk-penduduk ini. Ini adalah kerana tidak tercatat langsung di dalam perjanjian tersebut yang meyakinkan mereka yang mereka akan dibayar gantirugi atau diberi rumah lain jika mereka diminta meninggalkan rumah-rumah mereka oleh Kerajaan Negeri kemudiannya.

Saya tidak nampak sebarang keperluan untuk menandatangani satu Perjanjian Sewa. Jika Perjanjian Sewa tersebut diperlukan, harus terdapat satu *clause* yang ditambah di dalam perjanjian tersebut bagi menempatkan semula penduduk-penduduk tersebut. Mereka-mereka ini bukanlah sebarangan orang. Mereka akan meninggalkan kediaman mereka pada bila-bila masa jika penempatan lain ditemui oleh Kerajaan Negeri untuk mereka. Kesemua penduduk-penduduk ini hanya inginkan jaminan yang mereka akan diberi rumah-rumah yang sesuai dan disediakan satu kawasan di mana mereka dapat meneruskan perniagaan bagi mereka-mereka yang berniaga.

Kerajaan Negeri tidak boleh melayan penduduk-penduduk tersebut dengan keras atas dasar seorang tuantanah dengan seorang penyewa tetapi mestilah mempunyai tanggungjawab moral untuk membantu mereka. Masalah-masalah ini ditimbulkan oleh Kerajaan Negeri bila Projek KOMTAR dilaksanakan. Oleh yang demikian Kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab dan mesti menyelesaikan masalah penempatan semula mereka-mereka yang terlibat.

Memandangkan ini saya menyeru Y.A.B. Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri supaya menghasilkan satu rancangan penempatan semula yang nyata bagi mereka yang terlibat dengan projek KOMTAR dan supaya memberitahu mereka sejak awal-awal lagi tentang bila mereka akan diminta meninggalkan kediaman mereka dan di mana mereka akan ditempatkan semula. Kerajaan Negeri tidak harus memberitahu penduduk-penduduk tersebut hanya pada saat-saat terakhir bila rumah-rumah mereka akan dimusnahkan yang menjadi amalan Kerajaan Negeri sekarang. Masa secukupnya mesti diberi kepada mereka bagi membolehkan mereka meminda atau membuat pindaan yang munasabah bagi kehidupan dan mata pencarian mereka. Sehingga langkah-langkah sedemikian diambil dan rancangan-rancangan penempatan semula diberitahu kepada penduduk-penduduk tersebut dan diterima sepenuhnya, Kerajaan Negeri harus berhenti dari terus mengganggu dan memusnahkan rumah-rumah mereka.

Sekian.

Tuan Speaker:

Yang Berhormat Encik Lim Heng Tee.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee):

Tuan Speaker, dengan keizinan saya minta tarik balik.

Ahli Kawasan Tanjong Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, Ahli Kawasan Pengkalan Kota, Y.B. Encik Teoh Teik Huat, dalam ucapan penangguhannya telah membangkitkan isu penduduk yang terlibat dengan projek KOMTAR. Y.B. Encik Teoh Teik Huat telah melahirkan rasa kekhuatiran terhadap penduduk yang terlibat tentang kemudahan-kemudahan penempatan semula mereka.

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri sentiasa mengambil berat terhadap semua penduduk yang terlibat dengan projek KOMTAR sama sepertimana yang terlibat dengan projek-projek kerajaan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sehingga ini daripada sejumlah 4,035 penduduk yang terlibat dengan projek KOMTAR, 2,109 orang yang terlibat dalam Fasa I, II dan III telahpun ditempatkan semula dengan berbagai kemudahan yang terdapat di kawasan-kawasan yang dikemukakan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang atau di projek-projek yang dimajukan oleh Kerajaan Negeri.

Bagi mereka yang menjalankan perniagaan di bangunan-bangunan perdagangan, mereka telah diberi keutamaan untuk membeli atau menyewa ruangan di KOMTAR atau unit-unit perdagangan lain yang dibina oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang di projek-projek pembangunannya seperti di Gat Lebuh Macallum, Jalan Kedah, Bandar Bayan Baru dan Bandar Seberang Jaya. Begitu juga penyewa-penyewa rumah kediaman

telah diberi keutamaan untuk membeli rumah kediaman di projek-projek perumahan yang dimajukan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang. Penyewa-penyewa yang layak juga diberi peruntukan unit-unit rumah pangsa kos rendah oleh Kerajaan Negeri atau kemudahan-kemudahan rumah peralihan di Lebuh Cecil dan Pengkalan Weld serta unit-unit perdagangan di Pengkalan Weld dan Jalan Brick Kiln.

Sehingga ini sebanyak $22,718,410.47 telah dibayar sebagai gantirugi kepada pemilik-pemilik bangunan serta bayaran ihsan kepada penyewa-penyewa yang ditempatkan semula.

Baki bayaran ihsan sebanyak $519,038.36 lagi akan dibayar kepada penyewa-penyewa apabila mereka telah ditempatkan semula. Rundingan sedang dijalankan dengan penduduk yang terlibat dengan Fasa III, IV dan V, yang berjumlah seramai 1,926 orang bagi mendapat kemudahan penempatan semula.

Kebimbangan Y.B. Encik Teoh Teik Huat terhadap penyewa-penyewa yang mungkin diusir tanpa mendapat tempat kediaman alternatif adalah tidak berasas sama sekali, oleh kerana belum ada orang-orang yang terlibat yang tidak mendapat perhatian Kerajaan atau agensinya, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, pada masa yang lalu dan kami akan memastikan semua orang yang terlibat dengan projek-projek pembangunan kita akan terus dibayar gantirugi dan ditempatkan semula dengan sempurna.

Tuan Speaker:

Dewan ditangguhkan.

Dewan ditangguhkan pada jam 7.50 petang.